

Bil. 6

**Selasa
19 Mac 2019**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

Perkara 44 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat
Dewan Rakyat – Memerintah YB. Tanjong Karang Keluar
Dari Majlis Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 7)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong
- Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru) (Halaman 27)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
5. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
6. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
7. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
8. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
9. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
10. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
11. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
12. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
13. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
14. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
15. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
19. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
21. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
22. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
23. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM

24. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
25. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
26. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
27. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
28. “ Puan Kasthuraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
29. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
30. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
31. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
32. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
33. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
34. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
35. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
36. “ Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
37. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
38. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
39. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
40. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM
41. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
42. “ Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
43. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
44. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
45. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
46. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
47. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
48. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
49. “ Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
50. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
51. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
52. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
53. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
54. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
55. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
56. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
57. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
58. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
59. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
60. “ Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
61. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM

62. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
63. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
64. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
65. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
66. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
67. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
68. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
69. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
70. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
71. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
72. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
73. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
74. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
75. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikej] – DAP
76. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
77. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
78. “ Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
8. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keteroh] – UMNO
10. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
11. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
12. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
13. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
14. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

15. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
16. “ Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
18. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
19. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
20. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
23. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
25. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
26. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
27. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
28. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
30. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
31. “ Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highland] – UMNO
32. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
33. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
34. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
35. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
36. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
37. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
38. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
39. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
40. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat]
2. “ Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
3. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort]
4. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran]
5. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]
6. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
7. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBR)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 19 Mac 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat

Sirih junjung buah pinangan,

Dihias indah cantik ditatang,

Tatatertib dewan di lupa jangan,

Adap dikendong budaya dijulung.[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta yang telah diluluskan di Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2019

**PERKARA 44 PERATURAN-PERATURAN MAJLIS
MESYUARAT DEWAN RAKYAT – MEMERINTAH YB. TANJONG KARANG
KELUAR DARI MAJLIS MESYUARAT**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli yang Yang Berhormat, semasa perbahasan Titah Diraja pada waktu petang 18 Mac 2019 oleh Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tanjong Karang tanpa kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah melemparkan tuduhan terhadap institusi Speaker dengan mengulangi tohmahan bahawa Pengerusi Mesyuarat tidak layak menjadi Speaker walaupun penjelasan telah diberi oleh saya dan beliau dikehendaki merujuk kepada *Hansard*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut '*Erskine May: treaties on the law, privileges, proceedings and usage of Parliament*', dengan izin, "*The speaker and his deputies during his occupation of that office follows the same tradition of abstention from the party controversy. They do not exercise the right of the ordinary member to participate in debates and division of the House which require them to uphold the principle of impartiality. It is further stated in Erskine May's parliamentary practice. Any disorderly contumacious or disrespectful conduct in the House constitute a contempt*".

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Speaker, tugas saya bukan sahaja mempengerusikan mesyuarat dewan yang Mulia ini dengan adil, saksama dan amanah. Tanggungjawab sebagai Speaker juga mengehendaki saya menjaga, membela integriti imej dan kewibawaan institusi Parlimen. *[Tepuk]* Maka berdasarkan kelakuan Yang Berhormat Tanjong Karang yang tidak senonoh dan jelas sengaja melakukan perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat atau tidak mengendahkan kuasa Pengerusi. Tohmahan yang dilempar menuduh Pengerusi Mesyuarat tidak layak memegang jawatan adalah satu perbuatan yang menghina Majlis Mesyuarat ataupun dengan izin *an open insult to the chair*.

Oleh yg demikian, berdasarkan kepada kuasa saya yang diberi di bawah Perkara 43 dan 44, Saya dengan ini memerintah Yang Berhormat Tanjong Karang keluar dari Majlis Mesyuarat bagi tempoh selama tiga hari iaitu hari ini 19 Mac 2019, hari Rabu 20 Mac 2019 dan Khamis 21 Mac 2019. *[Tepuk]*

Saya menyarankan supaya Yang Berhormat Tanjong Karang mengambil iktibar tidak mengulang kelakuan menghina Majlis Mesyuarat pada masa yang akan datang dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat bersama-sama menjaga tertib dalam Dewan Mesyuarat yang mulia ini. *[Tepuk]* Sekian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Kuala Krau Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya sangat menghormati petua yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya mohon budi bicara Tuan Yang di-Pertua, ketika Tuan Yang di-Pertua memberikan petua tersebut hendaklah ahli yang telah diberikan perintah hadir di dalam Dewan ini. Itu amalan kita selama ini Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya berlari daripada kereta ya Tuan Yang di-Pertua apabila mendengar *ruling* yang hendak dilakukan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon sangat Tuan Yang di-Pertua untuk menjaga hak ahli-ahli dalam dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya mohon Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang untuk memberikan penjelasan dan juga mendengar petua yang diberikan. Sekiranya Yang Berhormat Tanjong Karang enggan untuk memohon maaf dan menarik balik kata-kata yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, barulah Tuan Yang di-Pertua memberikan *ruling*. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sekarang adalah waktu bersidang. Sebenarnya ia menjadi tanggungjawab setiap Ahli Dewan untuk menghadiri persidangan. *[Tepuk]*

Akan tetapi amat kesal sekali walaupun sekarang, Yang Berhormat Tanjong Karang tiada dalam Dewan ini. Ini bukan kesilapan atau kesalahan Yang di-Pertua. Teruskan Setiausaha.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini juga berlaku beberapa perkara, beberapa peristiwa, Tuan Yang di-Pertua kena memberikan peluang kepada Yang Berhormat yang tidak berada di dalam Dewan. Ini amalan kita selama ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon keadilan untuk Yang Berhormat Tanjong Karang untuk memohon maaf dan juga menarik balik kata-kata tersebut sekiranya enggan, barulah Tuan Yang di-Pertua memberikan perintah kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya mohon sangat Tuan Yang di-Pertua untuk menjaga keharmonian dan saya percaya semangat Kerajaan Pakatan harapan untuk mempertingkatkan dan mengadakan *reform* kepada Parlimen yang mulia ini. Saya mohon sangat Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

■1010

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krau.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat atas kata-kata yang manis ini. Penjelasan pun telah saya berikan. Keputusan telah dibuat. Ini adalah tanggungjawab Ahli Parlimen hadir dalam Mesyuarat.

[*Tepuk*] Bukan tanggungjawab saya pastikan dia hadir. Ini terpulang kepada budi bicara Ahli Yang Berhormat. Teruskan Setiausaha. Keputusan telah dibuat. Saya rasa cukuplah. *Point taken, point taken*. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Tuan Yang di-Pertua tidak memberikan peluang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, saya pun minta maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon untuk keluar daripada sidang Dewan ketika Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan sidang Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat. Silakan Setiausaha.

[*Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang keluar Dewan*]

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah penyeludupan beras selain daripada mengharamkan "*transshipment*" beras, dan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi boikot pelabuhan Sabah dan Labuan oleh pedagang-pedagang dari Zamboanga, Filipina akibat rampasan 350 kontena beras dari Vietnam yang bernilai RM10 juta.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua yang tegas dan penuh wibawa. Sahabat saya Yang Berhormat Kota Kinabalu terima kasih atas soalan yang dikemukakan. Walaupun kita adalah merupakan kerajaan Pakatan Harapan yang sentiasa *pro-business* tetapi isu integriti, wibawa dan juga penguat kuasa undang-undang tidak boleh suatu perkara yang dikesampingkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Kinabalu, kita telah mengambil beberapa langkah yang ke hadapan dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang mana kita telah melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Luar Negeri untuk kita bersama-sama membincangkan isu *transshipment* yang kita hadapi sekarang ini.

Ada kes yang telah dibawa ke mahkamah yang tidak boleh saya panjangkan di sini kerana kita maklum bahawa kita bimbang berlakunya apa yang dikatakan *sub judice*, dengan izin. Terdapat dua aspek yang akan dinilai dalam pembuat keputusan bagi membenarkan pelaksanaan *transshipment* iaitu kita mesti mengamalkan pendekatan aspek perundangan dan penguatkuasaan. Penelitian mengenai segala perkara yang berbangkit sedang dilaksanakan dan saya sendiri akan membawa satu memorandum Jemaah Menteri yang kita telah mengambil satu pendekatan yang holistik untuk kita bincang perkara ini dan mendapat keputusan Kabinet.

Berdasarkan dengan isu rampasan kontena beras dari Vietnam ini, kes ini adalah di bawah tindakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan peruntukan Kastam 1967, akta justifikasi tertentu yang melibatkan peraturan dan syarat *transshipment* dagangan di antara kedua-dua buah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia ada peraturan dan undang-undang yang hanya membenarkan Bernas sahaja yang menguruskan isu-isu yang berkaitan dengan AP. Di Indonesia mereka ada NFAD atau *National Food Authorities* yang mengawal selia beras ini. Oleh itu, kita harus menjaga kredibiliti kedua-dua badan ini supaya isu ini tidak berbangkit dari segi perundangan. Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Ya selama ini Sabah sering ada perdagangan *barter trade* bersama dengan bahagian Indonesia dan Filipina. Memang saya setuju, kita harus mengambil tindakan terhadap penyeludupan tetapi macam mana hendak pastikan keseimbangan di antara perdagangan dan penguatkuasaan yang mungkin boleh memudaratkan dan melambatkan *business* ini.

Soalan saya, adakah Kerajaan Persekutuan akan mengajak wakil daripada kerajaan negeri dalam menentukan hal ini? Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, sudah barang pasti segala perundingan ini mengambil kira semua pihak. Akan tetapi kita tidak boleh membuat satu peraturan dan undang-undang hanya di bahagian kita sahaja, di sebelah kita sahaja. Kita juga harus melihat tentang kesan daripada pelaksanaan itu.

Contohnya, apabila kita mengizinkan pecah pukal iaitulah satu peraturan yang kita telah amalkan. Bot ataupun kapal yang membawa itu mestilah mengikut *spec* yang ditentukan. Kalau bot itu dipecah pukal dan masuk dalam bot-bot kecil, ini akan *trigger*, dengan izin ataupun menyebabkan mudah berlaku penyeludupan.

Namun begitu, setelah masa berlalu saya sudah sebut tadi bahawa kementerian sedang mengkaji secara holistik, ada MJN yang akan kita bentang dan kita akan mengambil kira semua pandangan ini supaya *business* kerajaan ini *pro-business* dan kedua-dua pihak mendapat keuntungan tanpa kita berkompromi kepada peraturan dan undang-undang yang mesti kita tegakkan dengan kita menjaga integriti negara Malaysia yang tercinta ini. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Okey, terima kasih. Soalan saya adalah, untuk mengatasi masalah penyeludupan, adakah kerajaan sudi memberi AP tambahan kepada pengusaha-pengusaha lain untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat pengumuman berdasarkan kepada Manifesto Pakatan Harapan bahawa monopoli Bernas itu akan ditamatkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang mulia ini, kita sedang mengkaji perkara ini dan kita harus memikirkan satu model yang terbaik untuk menggantikan Bernas. Ini kerana Bernas akan tamat konsesinya pada tahun 2021.

Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet mengenai perkara ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi sedang dalam proses untuk menyiapkan model ini. Apabila model ini siap, kita rasa kita boleh membuka peluang kepada pemain-pemain yang lain untuk turut serta dalam industri beras yang tidak hanya menyaksikan Bernas tetapi syarikat-syarikat lain pun juga akan turut diberikan peluang untuk bersama dalam industri padi dan beras negara ini. Terima kasih.

2. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada setuju dengan penahanan seorang lelaki atas sebab mengkritik Perdana Menteri serta hala tuju Kerajaan untuk mempertahankan kebebasan bersuara dan pada masa yang sama menjaga keharmonian masyarakat memandangkan kes salah guna media sosial kian meningkat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kluang atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi, Tun Dr. Mahathir tidak bersetuju dengan penangkapan mana-mana individu yang mengkritik kerajaan atau ahli-ahli Kabinet kerana kerajaan mengambil pendirian bahawa seseorang ahli politik perlu menerima sebarang kritikan khususnya kritikan yang membina, *constructive criticism* atau dipanggil dengan apa-apa sahaja gelaran atau komen negatif ataupun positif yang telah pun diberikan.

Hak mengenai kebebasan bersuara merupakan suatu hak yang dijamin di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Namun, hak tersebut adalah tertakluk sekatan yang diperuntukkan di bawah undang-undang negara demi kepentingan keselamatan negara.

■1020

Hubungan baik dengan negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri akan membuat peruntukan membentang penghinaan mahkamah, fitnah atau pengabaian apa-apa kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu kebebasan untuk mengkritik tidak bermakna sesiapa sahaja boleh mengeluarkan kata-kata dengan tujuan memfitnah seseorang atau reputasi peribadi individu tersebut kerana memfitnah adalah satu kesalahan di bawah

undang-undang atau akta, kata-kata yang bertujuan untuk menyakitkan perasaan individu akan mengakibatkan ketidakharmonian, perpecahan atau perasaan bermusuhan.

Antara undang-undang yang sedia ada Tuan Yang di-Pertua yang menjamin bahawa hak kebebasan bersuara dinikmati mengikut lunas undang-undang ialah seperti seksyen 298 dan juga seksyen 298A Kanun Keseksaan berhubung dengan larangan bagi mengeluarkan kata-kata atau membuat sesuatu perbuatan yang boleh menyakitkan perasaan atau sentimen keagamaan mana-mana orang atau golongan orang.

Selain itu, terdapat juga sekatan yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang mana seksyen 233 menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang yang menggunakan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dengan tidak wajar. Antaranya dengan cara yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menggugat atau mengganggu mana-mana orang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita memandangkan situasi sekarang setiap hari atau pun setiap minggu ada demonstrasi anjuran beberapa pihak. Saya minta Menteri kalau boleh memberi penjelasan tentang rancangan atau *road map* atau jangka masa untuk mansuhkan akta yang tidak berasaskan prinsip kebebasan bersuara dan apa tindakan akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan undang-undang akan dilaksanakan secara adil kepada semua pihak tidak kira parti lawan atau parti kerajaan atau pihak *Civil Society* (NGO) iaitu semua orang dapat *treatment* yang adil apabila mereka anjurkan demonstrasi.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kluang atas soalan tambahan tersebut. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada setakat ini rakyat sememangnya untuk menyuarakan dan juga daripada segi berdemonstrasi asalkan mereka mendapatkan kelulusan di bawah akta perjalanan di mana kebebasan diberikan kepada mereka untuk membuat demonstrasi dan juga seterusnya.

Akan tetapi dalam akta tersebut kita perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak polis kerana *under the Peaceful Assembly Act*, kita telah pun ada peraturan untuk dipatuhi oleh mereka. Jadi sememangnya dalam Kerajaan Pakatan Harapan ini kita setakat ini dalam *work in progress* dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk men-*reform*-kan pelbagai akta-akta untuk memberikan kebebasan kepada mereka. Kita tidak mengikat sesiapa sahaja individu dalam negara ini untuk menyuarakan dan untuk memberikan kritikan yang *constructive* terhadap kerajaan dan juga terhadap sesiapa sahaja yang menjadi Ahli-ahli Kabinet. Ini kerana kita mengambil pendekatan bahawa kita bebas dikritik oleh rakyat atas dasar ataupun atas apa-apa sahaja asalkan kritikan itu tidak personal, tidak menghina kita sebagai seorang individu. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya komitmen pihak kerajaan memandangkan kita berdasarkan prinsip kebebasan bersuara, kebebasan untuk berhimpun, adakah boleh dikeluarkan satu perintah ataupun arahan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk menghentikan semua siasatan berasaskan Akta Hasutan terutama terhadap mereka yang berdemonstrasi, mereka yang berhimpun secara aman. Apakah komitmen kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan tambahan ini. Pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya dalam proses untuk meninjau dan mempertimbangkan Akta Hasutan ini dan dengan tujuan untuk memansuhkan. Dengan dasar ini kerajaan telah pun memutuskan bahawa sekiranya terdapat sesiapa sahaja yang telah pun terikat atau pun *fall under the* Akta Hasutan di mana kerajaan telah pun mengeluarkan arahan kepada pihak polis untuk tidak menggunakan akta itu terhadap mereka yang terlibat kerana dalam proses ini kerajaan telah pun mengambil pendirian bahawa akta itu akan dikaji, diubah ataupun dimansuhkan sekali. So, *this is still* dalam *work in progress*. Saya harap akta ini satu keputusan akan dibuat dalam jangka masa yang terdekat ini. Sekian, terima kasih.

3. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah kementerian untuk mengatasi peningkatan penangkapan bot-bot nelayan Malaysia di antara sempadan laut Malaysia-Indonesia seperti bot Nemo dan bot nelayan berdekatan dengan Sarawak beberapa hari lalu dan langkah-langkah untuk membawa balik bot-bot dan nelayan Malaysia yang masih disita di Indonesia.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya dari Bandar Kuching seorang Ahli Parlimen yang rajin ya dan peka dengan isu rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada kes yang melibatkan administratif ada kes yang saya perhatikan dan kita lihat baru-baru ini ada kaitan dengan Pemilu iaitu pilihan raya umum yang akan berlangsung di Indonesia. Jadi, saya khuatir atas isu-isu politik yang begini ada bot-bot kita yang dimangsakan. Apabila saya menerima laporan ini saya telah bercadang dan meminta pegawai saya berunding dengan Kementerian Luar Negeri supaya saya dapat dengan segera terbang ke Jakarta untuk berjumpa dengan rakan sejawat saya Ibu Susi Pudjiastuti Menteri Kelautan dan Perikanan supaya kita dapat menyelesaikan isu ini dalam dua aspek iaitu aspek undang-undang, pentadbiran dan yang juga yang keduanya aspek politik yang kita perlu pelihara hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia pada masa kini dan masa akan datang.

Saya sedang menunggu tarikh itu. *Insyah-Allah* untuk kita menjamin tentang kebajikan dan juga nasib nelayan-nelayan kita ini saya akan berusaha sebaik mungkin melalui saluran diplomatik dan juga administratif untuk memastikan isu ini dapat kita selesaikan melalui peraturan-peraturan, perundingan-perundingan ataupun mungkin melibatkan tindakan undang-undang yang akan diambil oleh kedua pihak negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk kita mengesyorkan dipihak kita supaya nelayan-nelayan kita juga harus patuh kepada peraturan dan undang-undang. Kalau dah masuk dalam *area* mereka agak sukar untuk kita membebaskan mereka. Itu harus diperhitungkan dari aspek undang-undang. Akan tetapi sekiranya ditangkap di *grey area* yang pertikaian *border* ini masih lagi dalam perundingan antara dua negara, maka pegawai kita yang mengambil kira tentang peralatan *Automatic Identification System (AIS)* ini akan cepat berhubung dengan pihak berkuasa dan sana dan sebelum sampai ke jeti mereka sekiranya kita dapat melakukan perundingan, maka bot-bot ini akan dilepaskan.

Oleh itu, langkah-langkah drastik sedang saya perhitungkan untuk menjaga kebajikan dan juga kepentingan rakyat Malaysia yang ditahan oleh Kerajaan Indonesia. Terima kasih.

■1030

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi, Yang Berhormat Menteri.

Saya telah diberitahu sebenarnya kita sudah ada satu MoU dengan Kerajaan Indonesia yang ditandatangani di Kuching pada November 2017. MoU itu menyatakan bahawa bot-bot yang berada di sempadan antara Malaysia-Indonesia, jika mereka di sempadan atau *disputed waters*, mereka cuma dihalau dan tidak ditangkap.

Jadi, saya memahami ini memang *involved many* kementerian. Jadi, adakah satu *task force* di peringkat Kabinet akan ditubuhkan untuk satu perundingan yang lebih efektif dengan Kerajaan Indonesia untuk menangani masalah ini? Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, melalui sistem yang kita telah *update* khususnya di Jabatan Perikanan, kita boleh nampak sebenarnya berlakunya tangkapan itu. Ada kes-kes yang tertentu yang kita melihat berlakunya provokasi di *grey area* atau sempadan kedua negara itu, pihak berkuasa sana cuba untuk mengheret bot-bot kita ini masuk ke kawasan mereka. Saya sudah sebut tadi, sekiranya perkara ini dapat kita tangani dengan pantas, pegawai-pegawai kita seperti APMM dan marin akan terus menghubungi pihak berkuasa di Indonesia dan kebanyakan kes ini dilepaskan begitu saja.

Saya ada sebut tadi bahawa peningkatan— sekarang ini ada kaitan dengan politik. Mungkin masing-masing hendak bertanding pilihan raya untuk tunjukkan mereka juga Menteri ataupun pemimpin yang melakukan kerja.

Maka ini perlu diselesaikan secara diplomatik dan politik. Saya merasakan kerjasama antara MOA, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri dan

juga Kementerian Pertahanan juga sentiasa bergabung bersama untuk memastikan bahawa isu-isu ini dapat kita selesaikan dengan baik. Setakat ini, ada lapan bot kita yang masih ditahan dan di pihak mereka pun ada sembilan bot yang kita tahan. Semuanya akan diselesaikan dengan baik dan secara diplomatik. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagai Ahli Parlimen Kuala Kedah dan memang ada insiden nelayan ditahan di Indonesia daripada tahun 90-an, 80-an juga, saya ingin tahu apa yang telah dilakukan oleh kita untuk mengatasi masalah pertikaian kawasan ini, *grey area* tadi? Apakah ada usaha berterusan untuk meminimumkan ataupun mengurangkan masalah di kawasan tadi? Sebab ia sangat mengelirukan para nelayan kita. Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Kuala Kedah, isu tentang *continental shelf* dan *seabed* ini adalah isu yang masih lagi dalam perundingan kedua-dua negara. Ia bukan hanya melibatkan MOA tetapi lebih banyak melibatkan Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri yang akan menyelesaikan isu ini. Proses ini masih lagi *in progress*.

Untuk pihak MOA, kita sentiasa memberikan input-input jumlah-jumlah tangkapan dan pengesyoran kita apabila kita diminta untuk memberikan laporan terhadap insiden ini. Jadi untuk kementerian lain, saya tidak ada autoriti untuk menjawab tetapi MOA sentiasa ke hadapan dalam memberikan pembelaan, memberikan maklumat dan juga cadangan-cadangan yang konstruktif terhadap isu persempadanan ini supaya ia dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program terbaru yang dirangka oleh pihak kementerian untuk tahun 2019 dalam usaha menarik lebih ramai golongan belia bagi menceburi bidang eSport agar selari memenuhi kehendak Industri Revolusi 4.0.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Johor Bahru bertarikh 4 April 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan lebih ramai golongan belia bergiat aktif dalam bidang *e-sports*, satu inisiatif awal telah pun dirangka oleh eSports Malaysia (ESM) di mana kejohanan akan dianjurkan di setiap peringkat dari pelosok Malaysia daripada peringkat negeri ke peringkat kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat pertama kali, pada tahun ini 2019, sukan eSports akan dimasukkan ke dalam medal *telesports* bagi Sukan SEA 2019 di Manila di mana ada lima medal *telesports* yang akan rakyat Malaysia juga turut serta.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara juga sedang merangka satu *blueprint* sukan elektronik Malaysia yang pertama bagi membolehkan program *e-sport* dirancang dan diselaraskan secara berstruktur untuk pembangunan yang holistik dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat antarabangsa. *Task force* ini diwakili oleh penggiat *e-sports*, tokoh-tokoh industri *e-sports* dan dijangka akan siap pada bulan April 2019. Kita punya *blueprint* ini ataupun ia punya draf ada dengan saya tetapi kita akan maklumkan pada akhir bulan April ini.

Kita akan fokus kepada lima strategik *priorities*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu:

- (i) *develop as lead for e-sports excellence;*
- (ii) *support growth for e-sports industry;*
- (iii) *better access to e-sports facilities to attract investments;*
- (iv) *build public awareness and promote responsible gaming;* dan
- (v) *institute law and good governance within the e-sports industry.*

Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) juga akan menganjurkan Liga Sukan Elektronik Malaysia untuk mengenal pasti ranking pemain mengikut acara masing-masing. ESM dengan kerjasama kementerian kini dalam perancangan mewujudkan ranking atlet yang masih belum wujud lagi dalam arena sukan *e-sports* negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, bidang *e-sports* akan turut membuka peluang-peluang kerjaya dan memberi kesan positif serta meningkatkan ekonomi negara dalam aspek teknologi dan pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Malaysia saja, kita di tangga yang ke-21 dalam pasaran dunia *e-sports* di mana kita menjana pendapatan dalam USD586 juta atau RM2.3 bilion. Pada bulan lepas, Razer, syarikat terbesar dalam *e-sports* telah pun menggaji lebih 280 anak muda yang bekerja di HQ Razer Malaysia yang baru dilancarkan.

Ada banyak lagi inisiatif yang akan kita ketengahkan dalam tempoh terdekat untuk kita pastikan landskap *e-sports* negara dapat berkembang dengan rancak dan limpah baiknya juga dirasakan oleh anak muda dari segi penjanaaan, daripada segi peluang pekerjaan dan juga *upskilling* dan *reskilling* dalam bidang yang baharu ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagaimana pula dengan platform latihan dan juga barisan kejurulatihan untuk melatih anak-anak muda ini memandangkan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mempunyai pendapatan yang dapat dijana dengan baik? Juga, bagaimana peluang untuk belia di luar bandar memandangkan ia memerlukan satu capaian internet yang laju dan bagaimana ia *link* dengan pihak KKM supaya dapat memberikan *expose* dan juga pendedahan khusus untuk anak muda di luar bandar? Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Bulan ini kita telah pun mulakan sesi pemilihan bagi atlet-atlet negara melalui MSN untuk mewakili Malaysia di Manila bagi *Southeast Asian Games 2019*. Dalam perancangan, ia bukan saja ditumpukan atau difokuskan di kawasan bandar tetapi kita pergi ke seluruh pelosok Malaysia dan kita memilih mereka yang terbaik melalui sistem merit.

Pada masa yang sama, kita juga akur bahawa kita perlu pastikan sistem jalur lebar yang pantas dapat diluaskan ke seluruh pelosok Malaysia supaya sesi pemilihan itu lebih inklusif. Oleh sebab itu, pada hari ini kita sedang berkolaborasi dengan pihak Kementerian Komunikasi untuk pastikan bahawa sistem jalur lebar dapat diluaskan ke seluruh Malaysia.

Pada masa yang sama, ada banyak pelabur-pelabur swasta yang juga turut membantu dalam usaha ini. Sebagai contoh, kita lihat bagaimana TM membantu adik Takif yang bidangnya dalam *gaming development* di Pahang. Perkara seperti ini akan diperluaskan kerana kita hendak pastikan bahawa sukan ini akan sentiasa jadi sukan yang inklusif bagi semua anak muda. Terima kasih Yang Berhormat.

■1040

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, apa perancangan yang secara khusus, yang dibuat, diolah oleh kementerian untuk menggalakkan penglibatan anak-anak muda di luar bandar untuk mencebur di dalam *e-sports* ini? Bagaimana *e-sports* ini- konotasi negatif akibat apa yang berlaku di New Zealand. Bagaimana kementerian untuk mengubah persepsi terhadap *e-sports* ya?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan pelan *e-sports* ataupun *task force* yang telah pun ditubuhkan untuk merangkakan *National e-Sports Game Print 2019-2023*, ia juga berkait rapat dengan infra yang perlu

disediakan untuk pastikan bahawa sukan ini dapat capai kawasan sasaran iaitu kawasan luar bandar juga. Untuk perincian yang lebih mendalam, nanti akan diumumkan pada akhir bulan April apabila *game print* ini dibentangkan untuk tatapan umum.

Berkait rapat dengan persepsi negatif kepada sukan *e-Sports* selepas apa yang berlaku di Christchurch, ini merupakan tanggapan yang perlu kita tentang bersama. Sebagai contoh, kalau kita lihat daripada segi pertumbuhan *e-sports* global, peningkatan dalam 50% setiap tahun. Malaysia di kedudukan yang agak strategik yang mana Malaysia di tangga yang ke-21 daripada segi menjana pendapatan bagi negara, *up to USD100 million* dan peluang pekerjaannya sangat besar dan juga kualiti pekerjaan yang tercipta juga sangat besar.

Akan tetapi kita perlu pastikan juga anak muda tidak ketagih dalam bidang *e-sports* ini. Oleh kerana itu salah satu strategik *priorities* yang kita letakkan nombor 4 iaitu *building public awareness and promote responsible gaming* dan piawaian ini akan kita umumkan pada akhir bulan depan. Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 2 - YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara) tidak hadir]

3. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menggunakan kaedah bekam di hospital-hospital kerajaan. Ini kerana bekam adalah satu cara rawatan "*evidence-based*" yang berkesan dalam menangani penyakit kronik dan dapat mengurangkan kos rawatan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kuala Kedah. Untuk makluman semua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghasilkan satu laporan penilaian teknologi (*technology review*) berkenaan bekam (*cupping therapy*) pada tahun 2012 yang menyatakan bahawa tiada bukti yang kukuh untuk menyokong keberkesanannya dalam rawatan penyakit seperti *herpes zoster, facial paralysis, back pain, spondylosis, cerebrovascular accident* (ahmar), *hypertension, fibromyalgia, bronchitis, asthma* dan sakit kepala.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan meneruskan kajian dan menghasilkan satu laporan teknologi kesihatan berkenaan *wet cupping* ataupun bekam basah *for diabetes and cardiovascular diseases* yang akan meneliti bukti saintifik keberkesanan berkaitan bekam basah (*wet cupping*) tadi bagi kedua-dua indikasi tersebut dalam masa terdekat, kurang lebih mungkin tahun 2020, Yang Berhormat.

Sehubungan itu, pengenalan perkhidmatan bekam di fasiliti kesihatan kerajaan boleh dipertimbangkan. Kita sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan berdasarkan kepada *evidence*, berdasarkan kepada satu yang bersifat bukti dan saintifik *findings* dan dapatannya, berdasarkan hasil laporan penilaian teknologi tersebut dan situasi semasa. Itu secara ringkasnya dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang saya rasa agak *fair* lah, *fair*. Begitu pun saya ingin respons, beberapa respons. Pertamanya ialah pemahaman saintifik kita terhadap bekam telah bertambah, telah berubah daripada 2012 hingga sekarang pada peringkat molekul dan juga sel. Keduanya ialah badan-badan berwibawa bekam kita ada di peringkat antarabangsa. Ramai doktor dalamnya. Umpamanya ialah *British Cupping Society*. Ketiganya ialah saya ingin berkongsi pengalaman tokoh tempatan bekam, Prof. Dr. Abdul Aziz As Sofi daripada HUSM, Hospital USM. Beliau buat kajian, walaupun tidak besar sampelnya tetapi beliau menunjukkan bahawa pada pesakit diabetes, bekam yang berkala dapat menurunkan paras gula, paras kolesterol, paras urea, paras *triglyceride*, paras *creatinine*, tekanan darah.

Dari pengalaman beliau, ia dapat mengurangkan kos, mengurangkan penggunaan insulin dan ubat diabetes hingga 50 peratus dan akan mengurangkan kos Kementerian Kesihatan juga. Jadi, saya mengalu-alukan bahawa Kementerian Kesihatan berterusan melihat kepada bukti-bukti saintifik. Saya cuma ingin satu *assurance* bahawa Kementerian Kesihatan akan mengkaji balik kedudukan itu, juga berdasarkan bukti terbaru dan dengan badan-badan antarabangsa yang berwibawa terbaru. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Kedah. Prof. Dr. Aziz As Sofi, seorang penyelidik juga daripada *public health* di Universiti Sains HUSM, tempat saya mengajar satu masa dahulu. Saya mengetahui dan meneliti dan memahami kajian yang dibuat itu dan saya juga membaca akan kajian itu. Oleh kerana itu saya kata kita akan sentiasa, terutama kalau *clinical researchers* itu adalah daripada tokoh-tokoh tempatan kita.

Kita mesti terbuka untuk meneliti segala dapatan-dapatan yang seperti yang dibuat oleh Dr. Aziz As Sofi ini yang kita punya keupayaan di situ, kita punya juga *clinical researchers* dan kumpulan-kumpulan yang boleh mengkaji dapatan-dapatan beliau. Oleh kerana itu semua adalah sangat penting, meskipun kalau lebih detil, saya juga boleh membuat beberapa telahan. Akan tetapi ringkasnya, saya bersedia untuk terus membangunkan ini kerana ini adalah juga antara yang dikatakan sebagai satu yang pernah disebut oleh Rasulullah dalam satu hadis, bekam *particularly* untuk *headache* ataupun sakit kepala ya. Itu yang jelas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu terlibat dari segi sudut tentang keberkesanan bekam ini sebab biarlah pakar-pakar yang mengkajinya. Cuma saya merujuk kepada *Garis Panduan Amalan: Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013*, berkenaan bekam. Saya risau tentang pertumbuhan kedai-kedai yang memberi khidmat bekam ini bagaikan cendawan. Sejauh mana kementerian memantau? Oleh sebab ia melibatkan kebersihan, kuman dan sebagainya. Saya mengharapkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Hulu Langat. Ya, secara tegasnya apa yang diistilahkan sebagai perubatan komplementari dan tradisional ini telah kita berikan tumpuan, telah pun ada peraturan dan undang-undangnya. Adapun yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah dari sudut amalan ya. Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi adalah dari sudut penerimaan dahulu. Pasti dalam penerimaan itu akan kita tetapkan peraturan-peraturan yang tegas, butiran-butiran tentang SOP, tentang syarat-syarat untuk diamalkan.

Jadi, inilah perkara yang pastinya menjadi satu yang menjadi tanggungjawab kami untuk pastikan bahawa kalau diizinkan bahawa amalannya, maka persoalan keselamatan (*safety*), kebersihan (*hygiene*) dan segala itu akan diberikan satu pemantauan yang jelas dan teliti. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh minta satu lagi soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Batang Sadong, sila.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya sebab saya ingat pada beberapa tahun dahulu kita meluluskan undang-undang mengenai perubatan tradisional ini, di mana ada di kalangan mereka telah diluluskan. Jadi, saya hendak tahu sama ada kalau ada kementerian boleh mengeluarkan senarai perubatan tradisional ini yang mana yang telah diluluskan dan mana juga yang belum lagi diterima. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Perkara itu satu soalan yang teknikal, Yang Berhormat. Saya pasti boleh menyiapkan satu senarai panjang ataupun senarai yang telah kita luluskan dari sudut amalan perubatan atau disebutkan dengan istilah PTNK ataupun *traditional and complementary medicine* itu. Jadi, *insya-Allah* perkara itu akan dapat saya buktikan ataupun dapat saya sediakan dan bekalkan. Adapun dari sudut premis, kembali kepada soalan Yang Berhormat Hulu Langat. Dari sudut premis itu, premis itu bukan di bawah bidang kuasanya Kementerian Kesihatan Malaysia. Dari sudut amalan itu, ya. Dari sudut premis, lesen dan sebagainya, itu bukan dalam bidang kuasa KKM ya. Terima kasih keduanya, Yang Berhormat terima kasih.

■1050

[Soalan No. 4 – YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian) tidak hadir]

5. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk memastikan ada saluran internet di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan P.211 Lanang.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soalan spesifik kepada kawasan Yang Berhormat dari Lanang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha bagi melaksanakan rancangan jangka masa pendek dan juga rancangan jangka masa panjang untuk memastikan ada saluran internet di kawasan luar bandar di seluruh negara termasuklah di Parlimen Lanang.

Tuan Yang di-Pertua, antara rancangan jangka panjang tersebut adalah Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi ataupun dikenali sebagai HSBB yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi yang berimpak tinggi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Lanang. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, lebih 23,000 sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan dua ibu sawat di Parlimen Lanang. Selain daripada itu, tambahan sebanyak 480 sambungan bagi peluasan jalur talian tetap masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka akan siap secara berperingkat sehingga ke suku keempat tahun ini yang lebih tertumpu di kawasan pinggir luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rancangan jangka masa pendek, kerajaan telah dan sedang melaksanakan inisiatif peluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara-menara komunikasi baru. Penaiktarafan menara-menara komunikasi yang sedia ada di mana dua menara komunikasi baru telah dibina di Parlimen Lanang manakala tambahan tiga menara lagi Tuan Yang di-Pertua, sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka disiapkan sepenuhnya pada suku keempat tahun ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 26 lagi menara komunikasi sedia ada telah pun dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G ataupun 4G di kawasan Parlimen Lanang. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan tambahan kepada 48 menara komunikasi yang turut dibangunkan secara komersial di kawasan Parlimen Lanang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan diberi. Sasaran kerajaan iaitu, "*Double the speed, half the price*" telah tercapai apabila pakej UniFi telah tambah kelajuan dan turunkan harga. Akan tetapi bagi pelanggan Streamyx masih tidak mendapat tawaran yang lebih baik atau memuaskan. Apakah rancangan kerajaan untuk mempertingkatkan pengalaman jalur lebar pelanggan Streamyx kerana banyak lagi kawasan masih tidak disediakan perkhidmatan UniFi termasuk kawasan bandar apatah lagi kawasan luar bandar.

Biasanya alasan yang diberi adalah kekurangan *port* atau permintaan kawasan yang tidak mencapai keperluan TM. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk memastikan internet untuk semua supaya kita boleh pergi ke arah membina sebuah negara digital yang lebih seimbang dan inklusif. Saya minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Lanang. Kerajaan sekarang menumpukan kepada inisiatif kita yang dikenali sebagai projek NFCP iaitu *National Fiberisation and Connectivity Plan* yang memerlukan ataupun memberikan fokus kepada kepastian kita boleh membawa internet kepada semua, internet yang berharga rendah tetapi berkelajuan setingkat dengan apa yang disebut sebagai kelajuan munasabah di peringkat dunia dan juga internet yang berkualiti. So, itu adalah tumpuan kita dan justeru itu kita ada apa yang disebut tadi sebagai inisiatif, "*Double the speed and half the price*".

Yang Berhormat betul, sehingga sekarang isu yang berbangkit adalah satu perkara berkenaan dengan Streamyx. Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi adalah kalau kita lihat kepada infrastruktur, Streamyx ini adalah berdasarkan infrastruktur tembaga ataupun *copper*. Oleh kerana ini menggunakan teknologi yang lama, berbanding dengan teknologi sekarang yang berlandaskan kepada *fiber*. So, ini jadi satu perkara yang kita lihat, saya ingin memberikan pengesyoran dan jaminan kita kepada semua yang menggunakan Streamyx bahawa masalah itu masih dalam pertimbangan kita. Saya telah pun mengadakan banyak mesyuarat dengan *telco* yang terlibat khususnya TM dan kita akan mengumumkan dalam masa yang terdekat apakah hasil daripada perbincangan-perbincangan itu.

lanya akan mengambil masa tetapi kita dalam proses melihat kepada perkara itu. *This is something that we will try and resolve* dan saya akan membuat pengumuman apabila kita ada satu cadangan yang boleh dikemukakan bagi kita menyelesaikan masalah ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Soalan tambahan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Soalan tambahan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada menggunakan jalur lebar HSBB dan juga Streamyx, apakah ada cadangan lain untuk kita memastikan supaya saluran internet di kawasan luar bandar dapat dilaksanakan kerana saya perhatikan pada dua tahun yang lepas, sudah ada satu Program Menghubung Menyatu ataupun CTU yang menggunakan alat pemancar telekomunikasi VSAT untuk memastikan itu dapat dibuat di kawasan luar bandar. Apakah itu ada dalam rancangan pihak kementerian juga? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Ledang. Cukup benar, kita sekarang mengamalkan satu polisi di mana kita bukan sahaja melihat kepada *fiber* tetapi kita juga melihat kepada kaedah-kaedah lain yang wujud bagi kita boleh menjayakan hasrat kita untuk pastikan bahawa internet ini dibekalkan kepada semua dalam masa yang terdekat. Di antara inisiatif-inisiatif yang kita lihat, kita juga lihat kepada pihak-pihak lain seperti TNB.

Kita ada satu inisiatif yang dijalankan, *pilot project* di Jasin di mana kita menggunakan infra yang wujud pada pihak TNB dan ianya telah pun berjaya dan sekarang, itu adalah satu perkara yang sedang dipertimbangkan oleh TNB dan saya harap bahawa satu keputusan boleh dibuat dalam masa yang singkat.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kita juga melihat kepada inisiatif lain seperti kemungkinan kita menggunakan satelit. Kita juga telah pun membuat lawatan kepada beberapa negara di mana kita lihat ada teknologi-teknologi baru. Saya beri satu contoh, di Pulau Pinang misalnya tiga minggu yang lalu, kita melancarkan projek *Terragraph* iaitu juga teknologi yang baru dan kita juga telah pun melihat kepada banyak teknologi yang lain tetapi itu memang dalam pertimbangan kita sekarang. Apa yang penting, kita kena terima bahawa kalau kita hendak *wire up the whole country* menggunakan *fiber*, ianya melibatkan kos yang tinggi dan juga ianya memakan masa.

Jadi kita tidak boleh tunggu untuk 10 tahun atau 20 tahun sehingga kita boleh bawa *fiber* dan internet kepada kawasan pedalaman dan terpencil. Oleh itu dalam masa yang sama, walaupun kita fokus kepada *fiber* tetapi kita juga akan mencari kaedah-kaedah lain supaya kita boleh dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *wire up the remote areas as soon as possible* supaya semua rakyat Malaysia boleh bersama-sama menikmati faedah-faedah daripada apa yang dibawa oleh industri-industri yang didukung oleh internet hari ini khususnya apabila kita ini sekarang memaju dan melangkah ke era industri digital 4.0. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan kos infra UniFi di mana kita lihat banyak kejadian di mana terutamanya bagi kawasan baru contohnya perindustrian atau pun komersial di mana apabila pelanggan yang hendak meminta perkhidmatan UniFi, mereka perlu bayar kos infra UniFi yang membelanjakan sehingga puluhan ribu dan ini tidak adil kepada mereka sebab pelanggan yang kemudiannya masuk, mereka tak perlu pergi tanggung ini semua tetapi pelanggan yang awal-awal yang minta UniFi ini terpaksa bayar. Sepatutnya ini harus ditanggung oleh TM dan bukannya pelanggan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini adalah satu perkara yang telah pun dibawa ke perhatian saya oleh Yang Berhormat tempoh hari dan saya dalam proses membincangkan perkara ini dengan TM. Yang Berhormat, ini adalah satu perkara yang perlu kita lihat dan oleh kerana itu saya telah pun menyatakan beberapa kali bahawa kementerian saya Tuan Yang di-Pertua, kami berhasrat untuk berbincang dengan kerajaan supaya kita boleh mengadakan satu polisi

di mana daripada sekarang kita pastikan bahawa semua projek pembinaan baru walaupun ianya projek perumahan, projek kawasan perusahaan, industri dan sebagainya wajib juga kita ada infrastruktur yang akan mendukung internet supaya tidak ada masalah sebegini yang timbul dalam masa hadapan.

Saya rasa kita kena terima. Seperti kita ada *electricity*, kita juga ada air yang menjadi apa yang disebut *basic utilities* hari ini. Maka tidak ada sebarang projek baru yang boleh diluluskan tanpa adanya ditunjukkan bahawa pemaju-pemaju akan pasang elektrik dan juga air.

■1100

Kita juga perlu pastikan bahawa semua pembangunan dalam masa depan, kita juga akan pastikan bahawa ada keperluan untuk pembangun atau pemaju-pemaju juga pastikan adanya *connectivity* dari segi ada perkhidmatan, infrastruktur untuk internet dan inilah satu perkara yang saya sedang bincangkan dan saya harap bahawa satu keputusan boleh dibuat dalam masa terdekat.

Berkenaan dengan masalah itu, memang masalah bukan sahaja di kawasan Kota Melaka, di banyak tempat saya dalam proses perbincangan dan saya akan maklumkan Yang Berhormat dalam masa yang terdekat. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Yang Berhormat Pasir Puteh. Memandangkan beliau tiada dalam Dewan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak perlu jawab.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Kalau hendak jawab juga tidak boleh ya. [*Dewan ketawa*] Kalau tidak nanti, kena *walk out* pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Orang yang bertanya tidak berminat, maka orang yang menjawab itu tidak bertanggung.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kena *walk out* jugalah. [*Dewan riuh*]

[*Soalan No. 6 – YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh) tidak hadir*]

7. Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kementerian berhasrat untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membenarkan mana-mana penjawat awam gred DG48 dan ke atas menjawat sebarang jawatan dan keahlian dalam kesatuan.

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sunyi Dewan hari ini. Saya ucap tahniah kepada pembangkang, lulus. Hari ini lulus jadi pembangkang sebab dia belajar daripada saya antaranya. [*Dewan riuh*] Syabas juga kepada Yang Berhormat Bachok, dia mengutamakan kepentingan, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dia mengutamakan kepentingan dari Kelantan sebab itu dia tidak bersolidariti dengan rakan-rakan pembangkang.

Seorang Ahli: Cucuk, cucuk.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Bersanding, bersanding sudah cuma tidak tidur sekali sahaja lagi. [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dalam proses untuk meminda Akta 262 iaitu Akta Kesatuan Sekerja tetapi tidak melibatkan persoalan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Akan tetapi namun begitu bagi pegawai yang kakitangan kerajaan yang gred 48 termasuk, DG48 ini tidak terhalang untuk mereka memegang apa-apa jawatan ataupun menganggotai mana-mana Kesatuan Sekerja tetapi dengan syarat mereka boleh mendapatkan persetujuan kelulusan daripada Ketua Setiausaha Negara dan mereka boleh memohon melalui permohonan yang dibuat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja. Ini termaktub di dalam seksyen 27 Akta 262.

Namun begitu, kelulusan yang diberikan oleh KSN itu bergantung kepada syarat-syarat yang tertentu yang telah pun ditentukan. Jadi oleh sebab itu sehingga kini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa sebanyak 19 Kesatuan Sekerja yang telah diberikan pengecualian sehingga kepada Gred 48 termasuk juga bagi Kesatuan Guru-guru iaitu DG 48 untuk memegang dan menganggotai apa-apa Kesatuan Sekerja. Terima kasih.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Akta sedia ada telah melarang mana-mana penjawat awam Gred DG48 dan ke atas memegang jawatan dan bergiat aktif dalam kesatuan walaupun mereka ini tidak memegang jawatan dalam pentadbiran. Bayangkan sekiranya golongan daripada kumpulan profesional ini telah memegang jawatan dalam kesatuan, apabila mereka dinaikkan gred ke gred 48 dan ke atas, mereka tidak lagi dibenarkan untuk memegang sebarang jawatan di dalam kesatuan. Bagaimana perancangan dan matlamat yang telah dirangka untuk kecemerlangan kesatuan semasa mereka masih berjawatan dapat dilaksanakan. Mohon pencerahan. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Namun begitu saya hendak jelaskan, sehingga kini setakat Gred 48 sahaja, ke atas tidak ada. Dia setakat – dia berhenti di situ dan apabila mereka ini, gred 48 ini juga dinaikkan pangkat ataupun menduduki apa-apa jawatan yang membabitkan dengan soal polisi, maka mereka terhalang dengan sendirinya untuk menganggotai ataupun memegang apa-apa jawatan kerana ini akan menjadi *conflict of interest* terhadap jawatan hakiki yang dipegang dengan jawatan di dalam Kesatuan Sekerja. Jadi, ini harus dielakkan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Definisi pekerja termasuk pengurusan, pengarah, CEO, Pengerusi dan sebagainya, namun apakah langkah kerajaan untuk memastikan hak semua golongan pekerja berhak menubuhkan atau memegang jawatan dalam kesatuan walaupun seksyen 9 Akta Perusahaan 1967 berkeperluan dipinda. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. *Insyah-Allah* pendapat dan pandangan Yang Berhormat Kapar seorang yang berpengalaman dalam Kesatuan Sekerja dan sehingga kini sentiasa memperjuangkan hak dan kepentingan golongan pekerja. Kita sentiasa mengambil pertimbangan, *insyah-Allah*.

8. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sebab-sebab harga barang basah masih lagi tinggi walaupun cukai GST telah dimansuhkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyatakan secara umumnya barangan keluaran pertanian atau barang basah seperti ayam, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dikenakan cukai GST atau SST kecuali aktiviti lain di sepanjang rantaian berkala seperti logistik, input pertanian dan lain-lain.

Oleh itu turun naik harga barang basah tidak dipengaruhi oleh kadar cukai GST atau SST. Fakta utama yang menentukan turun naik harga barangan basah lebih dipengaruhi oleh fakta penawaran dan permintaan. Oleh itu terdapat barangan yang mengalami kenaikan dan penurunan harga bagi kategori barangan basah namun trend harga barangan tersebut adalah dalam keadaan stabil.

Jika kita berbanding harga barang basah di dalam bulan Januari 2018 dengan Januari 2019 di antara 31 item yang di dalam tinjauan kementerian kami, terdapat 18 item mengalami penurunan harga, manakala 13 item yang mengalami kenaikan harga. Sekian, terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di kawasan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, di kawasan saya tidak ada pejabat KPNDHEP, jadi banyak kalau tidak ada penguat kuasa dan pejabat kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan itulah kenaikan barang-barang basah di kawasan pedalaman seperti di Pekan Belaga dan juga di Sungai Asap.

Jadi saya minta, apakah perancangan Kementerian supaya dapat kita mengatasi masalah ini kepada penduduk luar bandar. Adakah Kementerian untuk membangunkan satu pejabat di tempat yang saya sebut tadi Pekan Belaga dan di Sungai Asap.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Rajang. Soalan ini adalah akan melibatkan perbelanjaan yang besar kalau kita hendak mendirikan, membuka pejabat di kawasan pedalaman yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana kekangan kewangan pada masa sekarang, belum ada apa-apa perancangan tetapi saya akan menyampaikan cadangan Yang Berhormat ke Kementerian kita untuk pertimbangan supaya pejabat didirikan di kawasan yang disebutkan.

Pada masa yang sama juga, Kementerian kita juga akan melaksanakan program penyeragaman harga di mana barang keperluan akan dibekalkan ke kawasan pedalaman yang di mana kerajaan akan menanggung kos pengangkutan supaya untuk barang keperluan iaitu beras, gula, minyak masak, diesel, LPG, tepung dan juga RON 95 untuk penduduk di pedalaman agar dapat membeli dengan harga yang sama di kawasan bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Soalan tambahan daripada Tanjong Manis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya bagi Sarawak, kita bagi Ahli Parlimen Wanita boleh, Yang Berhormat Kota Samarahan, sila.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang dimaklumkan tadi, harga barangan tetap naik walaupun GST telah dihapuskan.

■1110

Bukan sahaja di pedalaman negeri Sarawak, malah Kota Samarahan sendiri harga barangan basah mencecah harga yang di luar dugaan kita. Ingin saya hendak bertanyakan kepada Kementerian, sejauh mana *enforcement*, penguatkuasaan dilakukan oleh pihak Kementerian, berapa kerap, siapa yang menjalankan penguatkuasaan pemeriksaan di kedai-kedai ataupun di tempat-tempat menjual di kawasan-kawasan sekitar negeri Sarawak? So far, setakat ini kita jarang melihat operasi-operasi macam ini dilaksanakan di kawasan kita di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat Kota Samarahan, di samping pegawai penguat kuasa yang di bawah Kementerian kami, kami juga ada *contract workers* di mana 1,400 lebih pegawai pemantau harga, itu *contract workers* yang meninjau harga barangan di merata-rata tempat di seluruh negara.

Tentang kenaikan harga barang yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerajaan ada Akta Kawalan Harga di mana kita boleh menetapkan harga barangan di satu tahap di mana kalau ada lebih daripada barang itu dijual lebih daripada harga yang ditetapkan, ia merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang. Akan tetapi, kita juga perlu menimbang kepentingan-kepentingan pihak-pihak lain seperti nelayan dan petani dan juga penanam sayur dan juga penternak ayam, lembu itu kerana kalau kita menetapkan harga yang tidak munasabah atau rendah, yang tidak berbaloi dan memadai kos pengeluaran itu, pihak-pihak yang tersebut, ia juga akan menjejaskan ekonomi pertanian.

Oleh itu, Kementerian kita sekarang masih dalam rancangan untuk mencari satu titik perseimbangan di mana mungkin kita akan memperluaskan senarai barangan kawalan supaya yang sesetengah bilangan kecil barangan itu akan ditetapkan di bawah harga kawalan. So, ini masih dalam perbincangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin hendak bertanya, tadi Timbalan Menteri ada menyebut Kajian Penyelarasan Harga di antara kawasan bandar dan luar bandar sedang dijalankan. Bilakah kajian ini akan selesai dan memandangkan perayaan berganda yang akan terjadi di Sarawak iaitu Hari Raya dan Gawai Dayak yang akan, dirayakan pada bulan Jun ini? Jadi harap kajian ini dapat diselesaikan sebelum dan akan memberi manfaat kepada rakyat-rakyat luar bandar. Diharap ada jawapan dari Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjong Manis. Tadi yang saya sebut adalah Program Penyeragaman Harga. Itu Program Penyeragaman Harga bukan dalam kajian, tetapi akan dilaksanakan pada 1 April. Ada kelewatan sedikit dalam

pelaksanaan program itu kerana mengikut kaedah yang kita menganugerahkan dan melantik kontraktor *transporter* itu yang dulu adalah melalui secara rundingan terus. Oleh itu, kerajaan yang baharu Pakatan Harapan, kita menekankan *transparency* dalam penganugerahan kontrak kerajaan.

Oleh itu, kita sudah menetapkan tender terbuka dalam proses pelantikan *contract transporter* yang akan membawa barang itu ke pedalaman. So, setakat ini tender terbuka itu sudah kita tutup, melalui satu penilaian proses dan ia di *final stage of the tender process*. Saya boleh memberi jaminan bahawa pada 1 April iaitu bulan depan kita akan melaksanakan Program Penyeragaman harga di seluruh Sarawak. Terima kasih.

9. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan apakah perancangan-perancangan kementerian untuk memastikan alam semula jadi Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan alam sekitar Malaysia terpelihara terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini, aktiviti penguatkuasaan kepada punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang berkaitan pelepasan gas rumah kaca seperti karbon dioksida, metana, nitrus oksida, *ozone*, klorofluorokarbon dan hidrofluorokarbon telah dilaksanakan. Di samping itu, kementerian turut melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar melalui Sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Hari Bumi dan Hari Ozon yang menumpukan kepada kumpulan sasar seperti pihak industri, pelajar, organisasi dan juga orang awam.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia dan 195 negara lain telah memersetujui *Paris Agreement* semasa Persidangan Ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Mengenai Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 12 Disember 2015. Sebagai usaha peringkat global untuk menangani isu perubahan iklim. Matlamat utama *Paris Agreement* adalah untuk menghadkan peningkatan suhu purata dunia kepada 1.5 atau 2.0 darjah *centigrade*. Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016. Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan *greenhouse gas* berdasarkan keluaran dalam negara kasar sebanyak 45 peratus berbanding intensiti perlepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030 seperti yang dinyatakan dalam *Nationally Determined Contributions* (NDCs).

Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35 peratus akan dilaksanakan tanpa syarat, *unconditional*. Manakala baki 10 peratus lagi adalah syarat, *conditional* iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi dan juga pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Bagi mencapai sasaran *Nationally Determined Contributions* (NDCs) tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG yang merangkumi pelbagai sektor penting seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan juga pertanian. Dalam masa yang sama, negara juga telah mengenal pasti tindakan-tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG baru yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap mengenai pemeliharaan alam sekitar, pada 13 Mac lepas kita digemparkan dengan insiden pencemaran di Sungai Kim Kim yang memberi kesan kepada ribuan penduduk Pasir Gudang. Adakah kerajaan bercadang meminda undang-undang yang sedia ada untuk menambahkan hukuman yang lebih berat di bawah seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang kini memperuntukkan hukuman lima tahun penjara dan denda RM500,000?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Ya, kita sedang bercadang untuk mengubah akta ini dan dalam masa yang sama juga kita selalu dan sentiasa untuk menguatkan penguasaan dengan lebih menyeluruh sekarang ini dengan lebih banyak supaya isu pencemaran-pencemaran alam sekitar kita dapat kurangkan dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang yang diberikan untuk saya tanya soalan tambahan. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini berkenaan dengan isu alam sekitar. Walaupun ia tidak ada berkaitan dengan pemanasan global, ini berkenaan dengan isu yang melanda Pasir Gudang, Sungai Kim Kim.

■1120

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ada membuat satu kenyataan semalam bahawa sisa-sisa toksik yang hendak dilupuskan itu akan dipindahkan daripada Johor ke Negeri Sembilan. Kalau Johor tak nak toksik, Negeri Sembilan pun tak nak toksik. Saya hendak mohon... [Dewan ketawa] Ini kenyataan daripada Yang Amat Berhormat MB Johor sendiri.

So saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah ini benar? Kalau benarlah ini jadinya, tidak adil untuk Negeri Sembilan. Takkan Negeri Sembilan hendak jadi mangsa pula. Saya mohon jawapan.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan ini. Saya sebenarnya saya bersetuju juga dengan cadangan dan juga permintaan daripada Yang Berhormat Rasah. Setakat ini, kita tidak mahulah. Kita sudah menghadapi apa yang ada dihadapi sekarang ini di Pasir Gudang, tetapi kita tidak bercadang untuk memindahkannya pula ke Negeri Sembilan. Terima kasih.

[Soalan No. 10 – YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau) tidak hadir]

11. **Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]** minta Menteri Industri Utama menyatakan adakah kementerian telah mengenal pasti pasaran baru untuk komoditi kelapa sawit dan sejauh manakah kejayaan dalam menembusi pasaran tersebut.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Laksamana berempat di atas pentas,

Mula berpencah mempersembahkan kehandalan,

Tuan Yang di-Pertua memang ada class,

Ubat pahit, tetapi menyembuhkan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mantan Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat Bagan Datuk yang sepatutnya dijawab pada 4 April yang lepas, yang menyetujui tentang pasaran baharu yang diterokai bagi memasarkan minyak sawit negara.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran-pasaran baharu yang berpotensi bagi minyak sawit Malaysia yang dikenal pasti adalah di rantau Asia Tenggara, Afrika dan juga Asia Tengah. Antara negara pengimport baharu minyak sawit Malaysia adalah Filipina dan Vietnam. Dengan pertambahan populasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara tersebut, ia akan memberi kesan yang positif terhadap pengeksportan produk minyak sawit Malaysia. Hasil misi kementerian yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 telah menunjukkan impak yang positif yang mana eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Filipina telah meningkat sebanyak 0.8 peratus kepada 838,440 tan pada tahun 2018 berbanding 831,580 tan pada tahun 2017.

Di benua Afrika khususnya, kerajaan telah mengenal pasti potensi pasaran baharu seperti di Mesir dan Maghribi. Dalam hubungan ini, satu misi ekonomi dan pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh Timbalan Menteri Industri Utama telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2018. Misi ini telah berjaya mengukuhkan peluang pasaran dan pelaburan terutamanya dalam sektor komoditi. Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi yang positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, pasaran baharu seperti Tunisia dan Libya juga akan dapat ditembusi melalui Maghribi.

Selanjutnya, kementerian juga melihat peluang yang besar di negara Benin iaitu di sebelah Afrika Barat, yang mana pada tahun lepas telah mengimport minyak sawit negara hampir 240,000 tan. Turki juga merupakan salah satu pasaran berpotensi hasil Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement*) dengan izin, Malaysia dan Turki eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada 975,960 tan pada tahun 2018 berbanding hanya 922,690 tan pada tahun 2017. Bagi memperkukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia ke negara tersebut, kementerian telah mengadakan misi ekonomi, promosi dan pelaburan sawit, getah dan kayu kayan ke Turki yang diketuai oleh saya sendiri pada 23 hingga 26 Januari 2019.

Selain daripada itu, kita melihat Sri Lanka juga adalah pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai selain daripada negara-negara di Asia Tengah seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan. *Insyah-Allah*, kementerian akan mengadakan *Palm Oil Trade Fair and Seminar* di Jeddah pada 24 dan 25 April yang akan datang ini dalam usaha kementerian untuk melebarkan pasaran kita ke Asia Barat khususnya Arab Saudi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan tahniah atas segala usaha untuk meneroka pasaran baharu bagi sawit ini. Sekarang ini kita dapati bahawa harga kelapa sawit dalam lingkungan RM300 setan. Ini menyebabkan pendapatan bagi pekebun kecil di seluruh negara kita menurun di bawah paras garis kemiskinan. Kita mempunyai 650,000 pekebun kecil seluruh negara, 30,000 lebih di negeri Sabah, di kawasan saya pun ada lebih 4,000 orang. Ini semua menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang susah. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk membantu meringankan beban mereka ini supaya keadaan mereka tidak akan terus menjadi susah?

Di samping itu, difahamkan juga bahawa India adalah merupakan sebuah negara yang terbesar mengimport sawit ini. Adakah usaha kita, negara Malaysia untuk memastikan ada tambahan lagi pasaran ke negara India? Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beaufort atas soalan yang begitu penting. Pertama, tentang India. Saya baru sahaja kembali daripada India. Saya setuju bahawa kita punya pasaran cukup penting kerana sekarang ini berlaku permintaan yang meningkat disebabkan sistem percukaian yang memberikan kelebihan kepada negara kita.

Keduanya tentang bebanan kos pengurusan ladang ataupun mengurangkan beban pekebun kecil. Pertama, kita sedang melaksanakan pensijilan minyak sawit Malaysia, Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Untuk itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta dan untuk pekebun kecil, kita beri 100 peratus insentif untuk memastikan mereka dapat sijil. Kedua, kita juga beri diskaun sehingga 20 peratus melalui Skim Insentif Mekanisasi Ladang untuk *mechanize* bagi membantu mereka memastikan agar beban itu dapat dikurangkan dengan pembelian jentera.

Ketiga, kita wujudkan *Sustainable Palm Oil Cluster* melalui koperasi-koperasi yang disebut sebagai Koperasi Pekebun Kecil Sawit Mampan. Kita sudah luluskan modal pusingan untuk membantu koperasi ini dan kita minta koperasi ini memainkan peranan yang penting untuk memberikan kesedaran kepada pekebun-pekebun kecil dan membantu mereka menjual tandan itu secara berkelompok dan dengan harga lebih tinggi.

Terakhir, untuk makluman Dewan, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, ialah kita juga sedang mengkaji pelaksanaan *social safety net* atau jaringan keselamatan sosial bagi semua pekebun kecil agar mereka tidak akan terkesan akibat daripada kejatuhan harga pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Timbalan Menteri, tahun ini kerajaan telah mengumumkan sebagai tahun "*Sayangi Minyak Sawitku*". So, mungkin Timbalan Menteri dapat menerangkan atau menjelaskan bagaimana dapat membantu persatuan-persatuan ataupun koperasi-koperasi yang berkepentingan yang ada dalam negara kita ini dan mungkin juga Ahli Parlimen supaya dapat menjayakan kempen "*Sayangi Minyak Sawitku*". Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal atas soalan yang begitu relevan dengan keadaan hari ini. Kita semua sedia maklum bahawa pada 24 hari bulan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan merasmikan atau melancarkan atau meluncurkan program

kempen “*Sayangi Minyak Sawitku*”. Ini tentunya dalam usaha kerajaan terutamanya kementerian untuk menggalakkan penggunaan minyak sawit sehingga 100 peratus.

Untuk makluman Dewan, setakat ini belum lagi 100 peratus rakyat Malaysia menggunakan minyak sawit. Sebahagiannya mungkin terpengaruh dengan diayah-diayah negatif yang dibuat di *European Union* dan sebagainya, tetapi yakinlah bahawa dari segi kementerian kita bersama agensi-agensi yang lain, MPOB dan sebagainya telah membuat kajian, ratusan kajian yang menunjukkan bahawa minyak sawit ini *healthy* dan sebagainya.

Jadi, saya ingin meminta Ahli-ahli Parlimen untuk membantu melaksanakan program ini, kempen-kempen ini di peringkat kawasan masing-masing dan juga koperasi. Ini kerana kita tahu koperasi ini mempunyai kekuatan dari segi *numbers*, dari segi ramai mereka yang menjadi ahli koperasi. Misalnya semalam saya bertemu dengan Koperasi Angkasa dan mereka juga bersetuju untuk membantu di dalam kempen yang penting ini. Jadi misalnya di negeri-negeri lain, macam Selangor ada Koperasi Hijrah dan sebagainya, boleh dimanfaatkan untuk bersama-sama berkempen selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan *golden crop* kita ini dipertahankan *at all cost*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1130

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya fokus kepada soalan saya. Sejauh manakah kerjasama kerajaan dengan *Sime Darby Oils* (SDO) untuk menambah baik dan meningkatkan aktiviti sektor hiliran dengan usaha menembusi pasaran minyak sawit yang sedia ada?

Apakah juga strategi kerajaan dalam menembusi pasaran minyak sawit yang telah dinyatakan tadi dari India? Tahniahlah. Apakah juga kementerian menerima saranan FELCRA, FELDA, RISDA dan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia yang mendesak supaya kerajaan menggantung sementara segala rundingan atau aktiviti perniagaan untuk membabitkan minyak sawit dalam Kesatuan Eropah? Terima kasih, Yang di-Pertua.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Libaran kerana membangkitkan banyak soalan yang penting. Cuma saya hendak tumpu pada soalan yang akhir dengan izin Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan EU.

Kita sebenarnya di dalam perkembangan terkini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di persidangan *United Nations Environment Assembly* di Nairobi baru-baru ini, kita telah menghantar pasukan ataupun kerajaan telah menghantar pasukan yang kuat untuk memberikan penegasan kita bahawa undang-undang yang sedang dicadangkan ke *European Parliament* dipanggil *Delegated Act* itu dicabar dengan begitu kuat di persidangan *United Nations Environment Assembly*.

Akhirnya, untuk makluman Dewan, EU telah pun menarik balik, telah *withdraw* apa yang mereka cuba lakukan di Persidangan *United Nations Environment Assembly* di Nairobi ini.

Jadi yang menariknya, 13 hari bulan mereka memutuskan untuk memajukan akta *Delegated Act* ini untuk menghalang *palm oil* dan sebagainya di Dewan Parlimen mereka tetapi pada 14 hari bulan di Nairobi, mereka *withdraw* balik *paper* yang berusaha untuk menghalang atau melakukan diskriminasi terhadap minyak sawit.

Jadi, saya fikir ini satu perkembangan yang cukup positif kerana sekarang ini kita bersama-sama dengan Indonesia, *Colombia* dan yang terbaru Brazil, kita bersatu dalam usaha untuk memerangi diskriminasi terhadap minyak sawit yang sedang dilakukan.

Saya mampu jawab satu soalan sahaja Yang di-Pertua kerana masa begitu mencemburui. Terima kasih.

12. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kemajuan Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Apakah permasalahan asas operasi LTSIP yang memerlukan peruntukan segera kerajaan akan dipertimbangkan.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih, Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaik taraf lapangan terbang Sultan Ismail Petra telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhad kepada lima kontraktor.

Selaras dengan dasar semasa kerajaan, proses perolehan kontraktor projek akan dilaksanakan secara tender terbuka pada tahun 2019 iaitu dalam masa terdekat dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020.

Kerajaan telah mengenal pasti lima permasalahan asas yang memerlukan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dinaik taraf. Permasalahan-permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kesesakan penumpang di kawasan-kawasan daftar masuk, *public concourse*, pemeriksaan keselamatan, balai berlepas dan lain-lain kawasan terutamanya pada waktu puncak. Kesesakan ini disebabkan bangunan terminal sedia ada mengendalikan bilangan penumpang melebihi kapasiti reka bentuk 1.5 juta penumpang setahun;
- (ii) kekurangan parkir pesawat di kawasan apron menyebabkan penerbangan tertangguh terutama pada waktu puncak;
- (iii) kekurangan ruang untuk membuat pengasingan penumpang domestik dan antarabangsa bagi memenuhi keperluan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization*;
- (iv) ketidakpatuhan kepada piawaian ICAO seperti ketiadaan *line of sight* dari menara kawalan trafik udara dan menara bomba ke kawasan tertentu di apron dan *taxiway*; dan
- (v) kerosakan sistem pemaliman yang menyebabkan pembatalan atau kelewatan penerbangan terutama pada waktu malam atau ketika cuaca buruk.

Sekian terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan saya kepada Menteri. Terlebih dahulu, terima kasih di atas pengumuman di buat oleh Menteri.

Saya mendapat aduan tentang kerosakan *Instrument Landing System* (ILS) beberapa bulan yang lalu. Alasan yang diberikan oleh pihak kementerian bahawa tidak ada peruntukan untuk pembaikan segera. Ini mengganggu operasi pesawat khususnya yang disebutkan oleh Menteri tadi pada waktu malam dan juga pesawat ATR yang tidak mampu untuk beroperasi secara sepenuhnya. Jadi, mohon kedudukan terkini kerosakan ILS tadi.

Tuan Loke Siew Fook: Saya mengambil maklum daripada maklum balas daripada Yang Berhormat. Saya akan periksa dan pastikan bahawa kalau ada kerosakan yang masih belum diperbaiki. Kita akan memberikan prioriti untuk memastikan ILS itu dapat berfungsi dengan baik. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Okey, Yang di-Pertua. Soalan saya adalah mengenai Lapangan Terbang Senai yang sudah tambah banyak *flight* antarabangsa. Saya dapati kerana saya sentiasa guna lapangan terbang ini. Saya dapati kemudahan awam tidak cukup dan tandas cuma ada satu sahaja. Jadi ini tidak memuaskan kerana penumpang sudah tambah banyak di Senai *Airport*. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, kerana skop soalan yang ditanya tidak ada dalam skop soalan asal tetapi saya mengambil maklum ataupun maklum balas berkenaan dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur di lapangan-lapangan terbang.

Secara amnya, kita memang mengambil berat bahawa semua lapangan terbang di seluruh negara. Kita memerlukan penambahbaikan dan pembangunan yang lebih teratur supaya mendapat memastikan lapangan terbang menjadi enjin untuk pembangunan di sesuatu negeri. Terima kasih.

13. Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah lokap simpanan tahanan yang dimiliki oleh Agensi Antidadah Kebangsaan AADK di setiap negeri dan apakah penyelesaian bagi kawasan yang tiada fasiliti lokap AADK.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih, Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Sebenarnya soalan Yang Berhormat Alor Setar cukup pendek, dia bertanyakan berapakah bilangan lokap simpanan tahanan yang dimiliki oleh Agensi Antidadah Kebangsaan di setiap negeri dan apakah penyelesaian bagi kawasan yang tiada fasiliti lokap AADK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Agensi Antidadah Kebangsaan mempunyai sebanyak 16 buah lokap di seluruh negara dengan jumlah kapasiti seramai 899 orang bagi menempatkan orang kena tahan terutamanya penagih dadah di tempat-tempat negeri seperti berikut. Saya sebut negeri sahaja untuk memenuhi permintaan soalan.

Di Selangor, kita mempunyai dua lokap, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita ada satu lokap, Kedah dua lokap, Pulau Pinang satu lokap, Kelantan satu lokap, Terengganu satu lokap, Perak dua lokap, Pahang satu lokap, Melaka dua lokap, Johor dua lokap dan Sabah satu lokap.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sebenarnya lokap ini kita gunakan bila mana berlakunya tangkapan, mereka yang kita tahan ini akan kita tahan di lokap dalam tempoh 14 hari maksimum sementara menunggu laporan daripada patologi daripada hospital untuk mengesahkan bahawa yang kita tahan ini positif terhadap dadah. Bila mana mereka ini, laporan daripada patologi itu positif dadah dan kita akan hantar mereka ke hospital untuk *verification*, dengan izin untuk memastikan laporan yang diterima daripada patologi itu disahkan oleh hospital. Setelah mendapat pengesahan daripada hospital dan kita akan keluarkan mereka daripada lokap dan diletakkan di *Cure & Care Rehabilitation Centre* yang mana di sinilah tempat di mana kita akan memulihkan mereka ini.

Bagi soalan yang kedua tadi yang mengatakan apakah usaha kerajaan untuk terutama sekali bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai lokap. Kerajaan Pakatan Harapan khususnya Kementerian Dalam Negeri sedang melihat semula keperluan lokap tahanan dan pusat tahanan bagi memastikan semua negeri mempunyai fasiliti yang mencukupi dan seimbang. Keperluan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk pertimbangan bagi peruntukan pembangunan.

Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri bersebelahan seperti Putrajaya, Perlis dan Negeri Sembilan ia diuruskan oleh zon tengah dan juga zon utara. Namun demikian, Kementerian Dalam Negeri sedang melihat semula kemampuan bagi menampung kapasiti di semua negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti jawapan yang dikatakan tadi. Ada negeri cukup luas hanya ada satu sahaja tempat lokap dan juga sama ada lokap tersebut pun selalu penuh.

Maka saya hendak tanya, sejauh mana boleh ada kerjasama antara pihak polis dengan AADK, di mana boleh kongsi ataupun membenarkan digunakan lokap sementara atau adakah mana-mana bangunan yang belum diguna pakai setakat ini boleh di-*transform* sebagai lokap. Ini kerana ia menjadikan satu isu di mana pegawai-pegawai AADK ini terpaksa menanggung penahanan tersebut maka ia akan memanjang-manjangkan isu tersebut. Terima kasih.

■1140

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Sebenarnya saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi. Nampak ketidakseimbangan dari segi bilangan lokap yang ada.

Akan tetapi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika ini, lokap AADK tidak memenuhi kapasiti, tidak melebihi daripada kapasiti. Sebabnya, lokap ini hanya bersifat sementara. Bila mana kita tahan mereka, dalam tempoh 14 hari laporan siap dan kita *verify* daripada hospital, mereka ini akan kita keluarkan daripada lokap tersebut dan dipindahkan ke *Cure & Care Rehabilitation Centre*. Maknanya, lokap kita tidak penuh atau tidak *overcapacity* dari segi sudut itu.

Begitu pun, saya setuju, contohnya saya bagi contoh Melaka. Negeri yang kecil, ada dua lokapnya. Akan tetapi, Sabah dan Sarawak cuma ada satu lokap. Negeri yang cukup besar dengan jumlah keluasan tanah yang begitu besar, jumlah penduduk yang lebih ramai tetapi lokap AADK cuma ada satu. Oleh sebab itu, di peringkat kementerian, secara kebetulan pula saya orang Sabah, saya sudah mengatakan perkara ini kepada kementerian agar kita perlu menyeimbangkan tentang perkara ini agar fasiliti-fasiliti lokap ini dapat kita seimbangkan selaras dengan jumlah penduduk dan keluasan tanah. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya menghargai dukungan bagi program *Cure & Care* yang Yang Berhormat Menteri sebut sendiri untuk pemulihan penagih.

Persoalan saya, memandangkan sudah ada Laporan Kompilasi Kes “*Best Practices*” AADK yang membuktikan bahawa Klinik *Cure & Care* adalah cara terbaik di mana semua penagih tidak dipaksa untuk menjalani pemulihan tetapi diberikan secara sukarela. Ini kerana dari segi pelaksanaan, walaupun dana bertambah, Yang Berhormat Menteri, yang saya nampak begitu banyak Klinik *Cure & Care* ditukar operasi dan dianggap ditutup oleh pihak AADK. Jadi, AADK sendiri kata berkesan, tetapi adakah kerajaan bersedia, dengan penambahan dana, untuk melebar luaskan pelaksanaan program Klinik *Cure & Care* yang mengambil *harm reduction* sebagai usaha terbaik yang paling berkesan untuk penagih? Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh sebentar tadi.

Sebenarnya, untuk maklumat Yang Berhormat Permatang Pauh, pada pengetahuan saya, tidak ada pusat *Cure & Care Centre* kita yang ditutup. [Disampuk] la *still* beroperasi. Cumanya, dalam usaha kita untuk memastikan agar pusat ini tidak *overcrowded*, dengan izin, kita memperkenalkan beberapa program iaitu program *Community Empowerment* di mana mereka yang menghadapi masalah penagihan dadah yang tidak kronik, kita letakkan mereka di dalam program *Community Empowerment*. Akan tetapi, dari segi *Cure & Care Centre* sebentar tadi, dia masih beroperasi dan *of course*, ada lah beberapa kelemahan yang ada di *Cure & Care Centre* ini. Yang Berhormat pun sedia maklum, beberapa mesyuarat perbincangan telah kita adakan di peringkat kementerian untuk kita melihat dari segi perkara-perkara yang perlu kita tambah baik khususnya yang melibatkan operasi *Cure & Care Centre* ini.

Jadi, apa yang ingin saya katakan di sini bahawa tidak ada *Cure & Care Centre* yang ditutup tetapi kita pula memperkenalkan program-program baharu untuk memastikan agar *Cure & Care Centre* kita ini tidak *overcrowded*. Terima kasih.

14. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah bekalan air luar bandar serta langkah alternatif bantuan air di luar bandar terutamanya di Batang Sadong.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong di atas soalan ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri. Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan kementerian adalah untuk membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar.

Walau bagaimanapun, kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baharu loji rawatan air secara *case-by-case*, dengan izin, di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kesemua Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) kementerian ini adalah berdasarkan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak (SPU) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar di peringkat Kerajaan Negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga kedudukan kewangan semasa negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Parlimen Batang Sadong, kementerian akan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar, Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 2 (Samarahan) dengan peruntukan sebanyak RM7.8 juta yang melibatkan penyambungan paip jenis HDPE pelbagai saiz sepanjang 16.36 kilometer. Projek tersebut dijangka akan ditender pada suku kedua tahun 2019 dan akan memberikan manfaat kepada lima buah kampung iaitu Kampung Satiman, Kampung Lubok Samsu, Kampung Ba, Kampung Lubok Bunting dan Kampung Benat Hulu yang merangkumi sebanyak 173 buah rumah. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tersebut. Saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini adalah tanggungjawab bersama di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jadi, sebab itu saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan bertanya mengenai ini.

Cuma, Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa kementerian ada menganjurkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Saya nak tahu, apakah status jawatankuasa bersama Kerajaan Negeri Sarawak mengenai perancangan dan pelaksanaan untuk projek di Sarawak terutamanya projek bekalan air?

Juga, tadi telah disentuh jumlah peruntukan yang telah diberikan untuk projek yang telah dilaksanakan setakat ini tetapi tadi hanya menyentuh mengenai Batang Sadong. Saya ucap terima kasih. Mungkin Yang Berhormat Menteri hendak menyatakan secara keseluruhannya status terkini. Terima kasih banyak.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih atas soalan tambahan itu. Dalam jawapan saya, saya beri maklumat tentang projek di Batang Sadong sebab itulah yang diminta dalam soalan utama. Sebab itulah maklumat itu dibekalkan.

Dari segi mekanisme untuk kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak, seperti Yang Berhormat sudah sebut, kita ada *joint committee* atau jawatankuasa bersama. Ini bukan sahaja untuk Sarawak tetapi juga untuk Sabah. Jawatankuasa ini memang diteruskan perjalanannya dan jawatankuasa ini berfungsi di beberapa peringkat. Kita ada peringkat di— sebagai contoh, yang melibatkan ketua setiausaha kementerian dan juga SS di peringkat Sarawak. Kita juga ada mesyuarat bersama di peringkat Menteri yang berkenaan daripada Pusat dan juga daripada negeri Sarawak. Jadi, kerjasama ini akan diteruskan untuk berbincang dan melaksanakan apa-apa yang perlu. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini adalah masa kemarau yang panjang. Di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah itu, memang kita menghadapi masalah air yang kronik sekali.

Disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa loji dibina dan sebagainya di antara kerjasama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kawasan-kawasan seperti kawasan saya di Beaufort, kita sudah membina loji yang baharu. Akan tetapi, masalahnya, loji ini tidak berfungsi. Jadi, dalam masa sekarang ini, dalam keadaan kemarau yang memanjang ini, maka masalah air itu bertambah teruk sekali dan rakyat terbeban dengan ini. Bagaimanakah kementerian Yang Berhormat boleh membantu dalam hal yang sedemikian ini? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort atas soalan tambahan tadi. Saya ambil maklum maklumat Yang Berhormat berikan tadi bahawa loji yang telah dibina dahulu di kawasan Beaufort sekarang tidak berfungsi. Ini saya akan rujuk kepada pihak kementerian untuk siasat dan ambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

15. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan beban kerja guru. Adakah pemantauan dibuat terhadap pelaksanaan supaya kesannya dirasai oleh seluruh warga pengajar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil serius isu beban tugas guru. Bagi mengurangkan beban tugas guru ini, KPM telah menjalankan sembilan intervensi yang diperkenalkan melalui lima inisiatif seperti yang telah diumumkan ketika Amanat Tahun Baru 2019.

■1150

Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut;

- (i) memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi skim peminjaman buku teks, fail panitia dan laporan penaksiran bilik darjah;
- (ii) pengurusan data dan sistem *online*;
- (iii) pemansuhan peperiksaan Tahap Satu serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan Linus yang bersesuaian dengan keperluan murid;
- (iv) penyeragaman borang dan proses pemantauan, dan;
- (v) penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Bagi memantau dan menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru (JMBTG) sedang melaksanakan kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif yang telah diperkenalkan. Setakat ini, JMBTG telah mengenal pasti isu beban tugas guru secara menyeluruh dan telah menyusun strategi menangani beban tugas guru kepada inisiatif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Inisiatif menangani beban tugas guru bagi jangka masa sederhana akan dilaksanakan mulai Jun 2019, manakala inisiatif jangka panjang pula akan dilaksanakan selewat-lewatnya mulai tahun 2020. Di dalam proses mengenal pasti isu dan menyusun strategi menangani beban tugas guru, KPM telah bekerjasama dengan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Majlis Guru Besar dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Keberkesanan strategi jangka pendek menangani beban tugas guru ini telah dipantau oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM. Sekian jawapan saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan Sistem Kehadiran Murid Dalam Talian akan dilaksanakan di seluruh negara sebagai satu langkah mengurangkan beban kerja guru. Adakah sistem pengecaman wajah untuk merakamkan rekod kehadiran murid juga dalam pertimbangan KPM? Jika "Ya", bilakah perkara ini akan dilaksanakan dan apakah kekangan-kekangan yang akan dihadapi oleh kementerian?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Ini adalah salah satu cadangan yang kita terima dan memang kita sedang mengkaji sama ada kita hendak- ini adalah salah satu cara yang kita- cadangan yang kita terima tetapi pelaksanaannya kita setakat ini tidak ada satu tempoh masa yang ditetapkan. Ini kerana untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini masih ada sekolah yang mempunyai kesulitan untuk membuat rekod kehadiran dalam talian juga. Jadi, untuk mengecam wajah, ini salah satu teknologi yang kita rasa boleh diguna pakai. Akan tetapi untuk dilaksanakan di seluruh Malaysia, saya rasa kita setakat ini masa tidak ada satu tempoh masa yang ditetapkan.

16. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perkembangan kajian mengenai "*Personalized Plate Number*" bagi kenderaan di Malaysia dan bilakah anggaran masa memulakan sistem tersebut.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk melaksanakan dasar *personalized plate number* pada ketika ini. Kementerian berpandangan bahawa penggunaan *personalized plate number* ini adalah tidak sesuai dilaksanakan kerana terdapat kebarangkalian bagi persamaan atau pertindihan nama yang sama untuk berlaku. Keputusan ini juga adalah selaras dengan keputusan terdahulu untuk tidak mewujudkan sebarang nombor khas. Sekira *personalized plate number* dilaksanakan,

ia akan turut menyukarkan aktiviti penguatkuasaan dan akan mengakibatkan penyalahgunaan dari segi perwujudan *fancy number plate*, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri jawapan yang cukup jelas dan juga tegas. Sekiranya dasar *personalized number plate* ini tidak dilaksanakan, bolehkah pihak kementerian memberi satu unjuran berapakah jumlah *plate number special* yang akan dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi menjanakan pendapatan? Adakah pihak kementerian masih lagi bertegas untuk tidak mengeluarkan nombor istimewa ini kepada pihak-pihak NGO? Itu sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, memang kita tegas untuk tidak mengeluarkan mana-mana nombor khas kepada mana-mana pihak swasta ataupun NGO kerana ini merupakan hasil kepada kerajaan. Kita hendak memaksimumkan supaya hasil ini dijana oleh kerajaan. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada 15 April 2019, kita akan melaksanakan ataupun kita akan merasmikan satu inisiatif baru iaitu menggunakan *e-bidding* untuk nombor-nombor yang akan dijual kepada pihak orang ramai. Kita akan membuat satu *pilot project* untuk nombor di Putrajaya dengan nombor siri "FC". Jadi, kalau Yang Berhormat berminat, bolehlah membuat bidaan dan kita harap dapat meningkatkan pendapatan kerajaan. Terima kasih.

[Soalan No.17 - Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa) tidak hadir]

[Soalan No. 18 - Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang) tidak hadir]

19. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan kesudian kerajaan menggubal satu dasar atau undang-undang baru untuk memastikan bahawa kerajaan negeri tidak mencerooboh atau meluluskan lesen pembalakan hutan tanpa mempertimbangkan hak Orang Asli seperti yang dinyatakan dalam UNDRIP.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, jadual kesembilan, senarai negeri Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan dalam perhutanan hanya dalam hal ehwal berkaitan latihan kajian serta nasihat teknikal yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) bagi tujuan pelaksanaannya. Pengusaha hasil hutan dalam hutan simpanan kekal dilaksanakan berdasarkan kepada *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)* yang dikenali sebagai *MC&I (Natural Forest)* di bawah Skim Persijilan Kayu Malaysia, *Malaysian Timber Certification Certificate Scheme (MTCS)*.

Prinsip tiga dan prinsip empat di bawah *MC&I (Natural Forest)* memastikan aktiviti pembalakan turut mengambil kira hak dan kepentingan Orang Asli supaya tidak terjejas seperti berikut; prinsip tiga - berkaitan dengan hak-hak masyarakat peribumi memperuntukkan bahawa hak menurut perundangan dan adat masyarakat peribumi untuk memiliki, menggunakan serta mengurus tanah, kawasan dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati. Prinsip empat - berkaitan dengan perhubungan masyarakat dan hak-hak pekerja, memperuntukkan bahawa operasi-operasi pengurusan hutan perlu mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat tempatan dan pekerja-pekerja hutan untuk jangka masa panjang.

Untuk maklumat Yang Berhormat, berdasar seksyen 19(g), Akta Orang Asli 1954, memperuntukkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Orang Asli untuk mengawal mana-mana penebangan hutan di kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli yang telah diwartakan di dalam Akta Orang Asli 1954 bagi memastikan hak-hak dan kepentingan Orang Asli dipelihara, terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan. Saya terima baik isu yang dibangkitkan iaitu empat prinsip yang telah digariskan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi prinsip ini hanya merupakan satu prinsip, satu *guideline* dan tidak diwajibkan. Masalah sekarang ialah kita ada satu kumpulan yang besar di Malaysia, khususnya Orang Asli yang mengalami beberapa masalah di kawasan mereka sendiri. Oleh kerana itu, *livelihood* mereka, termasuk adat mereka sekarang dicabar. Oleh kerana itu, satu polisi yang

mewajibkan kawasan mereka tidak dikacau, tidak ada pembalakan dan sebagainya harus dikemukakan. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

■1200

Dr. Xavier Jayakumar: Saya terima apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi keputusan ini kena dilakukan walaupun hal ehwal mereka adalah di bawah Kementerian Perpaduan tetapi kita kena faham bahawa isu tanah, isu hutan yang mereka hidup dan digunakan ialah hak dan ini ialah di dalam peruntukan akta dalam negeri tentang menggunakan tanah di sana. Kita boleh bagi cadangan. Kita boleh juga bagi nasihat dan kita boleh bekerjasama dengan negeri untuk mengatasi masalah ini. Akan tetapi ini kena dilakukan bersama-sama.

Walaupun di dalam isu ini saya rasa dan minta juga kerajaan negeri untuk bagi kepentingan kepada orang-orang asal yang duduk di dalam kawasan-kawasan perhutanan untuk hak mereka dipertahankan selama-lamanya. So, ini ialah satu-satu yang kita kena bekerjasama dengan negeri untuk atasi masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, maka berakhirlah waktu pertanyaan bagi jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.01 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ada sebahagian manusia di sini yang tidak berapa hendak membangkitkan isu rakyat tetapi kita bagi kerajaan prihatin akan terus mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 20 Mac 2019.”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, Sepanggar tetap menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

**MENJUNJUNG KASIH TITAH
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas”. **[18 Mac 2019]**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, bagi meneruskan perbahasan Titah Diraja, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Tangga Batu untuk berucap.

12.02 tgh.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Assalamualaikum pembuka ayat,

Kepada semua salam sejahtera,

Terima kasih Timbalan Speaker Dewan Rakyat,

Memberi peluang untuk berkata-kata.

Saya Rusnah binti Aluai dari Tangga Batu ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda sempena pembukaan Parlimen.

Sidang Dewan yang dihormati, pertama saya ingin menyentuh tentang hubungan antara pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan negeri. Segala dasar dan arahan Kabinet dilaksanakan oleh pegawai-pegawai awam yang berkhidmat dalam organisasi-organisasi kerajaan yang berkaitan. Pentadbiran negeri Semenanjung Malaysia, projek-projek kerajaan di peringkat daerah contohnya dikelolakan oleh pejabat daerah. Pejabat daerah bersama agensi-agensinya kerajaan negeri dan Persekutuan menyelaras usaha-usaha pembangunan negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya meminta agar komunikasi antara agensi-agensinya kerajaan negeri dengan pusat khidmat rakyat Parlimen dapat dipertingkatkan dan ditambah baik agar dasar dan polisi serta perkembangan terkini dapat difahami dan kerjasama dapat dijalinan dengan mantap. Kadang-kadang kita tidak tahu atau hanya mendengar maklumat dari media sosial tentang perkembangan-perkembangan terkini. Ada beberapa majlis Ahli Parlimen kawasan di mana majlis diadakan tidak diberi maklumat secara rasmi apabila Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri hadir. Ini mungkin menyebabkan salah faham bahawa Ahli Parlimen tidak ambil tahu apa yang berlaku. Tidak menghormati Yang Berhormat Menteri atau lebih teruk lagi akan dikatakan tidak mengalu-alukan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke kawasan. Jika ia melibatkan isu-isu tempatan mungkin persepsi akan timbul bahawa kami tidak ambil berat tentang masalah rakyat.

Saya tidak dimaklumkan atau dijemput apabila Tuan Yang Terutama Negeri Melaka dan Yang Berhormat Pertahanan hadir di Kem Terendak dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri hadir di Kem RELA Sungai Udang. Nasib baik apabila Yang Berhormat Menteri KDNHEP atau Menteri Pengguna merasmikan Program Bank Makanan di Pantai Puteri, kami dijemput dan hadir. Bukanlah kami minta dijemput atau disanjung-sanjung, namun Ahli Parlimen perlu tahu apa yang berlaku di kawasannya dan dasar-dasar kerajaan perlu diperjuangkan bersama. Alasan terlepas pandang tidak boleh diterima dan tidak munasabah.

Parlimen terdiri daripada DUN, di peringkat negeri apabila EXCO kerajaan negeri dan DUN membawa masuk projek atau menjalankan dasar, kami perlu mendapat maklumat agar Ahli Parlimen tidak memperjuangkan polisi yang berbeza dengan apa yang dijalankan di peringkat negeri. Contohnya, saya membantah penerusan penambakan laut. Namun projek itu perlu diteruskan oleh kerajaan negeri atas sebab-sebab tertentu. Saya memperjuangkan pembinaan atau penambahan hospital umum namun yang dibawa masuk pembinaan hospital swasta. Ini menampakkan ketidakselarasan dasar akibat kelemahan penyampaian informasi dan tidak mendapat penjelasan tentang perkembangan terkini di peringkat negeri.

Jika kami tidak dipanggil untuk mesyuarat bersama, rasanya agak memadai jika keputusan Majlis Mesyuarat Negeri dipanjangkan kepada pengetahuan kami. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah biasanya membincangkan masalah-masalah yang berlaku dan amat kurang mengenai dasar dan polisi peringkat negeri yang perlu dibawa kepada pengetahuan Ahli Parlimen. Jadi kami ya, agak ketinggalan mendapat informasi-informasi seperti begini.

Seterusnya, isu pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dan Jawatankuasa Masjid juga menimbulkan masalah. Kami maklum ini adalah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, kerajaan negeri dan ADUN. Namun apabila kami tidak dirujuk, maka apabila berlaku masalah rakyat akan mencari Ahli Parlimen juga dan kami tidak boleh menjawab kami tidak ada kuasa dan tidak boleh campur tangan. Mereka akan menjawab "*Apa guna kami undi kamu sebagai Ahli Parlimen kalau tidak boleh menyelesaikan masalah*". Ini seperti tanggungjawab bersama atau *vicarious liability* dengan izin, dalam undang-undang tort.

Baru-baru ini rakyat tidak berpuas hati tentang isu pasar malam di DUN Paya Rumput membuat *placard* "*Tun M sila bubar Parlimen. Kami mahu YB baru.*" Walhal ini adalah kisah perebutan hak penganjuran pasar malam juga kisah-kisah tentang dengan izin, *car boot sale*, *funfair* yang terkini bazar Ramadhan yang terbesar di Malaysia yang terletak di DUN Klebang. Saya yakin ada ramai Yang Berhormat Parlimen yang mengalami masalah yang sama. Saya menegur untuk penambahbaikan dan perlu buat pemantapan pentadbiran dan bukan menuding jari kepada mana-mana pihak.

Saya juga memohon Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Yang Berhormat Rina Harun agar memudahkan – minta maaf, ada Datuk Seri ya, minta maaf. Agar memudahkan tatacara penyediaan profil kampung bagi MPKK mendapatkan peruntukan RM10,000 bagi mereka memulakan atau menjalankan tugas-tugas mereka. Profil yang diminta disediakan amat terperinci dan sukar untuk dipenuhi oleh ahli-ahli MPKK yang rata-ratanya berkelulusan biasa tetapi ini bukan bermakna saya merendahkan kedudukan mereka.

Banyak balai raya yang rosak dan tidak dapat digunakan. Bekalan elektrik dan air dipotong, penyaman udara, perabot dan sebagainya telah diambil semula oleh pemegang-pemegang jawatankuasa yang sebelum ini kerana berpendapat balai raya dan perkakas-perkakas yang ada adalah dipunyai oleh mereka. Jadi saya harap tindakan untuk membantu MPKK perlu disegerakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mereka lebih bertindak segera untuk membangunkan kawasan-kawasan yang mereka *in charge*, dengan izin.

Isu kedua yang hendak saya sentuh mengenai Bahasa Kebangsaan. Menurut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan yang digunakan dalam urusan rasmi. Maksud rasmi pula ertinya apa-apa maksud kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri dan termasuklah apa-apa sesuatu pihak berkuasa awam.

Kita haruslah bangga dan mendaulatkan Bahasa Malaysia dan menjalankan usaha-usaha untuk memartabatkannya sedaya upaya dan bukan hanya sebagai retorik. Pada Ahad, 10 Mac sebelum sidang Parlimen dibuka, kita dijemput menghadiri untuk mendengar taklimat "*Law Reform Agenda* yang sepatutnya "*Agenda Memperbaharui Undang-undang Untuk "alaysia"* dan sesi "*town hall*" bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1210

Hari Wanita baru-baru ini diraikan dengan slogan "*Balance for Better*". Ini orang kampung pun tidak tahu apa dia ini. Adakah tidak ada istilah dalam Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan boleh digunakan ataupun kurang kah kita pakar yang boleh menterjemah istilah dan slogan-slogan tersebut? Ini adalah contoh kecil yang saya berikan. Kebanyakan taklimat-taklimat yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen pun adalah dalam bahasa Inggeris. Kita bukanlah menolak bahasa Inggeris sebab memang ia bahasa ilmu pengetahuan, namun di manakah letaknya status bahasa kebangsaan? Kerajaan perlu serius menggunakan bahasa kebangsaan agar diikuti oleh semua pihak.

Arak-arak kelapa puan,

Tidak puan kelapa bali,

Harap-harap bahasa kebangsaan,

Letakkan ia di martabat yang tinggi.

[Dewan tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga menyentuh tentang pentingnya perpaduan antara kaum di Malaysia dan keharmonian dalam mengamalkan agama. Dalam hujah-hujah Yang Berhormat rakan-rakan saya banyak telah diperkatakan tentang perkara ini. Kita perlu terima hakikat dan realiti bahawa Malaysia adalah negara pelbagai bangsa dan agama namun semakin kerap dan semakin berani pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu menanggung di air yang keruh, menggunakan isu-isu ini dan meletakkan keharmonian hidup rakyat Malaysia ke ambang perpecahan.

Memetik kata-kata Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Presiden Keadilan, "anak Melayu anak kita. Anak Cina anak saya, anak India anak saya, anak Kadazan, anak Iban adalah anak saya". *[Dewan tepuk]* Usahlah kita perjudikan nasib generasi muda kita dengan meracuni fikiran mereka dengan perkauman. Negara bangsa jenis apakah yang mahu kita wariskan kepada anak-anak Malaysia? Hatta, semasa perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, ada pihak yang berkempen memboikot buah limau dari China. Apakah dosa buah limau itu? Walhal mereka inilah yang mengunjungi banyak kedai-kedai RM2 yang berlambak di Malaysia yang barang-barangnya diimport dari China.

Tuan Yang di-Pertua, media massa mempunyai etika juga bertanggungjawab untuk membendung isu perkauman ini. Kita sayang negara kita. Negara ini hakikatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, yang melanggar etika dan undang-undang perlu diambil tindakan tegas.

Selain daripada isu itu, saya ingin membangkitkan tentang isu tempatan yang terkini di kawasan Parlimen Tangga Batu yang telah dibawa kepada pihak media. Ini melibatkan pembinaan Lebuhraya SPA daripada Sungai Udang ke Cheng. Projek ini bermula pada 2016 dan dijangka siap pada Jun 2019. Ada dua persimpangan lampu isyarat dijangka ditutup iaitu persimpangan Taman Indah di bawah Parlimen Masjid Tanah dan juga persimpangan Taman Bertam Setia. Penduduk-penduduk taman telah menyatakan bantahan tentang cadangan penutupan kedua-dua persimpangan lampu isyarat di situ. Mereka telah membuat kajian tentang apa yang dihadapi oleh keselamatan, masa, tenaga dan kewangan. Saya dan Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Samsudin, Ahli Parlimen Masjid Tanah telah berdialog dengan penduduk serta pihak-pihak yang terlibat seperti JKR dan kami berjanji membawa isu ini di Parlimen.

Saya juga ingin membangkitkan isu-isu yang membabitkan pengusaha bas ekspres yang tenat. Sudah 10 tahun tambang bas tidak dinaikkan. Saya pun tidak tahu yang ini, maknanya carilah cara yang sesuai. Oleh sebab dua-dua pihak ini mengalami masalah yang tenat sekarang. Kos penyelenggaraan meningkat sehingga 50 peratus. Insurans juga meningkat dan *ticketing* dengan izin dia buat konsortium secara pukal yang syarikat tersebut mengambil 10 peratus dari harga tiket dan caj perkhidmatan 10 peratus juga. Apa yang

sangat tinggal kepada peniaga bas? Oleh itu diharap isu pengusaha-pengusaha bas ini diambil dan dipandang serius oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai, dengan izin *pioneer*, Universiti Islam Antarabangsa, saya terpenggil membantu alma mater saya dengan izin isu *Centre for Foundation Studies* UIA, Petaling Jaya yang ditutup pada 2017. Semua staf dipindahkan ke kampus Kuantan atas dasar sementara. Ini kerana kampus tetap mereka adalah di kampus Gambang. Beberapa kali pelan perpindahan yang mulanya dijangkakan pada Jun 2018, kemudian, September 2018. Lepas itu, Januari 2019. Minta diperjelaskan apakah sebenarnya yang berlaku kerana terdapat staf seperti "menanti buah tidak gugur". Mereka ingin kepastian kerana saya difahamkan ada yang telah meninggalkan perkhidmatan universiti kerana keadaan yang tidak menentu ini.

Seri Paduka Baginda juga ada menyentuh mengenai nasib orang-orang Islam yang teraniaya di luar negara yang kisahnya tidak berkesudahan seperti orang Palestin, Rohingya, Syria, Yaman dan Kashmir. Baru-baru ini, delegasi daripada Jammu Azad mengunjungi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Dato' Mohd Rashid Hasnon dan saya hadir juga dengan MP Tampin. Mereka meminta kita menyuarakan tentang isu penganiayaan orang-orang Islam dan meminta kami mengutarakan hal ini di Dewan yang mulia ini. Kami ingin tahu apakah pendirian Malaysia terhadap isu Kashmir ini?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja isu-isu yang hendak saya bangkitkan. Dengan ini, saya menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Terima kasih. [*Dewan tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Sungai Petani. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Sik.

12.16 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat salam sejahtera kepada semua. Yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua Majlis. Tuan Yang di-Pertua yang dihormati kerana memberikan laluan kepada saya pada hari ini. Saya turut serta untuk menjunjung kasih di atas titah Tuanku yang berucap, yang jelas menggariskan apakah yang akan kerajaan baharu ini lalui dan seterusnya apakah yang perlu sebagai Ahli Parlimen lakukan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa beberapa isu yang saya kira harus menjadi perhatian bukan sahaja kita dalam Dewan ini sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi juga kepada pemerintah hari ini. Isu yang pertama yang saya kira harus kita selami ialah masalah derita rakyat di bawah. Mahu tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, masalah *bread and butter*. Masalah harga barang. Itu menjadi masalah yang *number* wahid, nombor satu dalam kehidupan kita harian.

Kedua, masalah tempat tinggal, di mana kita lihat ramai di antara anak-anak muda mengeluh bagaimana mungkin mereka dapat membeli ataupun mendapat rumah yang mereka idamkan dalam keadaan harga yang amat tinggi dan ketiga ialah masalah pendidikan. Bagaimana mereka sedang bergelut dengan suasana di mana terpaksa membayar yuran persekolahan, bagaimana harus membayar yuran universiti walaupun PTPTN ada, tetapi tidaklah semudah itu untuk mendapatkan pinjaman dan begitu juga yang mutakhir ini bagaimana anak-anak kita di universiti bergelut dengan soal menyara hidup mereka di kampus-kampus.

Saya ingin bertanya kepada teman-teman di sini, kalaulah kita melihat negara kita sebagai contoh seorang *engineer* yang *graduate* satu *batch* dengan saya tahun 79 ke 80 dari universiti. *Engineer* akan mendapat - seorang *engineer*, rata-ratanya gaji bulanan ialah sekitar RM2,500 sebulan. *Engineer* pada tahun 79 ke 80. Akan tetapi, kita tanya *engineer* hari ini yang baru juga keluar dari universiti. Dia juga akan mendapat sekitar RM2,500. Jadi, kalaulah *engineer* pada tahun 79 ke 80 mendapat gaji RM2,500 dan sekarang ini, *engineer* yang *fresh graduate* juga mendapat RM2,500. Jadi, bayangkanlah kalau gajinya begitu *stagnant* sedangkan harga barang sudah melonjak berkali-kali ganda.

Begitu juga dengan harga rumah. Saya masih ingat saya sebagai kakitangan kerajaan membeli rumah pada tahun 1979 ke 1980 dengan harga RM100,000 teres dua tingkat. Sekarang ini, rumah yang sama harganya telah pun melonjak kepada RM800,000.

■1220

Jadi mana mungkin kita hendak *balance*-kan di antara gaji yang *stagnant* tadi RM2,500 dan rumah yang melonjak kepada RM800,000. Inilah masalah yang sedang dihadapi oleh masyarakat kita. Jadi persoalannya, apa masalah kita sebenarnya? Kita mempunyai segala-galanya Tuan Yang di-Pertua, sebuah negara yang boleh dikatakan *blessed by god with milk and honey*. Kita ada gas, kita ada minyak, kita ada hutan, kita ada laut, kita ada sungai, kita ada tasik tetapi rakyatnya masih merangkak dalam keadaan yang boleh dikatakan parah sekarang ini.

Begitu juga, kita lihat bagaimana sebuah negara yang mempunyai rakyatnya sekitar 30 juta hingga 31 juta tetapi penjawat awam kita lebih daripada satu juta. Maknanya *ratio* kalau kita lihat sekarang ini, satu penjawat awam menjaga 30 orang sahaja rakyat Malaysia. Itu satu jumlah yang agak kecil.

Kalau kita lihat – saya pengalaman sudah lebih daripada 10 tahun di sini, mendengar bahawa sama ada kerajaan dahulu ataupun sekarang ini, memperuntukkan bermacam-macam subsidi untuk membangunkan masyarakat kita di luar bandar. Akan tetapi masih lagi kita bercakap tentang soal kemiskinan. Sebanyak 20 bilion saya masih ingat lagi diperuntukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun yang lepas tetapi masih lagi kerajaan menolak ataupun rakyat menolak mereka sedangkan semua yang diberikan itu hampir kepada semua kementerian. Ada kementerian yang memperuntukkan hampir 18 ke 19 program untuk membantu rakyat tetapi masih lagi rakyat tidak terima. Jadi, apa masalahnya? Dengan peruntukan yang diberikan begitu banyak kepada rakyat, sepatutnya Kerajaan Barisan Nasional tidak tumbang. Akan tetapi apa masalahnya?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi oleh sebab itu, saya boleh katakan dengan jelas di sini bahawa...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Soal yang hendak kita bangkitkan di sini ialah – dua minit, dua minit. *Sir, I will give you. Do not worry.* Saya katakan bahawa soal *delivery*. Yang Berhormat Kinabatangan berkali-kali saya masih ingat, inilah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Kita mempunyai program yang cantik, kita mempunyai polisi yang cantik tetapi bila datang kepada *delivery, delivery* lah masalah yang kita ada. Pegawai-pegawai di bawah, penjawat-penjawat awam tidak memberikan sokongan yang padu kepada polisi-polisi yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan.

Oleh sebab itu, saya hendak memberikan peringatan kepada kerajaan, kita boleh menyediakan semua polisi, kita boleh menyediakan semua bantuan, kita boleh menyediakan semua subsidi tetapi kalau *delivery is a problem*, ingatlah bahawa inilah yang juga telah dihadapi oleh kerajaan dahulu, masalah *delivery*. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi, soal *delivery*, soal bagaimana peruntukan kerajaan boleh sampai ke bawah.

Saya hendak berkongsi sedikit, mungkin boleh difikirkan. Kebanyakan bantuan dan sumbangan kerajaan, kita memberinya kepada penerima yang ada dalam senarai eKasih, misalnya. Maknanya, mana-mana orang miskin yang perlu dibantu tetapi tidak ada dalam sistem itu, dia tidak akan dapat. Baik, kalaulah banyak mana pun program yang dibuat oleh pelbagai kementerian, kalau di satu kampung hanya ada seorang sahaja yang tersenarai dalam senarai eKasih, maknanya dia sahaja yang dapat.

Saya tidak bersetuju kalau Yang Berhormat kata pegawai kerajaan tidak membantu. Pegawai kerajaan akan membantu tetapi dia membantu berasaskan kepada peraturan yang ada. Maknanya kalau ada orang miskin di sebelah rumah dia, tetapi dia tidak ada dalam senarai eKasih, dia tidak layak. Kalau dia beri, salah pegawai kerajaan.

Oleh sebab itu pada saya, sistem itu perlu dibetulkan. Saya sudah bercakap ini dahulu sewaktu kerajaan dahulu pun saya bercakap. Sistem eKasih, maknanya kena *empower* kuasa kepada pegawai di peringkat daerah dan sebagainya untuk memberikan keputusan-keputusan segera tanpa terikat dengan eKasih. Kalau itu boleh dibantu maknanya, ada orang miskin di sebelah, tidak ada dalam senarai pun, kuasa ada, boleh beri. Kalau tidak, sampai bila peruntukan yang ada berpuluh hanya akan sampai kepada kumpulan itu sahaja. Kalau ada 70,000 di Malaysia ini, maknanya 70,000 sahaja yang dapat nikmat daripada berjuta yang kerajaan sediakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya setuju. Saya juga terkejut apabila mendengar *briefing* oleh pihak ICU baru-baru ini yang ICU mengambil ketetapan bahawa mereka yang mendaftar dalam eKasih sahaja yang akan dipertimbangkan. Oleh sebab itu saya minta, pegawai-pegawai kerajaan khususnya, *I mean* saya menghormati mereka...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:
[Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tahu yang mereka bekerja keras, saya juga bekas pegawai kerajaan tetapi saya minta pegawai kerajaan kena juga berfikir *outside the box*, fikir di luar kotak. Ini kerana sebagai pemimpin-pemimpin politik, mereka menerima pandangan-pandangan daripada pegawai kerajaan. *At the end of the day*, yang membuat keputusan ialah orang politik, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Jemaah Menteri. Akan tetapi yang betul-betul *work hard*, yang betul-betul yang tahu skru dan natnya ialah pegawai-pegawai kerajaan.

Oleh sebab itu saya minta, soal pegawai kerajaan memberi – jangan takut. Menteri dan Timbalan Menteri juga manusia dan mereka juga ada kelemahan-kelemahan. Oleh sebab itu kita harus ingat yang kita hendak bangunkan ialah rakyat. Oleh sebab itu harus ada kekuatan untuk memberikan teguran-teguran kepada Menteri-menteri supaya keputusan-keputusan yang dibuat itu akhirnya boleh menguntungkan rakyat di bawah.

Sebagai contoh, saya hendak beri contoh. Saya ada satu sekolah di tempat saya— Saya beri pada Yang Berhormat Kuala Terengganu. *Insya-Allah*, saya akan beri. Di kampung saya, di kawasan saya, ada sekolah yang gurunya 11 orang, muridnya 30 orang, satu sekolah. Bila saya tanya ketua kepada sekolah itu, guru besar dia, "*Is your school the best in the region or paling tidak dalam kawasan saya?*" Tidak Dato' sebab kita ada masalah kekangan itu dan dua dan tiga, empat, lima. Dia akan cerita fasal kekanganlah. Dia akan cerita masalah. Saya kata, "*Look here! You must think outside the box*". Kalaulah sekiranya sekolah *you* ada 30 orang murid sahaja dan guru *you* 11 orang, *you must be the best school*. Sekolah yang terbaik sekali. Sebab, seorang guru akan jaga tiga orang murid. Mungkin dia tidak *best* semua tetapi misalannya dia *the best debater*, *sport* kah dalam bidang-bidang tertentu. *Because you* cuma ada 30 orang murid dan 11 orang guru.

Begitulah juga Malaysia. Kita ada 30 juta sahaja rakyat tetapi banyak kementerian yang ingin membantu rakyat tetapi kita masih mempunyai masalah. Oleh sebab itu saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong, kalau sekiranya kita gunakan cuma sekadar eKasih, ini sahaja. Orang yang daftar eKasih dapat bantuan. Orang yang tidak daftar eKasih, tidak dapat bantuan. Mak cik di Lenggong itu, di Kuala Krau di tepi-tepi sungai itu, tepi laut itu, di Arau yang tidak tahu pun *menatang* apa eKasih, dia tidak akan daftar.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak mungkin. Sebelum itu saya hendak beri Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Terengganu dahulu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *I will give you Yang Berhormat Kuala Krau.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Silakan Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Pertama sekali saya merasa sangat gembira apabila Yang Berhormat Sungai Petani menyebut tadi bahawa daripada segi nisbah kakitangan awam yang ada sekarang ini, berbanding dengan jumlah penduduk kita sebenarnya tidak sepadan katanya. Maknanya sepatutnya kita kekurangan untuk *handle* rakyat yang begitu ramai.

Walau bagaimanapun, di dalam hujung bulan lepas, Perdana Menteri ada buat kenyataan bahawa saiz penjawat awam terlalu besar, perlu dikurangkan. Jadi ini agak *contradict*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani sebab ini menimbulkan kegelisahan dalam kalangan kakitangan awam, seolah-olah akan berlaku...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: ...Satu pengurangan besar-besaran terhadap penjawat awam. Jadi yang susah hati sekarang ini rakyat, sedangkan kelemahannya adalah daripada segi sistem, daripada segi kepimpinan. Adakah kerana...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, terima kasih. Saya faham Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ada kaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. [Disampuk][Ketawa] Tidak lupa kawan sebab itu saya suka hendak mencelah. Yang Berhormat Sungai Petani, memang jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin mengurangkan penjawat awam. Itu yang telah ditimbulkan oleh sahabat tadi, saya tidak hendak sentuh.

Cuma yang saya hendak sentuh, pertukaran mengejut beberapa orang pegawai tinggi dalam kerajaan. Ini termasuk KSU. Dulu KSN dinasihatkan berhenti awal, bersara awal. Dinasihatkan ini macam dipaksalah sebenarnya. Selepas itu KSU, ketua-ketua pengarah, ahli-ahli lembaga pengarah.

■1230

Jadi kalau Yang Berhormat Sungai Petani kata beberapa peraka yang kementerian-kementerian semasa Kerajaan Barisan Nasional buat baik dan peruntukan yang cukup, saya pasti kalau kita tukar secara mengejut ini akan menyebabkan dasar polisi yang dikatakan baik tersebut akan terjejas terutama sekali mengenai CEO dan lembaga-lembaga pengarah yang di dalam anak-anak syarikat yang memang mereka ini duduk di bahagian hadapan dengan penduduk di luar bandar tersebut. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih saya hendak respons kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kita ada masalah Yang Berhormat Kuala Terengganu saya bekas pegawai kerajaan kita ada masalah. Masalah yang kerajaan ada adalah khususnya saya juga berkhidmat dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu, bila kita ada *problem* kita ikut jawatankuasa, ada *problem* kita tubuhkan agensi, ada *problem*— oleh sebab masalah itu bertindan-tindan, malah kadang-kadang kita buat agensi bertindan-tindan untuk menyelesaikan masalah yang sama.

Sebab itu ada yang dilihat sebagai *redundant* baik di negeri pun kita faham, baik juga Persekutuan. Agensi-agensi yang ditubuhkan untuk menyelesaikan satu-satu masalah dan akhirnya masalah tidak selesai tubuh satu lagi agensi untuk menyelesaikan masalah yang tidak selesai tadi. Jadi sebab itu kerajaan sekarang melihat ada tidak pertindihan-pertindihan dan untuk itu ada agensi-agensi dirasakan tidak perlu, haruslah diserapkan ke agensi-agensi lain. Kalau sekiranya mereka juga dilihat tidak memberikan semaksimum perkhidmatan yang tertentu, maka kalau mereka itu kontrak, maka kontrak mereka akan dipertimbangkan balik. Itu yang dimaksudkan.

Kedua iaitu Yang Berhormat Kuala Krau. Yang Berhormat Kuala Krau sedar kah ada KSU-KSU yang gajinya RM200,000? Ada. Yang pendapatannya RM200,000. Ada. Sebab itu

ada di antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan ini yang telah pun di-*transfer*-kan ataupun diambil tindakan-tindakan tertentu sebab KSU ini dia juga duduk dalam *seat board*. *Board* yang banyak. Sebab itu kadang-kadang pendapatan KSU ataupun pegawai-pegawai tinggi kerajaan ini tidak selaras dengan kerja yang dia buat berbanding dengan pegawai-pegawai dia. Mungkin pegawai dia bawah dari dia dua tiga *level* mendapat RM6,000 atau RM7,000 sedangkan KSU dapat RM200,000. Ada KSU. Saya tidak mahu sebut di sini tetapi ada. Maknanya tidak adil.

Sebab itu bukanlah semua *reshuffle* dibuat. Sebab itu dalam kes-kes— termasuklah negara-negara lain apabila berlaku perubahan, orang-orang tertentu yang memegang jawatan-jawatan tertentu akan dilihat balik. Sebab itu saya tidak beri masa sebab saya ada empat minit saya hendak *move* kepada tajuk yang penting.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu sahaja saya hendak respons, minta. Saya setuju dengan jawapan daripada Yang Berhormat Sungai Petani kalau KSU menjawat jawatan-jawatan yang lain ini menyebabkan pendapatannya lebih daripada RM200,000 tetapi persoalan saya sehingga kini ada lagi KSU di bawah Pakatan Harapan yang memegang jawatan-jawatan lain. Contohnya Syarikat Perumahan Negara Berhad. Adakah ada Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah dilantik atau kita kerajaan melantik KSU dalam menduduki kerusi-kerusi pengerusi itu sebagai contoh dan berapa lagi KSU yang lain. Apa yang saya sebut tadi jangannya ditukar serta-merta badan-badan yang duduk di barisan hadapan yang ingin membantu rakyat di luar bandar. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Saya harap Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri mengambil ingatan. Ini adalah keluhan daripada kawan-kawan. Cuma saya ada lagi dua lagi isu yang hendak bangkitkan iaitu tentang masalah data dan kerakyatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada tiga jenis kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jenis-jenis kad adalah MyKad *colour* biru yang menunjukkan bahawa pemegang kad warna biru itu adalah warganegara Malaysia. Kemudian, kita ada MyPR warna merah pemastautin tetap yang bukan warganegara. Kad merah adalah *permanent resident*. Ketiga ialah MyKas berwarna hijau iaitu pemastautin sementara bukan warganegara. Ini tiga jenis kad yang telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Cuma isu yang kita ada sekarang ini— saya ingat kawan-kawan yang lain pun ada sama iaitu ada di antara mereka yang lahir di Malaysia khususnya di kalangan penduduk Malaysia yang bukan Islam. Dia bukan agama Islam tetapi dia tidak boleh mendaftar perkahwinan kedua dia sebab kalau dia daftar perkahwinan kedua dia, dia ada undang-undang lain yang akan kena penalti terhadap dia. Akhirnya apa yang akan berlaku dia sembunyi-sembunyi kahwin, selepas itu lahir empat hingga lima orang anak dan anak ini ada *problem*. Itu yang pertama.

Ada juga rakyat Malaysia yang kahwin luar negara selepas itu anak lahir di sini, selepas itu isteri lari dan dia tidak daftar anak ini. Jadi ini *problem* banyak di kawasan kita semua. Jadi saya memohon untuk kerajaan melihat bagaimanakah kalau boleh kita keluarkan satu kad lagi kita namakan kad *null* iaitu kad kosong yang tetap ia mesti ada data. Anak yang lahir di Malaysia mesti ada data. Bukan bermaksud untuk kita memberikan kerakyatan kepada mereka tetapi paling tidak pun mendaftar anak-anak yang lahir ini dan kita tahu dia mesti ada *sponsor*.

Sebabnya anak-anak yang tidak ada kad ini dia tidak boleh pergi sekolah, dia tidak boleh melanjutkan pelajaran sebab status dia tidak tentu. Akhirnya dia melewang dalam kampung, dia tidak pergi sekolah— mereka yang ada duit bolehlah hantar ke *private school* dan mereka yang tidak ada duit ini akan membesar dalam keadaan dia tidak boleh ke mana-mana. Apa yang akan berlaku, apabila dia sampai umur 18 tahun, 19 tahun, dan 20 tahun, inilah yang akan menjadi masalah apabila mereka terlibat dalam jenayah dan kita tidak ada data. Polis datanglah *check* pecah rumah. *Check, check*. Pakai berus dan tengok cap tangan. Cap tangan dia pun tidak ada dalam data dia dan kita mempunyai jumlah yang banyak. Sebab itu saya mencadangkan kepada kementerian supaya melihat balik daftar anak-anak ini dan keluarkan satu kad yang baharu. Tidak bermaksud mereka ini akan menjadi warganegara Malaysia tetapi paling tidak pun mereka ini didaftarkan dalam sistem kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dengan Kementerian Pengangkutan. Ada orang *text* pada saya bahawa ada berlaku satu kemalangan insiden pesawat *private* melanggar di Subang semalam pukul 3.00 pagi. *Private jet* melanggar orang yang sedang— melanggarkan kenderaan *engineering* semasa *landing* di *runway 15* dan semasa mereka ini sedang buat kerja-kerja *repainting central line* untuk *marking* di *runway* tersebut. Soalan yang saya hendak tanya Kementerian Pengangkutan ialah mana mungkin, bagaimana ini boleh terjadi. Bagaimana adakah *tower* tidak *control landing*? Ataupun *tower* tidak tahu yang kerja-kerja mengecat jalan ataupun *runway* itu sedang dilakukan? Ini satu insiden yang cukup memalukan dan ini juga satu insiden yang amat-amat— kalau ditahu oleh *press* dunia ini akan di *highlight*-kan. Jadi saya minta supaya siasatan harus dibuat. Kejadian berlaku pada pukul 3.00 pagi semalam 18 hari bulan di *Airport* Subang dan bagaimana boleh sebuah *jet landing* dalam keadaan kerja-kerja sedang berlaku di *runway*. Jadi saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan. Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat. Saya minta rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingat berilah ruang sedikit sebab banyak orang dapat tiga minit, empat minit. Dia ini bagus, jadi Menteri pun layak. Jadi sepatutnya dia jadi Menteri. Jadi berilah dia peluang dia sedikit. Yang Berhormat, kita kena ambil pendekatan demokratik sikit. Bukan dengan cara komunis pergi gantung orang semasa orang tidak ada di sini, tidak boleh.

Jadi Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Kenyataan Yang Berhormat tadi cukup bagus tetapi saya minta supaya pihak kerajaan jangan mengambil tindakan yang begitu rupa kepada pegawai-pegawai kerajaan. Tukar 24 jam, kemudian macam-macam alasan, berhentikan pegawai kontrak. Kita kena mengambil pendekatan yang lebih demokratik. Ini Kerajaan Pakatan Harapan, harapan baharu rakyat tetapi cara kita ambil tindakan sekarang kita berbau sedikit dia tidak sokong kerajaan, kita ambil tindakan. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan harus lebih demokratik tentang perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawab sedikit. Saya yakin tanpa waswas langsung yang mereka diberhentikan ataupun ditukar tidak oleh sebab mereka tidak menyokong Pakatan Harapan tetapi ada sebab-sebab tertentu yang tidak diumumkan lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagaimana pula dengan pegawai-pegawai kontrak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cukuplah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Cukuplah saya sudah beri peluang sekali.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Thank you. Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik untuk membahaskan.

12.39 tgh.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Saya memulakan perbahasan pada hari ini dengan merujuk Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkaitan pernyataan yang sangat penting untuk kita fahami bersama iaitu konsep *rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah*. Dalam Al-Quran

Allah menyifatkan Rasulullah SAW sebagai *rahmatan lil alamin* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] adalah satu istilah yang di kemudiannya diperbahasakan dan dikembangkan menjadi salah satu konsep dalam hubungan kemanusiaan serta interaksi sosial.

■1240

Melalui analisis tekstur yang dijalankan, kajian mendapati bahawa sifat belas kasihan dan ketegasan Rasulullah SAW adalah elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam memelihara dan memartabatkan Islam. Dalam kita memahami maksud *rahmatan lil alamin*, adalah kurang tepat sekiranya kita hanya menumpukan sifat belas, kasih dan toleransi Rasulullah sahaja sebagai rahmat sedangkan ketegasan Rasulullah terhadap seluruh manusia sama ada Muslim atau *non-Muslim* juga adalah rahmat kepada kita semua.

Seperti yang dinyatakan dalam konsep-konsep asas *rahmatan lil alamin*, rahmah adalah prinsip yang diutamakan, pembangunan dan penguatan akidah dan syarak. Sekiranya tindakan yang dirancang boleh mengakibatkan kemaksiatan berleluasa bahkan tidak memelihara asas *maqasid* iaitu menjaga akidah, jiwa dan maruah kemanusiaan, maka tindakan tersebut seharusnya diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin menyentuh perbahasan yang berlaku pada lewat semalam di Dewan yang mulia ini sewaktu Yang Berhormat Tanjong Karang sedang berucap dan Yang Berhormat Jelutong telah bangun mengganggu Dewan dan menuduh dengan menyatakan UMNO menjadi kuda tunggangan PAS dan PAS menjadi kuda tunggangan UMNO.

Saya tidak pasti mana yang betul yang ingin dikatakan oleh Yang Berhormat Jelutong. Siapa yang menjadi kuda tunggangan? Saya tegaskan di sini PAS dan UMNO tidak menjadi kuda tunggangan mana-mana pihak. [*Tepuk*] Akan tetapi PAS dan UMNO adalah dua ekor kuda yang gagah, yang sedang seiring berlari laju menuju ke garisan penamat untuk mengalahkan kuda-kuda Pakatan Harapan yang sakit dan tempang yang akan tersungkur kalah dalam PRU Kelima Belas nanti, *insya-Allah* dengan izin Allah.

Menjawab tohmahan daripada Yang Berhormat Jelutong yang ditegaskan sekian lama bahawa PAS konsisten menentang segala bentuk penyelewengan dan rasuah tanpa mengira sesiapa pun yang melakukannya sama ada kawan ataupun lawan. PAS tidak pernah menghalang pihak berkuasa atau menolak sebarang dakwaan di mahkamah untuk mengadili dan menghukum pihak yang dituduh merompak duit rakyat ataupun melakukan penyelewengan.

Berkali-kali PAS menegaskan isu 1MDB, isu terowong dasar laut, isu Forex Bank Negara dan tuduhan RM90 juta dan segala macam isu yang lain, adililah segala-galanya di mahkamah yang adil dan saksama. Jika ia ada bukti, maka berilah mahkamah melaksanakan tugas mereka.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Sik. Apa pandangan Yang Berhormat Sik pada tahun lepas di dalam satu jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak salah saya TPM berhubung dengan kesalahan rasuah di kalangan kepimpinan politik. Jadi dijawab dengan statistik tentang penglibatan ahli-ahli politik di dalam kes rasuah yang disabitkan yang mana PAS adalah satu-satunya parti yang tidak ada seorang pun pemimpin politiknya yang disabitkan dengan rasuah.

Di dalam Dewan yang mulia ini, cuba ditempelkan seolah-olah PAS yang terlibat dengan rasuah. Tidakkah pelik macam itu?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Ya, sudah pasti. Saya ingin menyatakan jangan kita melihat kesalahan itu hanya pada orang lain tetapi diam membisu apabila kesalahan terpalit kepada diri sendiri. [*Tepuk*]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah Yang Berhormat Sik.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Minta laluan Yang Berhormat Sik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar mohon mencelah. Kangar dahulu ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Kangar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Baru-baru ini saya mendengar daripada ucapan Yang Berhormat Ketereh yang mendakwa DAP terlibat dalam rusuhan 13 Mei 1969. Jadi saya sekarang sedang merujuk laman web rasmi PAS dalam sejarah Parti Islam Se-Malaysia di mana dalam satu perenggan ditulis di sini, "*dalam masa yang sama UMNO mencanangkan isu-isu perkauman yang akhirnya membawa kepada beberapa siri perbalahan kaum di Pulau Pinang, Perak dan Singapura antara tahun 1964 hingga tahun 1969.*" Boleh Yang Berhormat Sik jelaskan?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sejarah Peristiwa 13 Mei itu biar sejarah yang mencatatnya dan kita tidak dapat mengubahnya pada hari ini. Pastinya, ketika Peristiwa 13 Mei, tidak ada seorang pun orang Cina yang dcederakan di Kelantan yang ketika itu diperintah oleh Perikatan dan orang-orang Melayu di sana. Sudah pasti ketika itu PAS memerintah Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta sedikit lagi Yang Berhormat Sik. Soalan yang saya tanya tadi sebenarnya, adakah Yang Berhormat Sik setuju dengan kenyataan di laman web rasmi PAS ini bahawa UMNO yang mencetuskan rusuhan 13 Mei 1969.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya katakan tadi, biar sejarah yang mencatat perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Sik, saya ada satu pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Tuan Yang Terutama Tan Chuan-Jin, Speaker Parlimen Singapura dan delegasi seramai sembilan orang anggota.

Kepada Tuan Yang Terutama Tan Chuan-Jin dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tan Chuan-Jin dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Singapura yang telah sedia ada terjalin erat.

Honourable members, it is with great pleasure, I would like to inform that together with us in the August House is the Delegation from Singapore headed by H.E Mr. Tan Chuan-Jin, Speaker of the Parliament of Singapore.

To H.E. Mr. Tan Chuan-Jin and the delegation, we welcome your visit to the House. We hope that the visit by H.E. Mr. Tan Chuan-Jin and the delegation will further strengthen ties and relations between Malaysia and Singapore. Thank you.

Minta Yang Berhormat Sik teruskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sik, boleh mencelah sedikit?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sedikit lagi. Saya bagi. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan persoalan kehidupan masyarakat luar bandar khususnya masyarakat marhaen daripada penoreh getah, pekebun kecil, pesawah dan nelayan. Dalam menelusuri pahit getir kehidupan kelompok masyarakat ini, kita semua bersetuju bahawa merekalah kelompok yang paling terkesan di ketika kita sedang mencongak hal ehwal ekonomi negara yang tidak menentu pada hari ini.

Bajet 2019 yang mencatatkan pengurangan besar peruntukan tiga kementerian yang berkait rapat dengan masyarakat ini iaitu Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Industri Utama dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dalam isu penoreh getah dan pekebun kecil, langkah kerajaan melaksanakan Program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) nampaknya tidak memberi impak yang terkesan untuk meningkatkan pendapatan penoreh getah. Pengaktifan harga lantai IPG iaitu RM2.50 sekilo nampaknya tidak dirasakan sepenuhnya oleh penoreh getah dan pekebun kecil.

Halangan atau cabaran dalam melaksanakan IPG nampaknya masih belum ada jalan penyelesaiannya. Pihak Kementerian Industri Utama sendiri menyenaraikan masalah IPG iaitu di antaranya adalah:-

- (i) kadar tuntutan IPG yang masih rendah;

- (ii) penoreh tidak tahu mengenai pengaktifan IPG;
- (iii) penoreh melakukan kesilapan dalam membuat tuntutan; dan
- (iv) begitu juga pusat tuntutan IPG yang sangat jauh kedudukan mereka dengan tempat mereka menoreh getah.

Bayangkan saya di daerah Sik. Mereka terpaksa pergi ke Sungai Petani yang jaraknya lebih kurang 90 kilometer untuk pergi membuat tuntutan IPG ini. Justeru, maka di sini saya mencadangkan mekanisme tuntutan pengaktifan harga lantai IPG iaitu RM2.50 sekilo disusun semula dan diubah iaitu setiap penoreh getah boleh terus langsung menjual harga getah mereka kepada pembeli getah dengan harga RM2.50.

■1250

Tanggungjawab untuk membuat tuntutan lantai pengaktifan IPG ini dibuat langsung oleh para pengilang kepada pihak kerajaan dengan syarat dan kawalan yang diperincikan oleh pihak kerajaan sendiri. Langkah ini akan meningkatkan impak yang baik untuk penoreh getah dan objektif IPG dapat ditingkatkan dengan sebaiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin membuat satu pengumuman di sini bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang sebenarnya telah diputuskan pada pagi tadi. Berdasarkan kepada yang telah diputuskan, Tuan Yang di-Pertua telah pun memerintahkan untuk Yang Berhormat Tanjong Karang tidak berada dalam Majlis Mesyuarat ini selama tiga hari iaitu 19 Mac sehingga 21 Mac 2019. Saya dimaklumkan begitu. Jadi saya harap...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pembelaan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tanjong Karang perlu membela dirinya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak tahu. Boleh kah sesuatu hukuman itu dijatuhkan tanpa kehadiran saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh. Itu kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kes ini kes bila? Semalam waktu saya berdepan dengan Timbalan Yang di-Pertua, semalam patutnya dia suruh saya keluar. Gantung semalam. Ini semalam punya kes, hari ini baru gantung.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini dasar apa ini?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini satu tindakan yang memalukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya boleh terima hukuman tetapi kena adil hukuman ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Minta Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ada delegasi luar negara.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya lebih baik. Ini lebih suka.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Jangan memalukan. Jangan memalukan Dewan.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua kena adil. Bagi saya cakap. Biarlah Speaker dari Singapura— saya hendak tanya Speaker dari Singapura.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pernah kah Speaker Singapura menggantung Ahli Parlimennya tanpa kehadiran orang yang dituduh? *[Tepuk]*
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Peraturan mesyuarat. Saya rujuk kepada peraturan mesyuarat.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan komunis lah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua kena adil. Jangan tidak adil.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Saya minta...

[Dewan riuh] [Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai. Minta, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hormat Dewan. Kita minta hormat Dewan. Sebab dia merujuk kepada peraturan mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Maruah Dewan, kita tengok peraturan mesyuarat. Sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99 yang mengatakan bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua peraturan mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad. *[Tepuk]*

Jadi saya mohon petua daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, ada pada sesi yang sudah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini dewan komunis kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Saya ingin memaklumkan bahawa Ahli Parlimen Gelang Patah pada ketika itu telah dihalau keluar tetapi beliau tetap datang ke Dewan. Sampai akhir dia tidak keluar daripada Dewan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekarang saya mengesyorkan Yang Berhormat Tanjong Karang jangan keluar juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang, sekejap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang saya bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya bagi peluang Yang Berhormat Tanjong Karang bercakap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi peluang saya cakap. Ini bagus wakil dari Singapura ada. Speakernya ada. Inilah contoh Malaysia baharu. Pakatan Harapan membuat keputusan cakap *rule of law*. Kalau Dewan yang mulia ini yang membuat undang-undang tidak menghormati *rule of law*, apakah *expect* kita orang di luar sana? Di mana *rule of law* dengan menjatuhkan hukuman tanpa memberi peluang kepada saya membela diri? Di mana *rule of law* nya? Mengapa? Mana *natural justice* nya? Lebih-lebih lagi kes ini ialah *conflict of interest*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini *rule of the jungle*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *Conflict of interest*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya buat keputusan minta Bentara jalankan tugas.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baik. Saya hendak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Bentara jalankan tugas.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ikut dulu peraturan. Ikut dulu peraturan. Kita boleh rujuk kepada...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta keluar dulu. Minta keluar dulu.

[Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita boleh rujuk kemudian kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya minta Bentara jalankan tugas. Baik, terima kasih.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi peluang dia bela diri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjong Karang, ini *part of rule of law*. Ini *judgement in default*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Law apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebahagian daripada undang-undang dan peraturan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Bila kamu tidak pergi mahkamah, kamu tidak hadir mahkamah... [Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dulu. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dulu. Saya dengar daripada Yang Berhormat Ketereh sekejap.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Karang kena keluarlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kawan-kawan kita di sebelah sana termasuk Tuan Yang di-Pertua baru dalam Dewan. Saya hormat...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kuala Krau orang lama. Kalau Yang Berhormat Kuala Krau sudah buat keputusan, boleh tidak orang duduk di sini?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dengar! Dengar saya cakap dulu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sudah buat keputusan halau orang...
[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya telah buat keputusan, ikut peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gelang Patah, tanya Yang Berhormat Menteri KPKT. Yang Berhormat Ampang ada dalam ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Itu dulu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tanya Menteri KPKT. Kita gantung dia, dia tak nak keluar.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, masa itu tidak ada orang berani hendak halau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dia datang beberapa hari dalam Dewan. [Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Baik. Tidak apa.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini contoh yang dilakukan oleh orang sebelah sana. Kita ikut *precedent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Baik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Baik. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bertenang. Ahli-ahli Yang Berhormat, semua minta duduk. Yang Berhormat Kuala Krau duduk.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat hormati Dewan, sila duduk. Sila duduk.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Baik. Baik. Yang Berhormat Kuala Krau duduk dulu. Saya faham apa yang berlaku sebelum ini. Pernah ada sejarah. Demi menghormati Dewan, saya benarkan untuk duduk sampai *break time* pukul 1. Sila. Baik.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Keputusan telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Mana boleh benarkan dia duduk dalam Dewan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Kota Melaka tidak minta izin bercakap. Terus bangun macam itu.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Karang kena keluar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Tanjong Karang kena keluar.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sebab dia dihalau bukan sesi ini, tapi pagi tadi sudah dihalau.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kuala Krau, sila duduk. Sila duduk.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa. Sila duduk. Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Come on* lah, Yang Berhormat Kota Melaka! *Where is your nature of justice?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Barua ini, Yang Berhormat Kota Melaka ini!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Apa lah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa ini Yang Berhormat Kinabatangan?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Apa barua, barua ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik kenyataan barua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tarik balik lah. Keluar lah. *You* keluar sama Yang Berhormat Tanjong Karang.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sungguh memalukan. Ada delegasi dari Singapura.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Memang malu!

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam telah tepat pukul 1. Saya tangguhkan mesyuarat. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sebelum majlis Mesyuarat ditangguhkan tadi, ada sedikit kekecohan berlaku bersabit dengan *ruling* Tuan Yang di-Pertua yang dibuat pagi tadi. Saya difahamkan bantahan dibangkitkan oleh pihak pembangkang atas alasan bahawa tidak diberikan hak untuk membela diri. Adakah itu asasnya? Baik, saya berikan hak untuk membela diri.

2.32 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana. Lebih adil, terima kasih. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak tanya. Yang pertama, di bawah peraturan berapa yang saya digantung selama tiga hari?

Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, untuk menggantung seseorang ahli, ianya akan menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 tetapi tadi saya dengar, saya tengok balik dalam video, Tuan Yang di-Pertua menggantung saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 43 dan Peraturan Mesyuarat 44. Kalau pada tafsiran saya, Peraturan Mesyuarat 43 ini tak ada kaitan. Ini kalau ada kekecohan yang berlaku di dalam Dewan, maka Tuan Yang di-Pertua buat keputusan dan keputusan Tuan Yang di-Pertua ialah muktamad.

Akan tetapi untuk menggantung seseorang ahli ialah menggunakan Peraturan Mesyuarat 44. Di bawah Peraturan Mesyuarat 44 ini kena baca, ada dua. Satu, kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat 44(1) dan (2), dia ada kaitan di mana seseorang ahli boleh digantung apabila berdegil-degil, tidak mahu dengar cakap Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua suruh duduk, saya tak mahu duduk. Saya lawan cakap Tuan Yang di-Pertua. Contohnya petang semalam, bila saya *argue* dengan Timbalan Yang di-Pertua. Pada masa itu, dia boleh gunakan Peraturan Mesyuarat 44(1) dan (2) *on the spot* dan saya boleh terima pada ketika itu sebab saya ingkar arahan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi peristiwa itu berlaku semalam. Mengapa hari ini dijatuhkan hukuman kepada saya? Kalau nak jatuh hukuman kepada saya pun boleh tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat 44(3). Peraturan Mesyuarat 44(3) ini kalau nak jatuhkan hukuman kepada saya berkaitan peristiwa semalam, dia kena bawa usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri.

Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, bagaimana seorang Timbalan Yang di-Pertua menjatuhkan hukuman tidak mengikut peraturan-peraturan mesyuarat? Ini yang saya hendak jelaskan. Itu yang pertama. Isu dia, apa kesnya?

Saya semalam hanya hendak dapatkan kepastian benar ataupun tidak bahawa Timbalan Yang di-Pertua yang merupakan Ahli Parlimen Teluk Intan telah membuat satu kenyataan yang mengatakan gabungan PAS dengan UMNO ini akan mewujudkan satu pentadbiran kerajaan ala Taliban. Itu soalan saya, *very simple*. Sebelum saya bangkitkan soalan ini, memang pada tarikh sebelum ini iaitu pada 13 Mac, sewaktu Yang Berhormat Jelutong sedang menyampaikan ucapan, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak dan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau dengan rakan-rakan di sebelah sini, pada masa itu, Timbalan Yang di-Pertua dari Teluk Intan tidak menjawab.

Apa jawapan dia? Jawapan dia, kalau kita kata bila Yang Berhormat Pasir Salak kata ada keluar surat khabar, kita bacalah. Ada baca? Timbalan Yang di-Pertua cakap surat khabar? Dan dia tidak mengatakan ya ataupun tidak malah dia jawab apa? Dia kata; "*Biar saya jelaskan, biar saya jelaskan. Saya tadi katakan apabila jubah atas bahu saya, saya Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi jika hendak tuduh Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berdebat di luar apabila saya tidak pakai jubah ini.*" Dia tak jawab soalan.

Sebab itu bila saya bangkit, dia suruh saya baca *Hansard*. Saya baca *Hansard* ini. Sebab itu semalam bila saya bangkit, saya tanya soalan yang sama. Benar ataupun tidak, kerana saya melihat di dalam laporan akhbar ini yang jelas mengatakan usaha Kor Ming takutkan rakyat terhadap penyatuan PAS yang dipetik oleh *MalaysiaGazette* yang menjadi sumber beritanya, akhbar *Kwong Wah Yit Poh* timbul.

Kemudian pada dua hari lepas kalau tak silap saya, pemimpin DAP sokong perbandingan UMNO dan PAS dengan Taliban. Ini kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jen yang tak silap saya juga Timbalan Menteri. Dia mengatakan "*Setuju, saya bersetuju*", pada tahap tertentu dan di sini diulas lagi bahawa pada 9 Mac 2019 yang lalu, akbar *Sin Chew Daily* memetik Nga yang membuat perbandingan antara PAS dan UMNO dengan Taliban, surat khabar *Sin Chew Daily*.

Jadi soalan saya semalam, kalaulah kata bahawa Yang Berhormat Teluk Intan ataupun— Teluk Intanlah senang cakap. Yang Berhormat Teluk Intan tidak membuat kenyataan tersebut, saya kata, sebagai peguam, mengapa tak mahu saman? Samanlah! Ambil tindakan undang-undang kepada surat khabar yang melaporkan perkara yang tak betul.

Kalau perkara ini betul, apa salahnya mengaku sahaja, saya cakap tetapi saya pada masa itu bercakap sebagai Ahli Parlimen Teluk Intan bukan sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Cukup, kita faham. Kita juga boleh memahami peranan sebagai Ahli Parlimen. Kita pun tahu bahawa Timbalan Yang di-Pertua ini juga ADUN di negeri Perak. Saya tengok, bila dia sebagai ADUN dalam negeri Perak, sebagai ADUN biasa, *backbencher* di negeri Perak, dia pun bercakap lebih teruk daripada kami ini di kawasan *backbencher*.

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita harus tumpukan kepada isu yang di depan Majlis Mesyuarat. Isunya ialah tentang sama ada Peraturan Majlis Mesyuarat telah tidak dipatuhi atau lebih khusus lagi, sama ada kuasa Tuan Yang di-Pertua Majlis di kala itu iaitu Timbalan Yang di-Pertua dicabar. Adakah Yang Berhormat sekarang menghujahkan bahawa kuasa ini tidak dicabar? Sebagai Tuan Yang di-Pertua, dia menduduki kerusi ini sebagai Tuan Yang di-Pertua. Apa yang berlaku di luar sebenarnya tidak berkaitan dengan apa yang kita perlu putuskan sekarang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya faham sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hanya semalam hendak tanya betul ataupun tidak kenyataan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hanya hendak tahu, saya telah mendapat *Hansard*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau katalah semalam...

Tuan Yang di-Pertua: Maaf saya, saya telah mendapat *Hansard* dan *Hansard* ini mengandungi apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat. Saya petik di sini kalau boleh. "*Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat jawablah! Yang Berhormat takut menghadapi kenyataan. Tidak layak jadi Timbalan Speaker lah! Kalau Yang Berhormat cakap di luar lain, di dalam lain. Macam mana Yang Berhormat jadi Timbalan*

Speaker? Kemudian, memalukan Dewanlah Yang Berhormat. Memalukan jubah dan songkok Yang Berhormat, pakailah! Mengaku lah!” Adakah Yang Berhormat menafikan?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tidak menafikan. Memang itu saya cakap. Kalau...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Itu yang dia silap cakap itu. Itu yang kita tumpukan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah memberi kesempatan untuk membela diri. Saya telah membaca *Hansard*. Saya ingin tekankan sekali lagi, terangkan sekali lagi apa yang berlaku di luar, berlaku di luar. Itu politik. Apa yang berlaku dalam Dewan adalah sesuatu yang seorang Speaker harus mengamati dan sekarang saya menjadi Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi Majlis ini dan saya dapati apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat adalah jelas ya, *challenge* iaitu mencabar kedudukan seorang Speaker. Ini menyalahi peraturan mesyuarat.

Jadi, saya akan kekalkan *ruling* yang dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua. [*Tepuk*] Itu yang *final*. Tidak! Saya tidak akan mendengar apa-apa lagi. Ini *ruling*.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Baik, soalnya Tuan Yang di-Pertua, mengapa semalam dia tidak buat keputusan. Soalan saya ialah apabila Tuan Yang di-Pertua, *nobody above the law, whatever* peraturan Tuan Yang di-Pertua pun, bila-bila hendak buat keputusan, *nobody above the law* Tuan Yang di-Pertua. Kita bila buat peraturan kena mengikut peraturan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat untuk membela diri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturannya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pun mencukupi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Di bawah peraturan berapa? Saya digantung bawah peraturan berapa? Itu yang saya hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan sudah pun dibaca oleh Yang Berhormat sendiri, 44(2).

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan 44(2) waktu saya tengah berdebat dengan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Dan 44(1).

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu waktu saya berdebat dengan dia. Kalau semalam dia gantung saya, saya boleh terima. Ini soalnya, dua berbeza. Hendak gantung ini Tuan Yang di-Pertua, dua berbeza. Saya tak nak *argue* dengan yang arif.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah apa-apa dalam peraturan mesyuarat menyatakan bahawa keputusan tidak boleh dibuat sesudah itu?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Memang ada, kalau boleh, boleh. Akan tetapi kena 44(3). Kena bawa satu usul, 44(3) boleh. Akan tetapi kena bawa usul. Bukannya terus buat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan 44(3) berbunyi, “*Sekiranya kuasa di bawah 44(1) dan 44(2) dianggap sebagai tidak memadai, maka Tuan Yang di-Pertua boleh menyebut nama seseorang dan selepas itu usul boleh dibawa oleh seorang Menteri dan tindakan yang akan diambil mungkin lebih berat.*” Itu 44(3). Jadi saya kekalkan *ruling* ya, saya kekalkan *ruling*.

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu kita...

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Izinkan saya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, boleh...

Tuan Yang di-Pertua: *Ruling* yang dibuat pagi tadi adalah muktamad.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita jangan menghabiskan masa. Ramai lagi Yang Berhormat hendak berbahas. [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan dengar lagi. Sudah! Ini *ruling final, final*.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Final, final!* Jadi, bentara sila jalankan tugas.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 26(1) Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan mendengar lagi, bentara jalankan tugas.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah saya beri kesempatan yang penuh ya kepada semua pihak.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh saya buat cadangan Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh saya buat cadangan. Saya hendak cadang pagi tadi lagi tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua: *Ruling* muktamad. Kita tidak boleh...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cadangan saja. Cadangan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cadangan kompromi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, kena layan peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, tidak boleh. [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak beri cadangan...

Seorang Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan itu akan saya dengar. Mungkin selepas ini.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi *ruling* Tuan Yang di-Pertua mesti dijalankan. Kalau tidak, kewibawaan Majlis ini akan dicabar. [*Dewan riuh*] Tiap kali dicabar, tiap kali dicabar! Bentara, sila teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi cadangan bawah Perkara 43, 44 Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bagi cadangan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah mendengar dengan panjang lebar. Apa lagi yang hendak didengar?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kita hendak beri...

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak berbahas ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu minit saja.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sudahlah!

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya minta satu minit saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak, tidak. Sudah memadai ya, sudah memadai.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Keputusan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua: Keputusan adalah muktamad.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh berbincang selepas ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua kekalkan itu pun... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi untuk sementara waktu bentara sila menjalankan tugas.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, beri saya satu minit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Habis! Mesti ada sesuatu yang muktamad. Kalau tidak nanti dicabar.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Bawah 43, nanti akan dibawa usul, tidak selesai juga. [*Dewan riuh*] Tidak selesai juga. Saya hendak bagi cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya hendak bagi cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, tidak payah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini Tuan Yang di-Pertua punya keputusan, tidak perlu peraturan mesyuarat... [Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah dengar peraturan mesyuarat di sebelah kiri, di sebelah kanan, di sebelah tengah. Saya telah membuat keputusan, *ruling* yang dibuat oleh Timbalan Yang di-Pertua pagi tadi adalah muktamad. Kesempatan telah saya berikan untuk membela diri sudah pun diberikan dan saya putuskan sekarang. Keputusan tadi adalah hendaklah terpakai dan muktamad.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Tuan Yang di-Pertua. Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu banyak peraturan mesyuarat yang menjadikan *ruling* Tuan Yang di-Pertua tidak muktamad. Bentara, sila jalankan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cadangan. Satu cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan, baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Cadangan, cadangan. Yang Berhormat sebelum... [Dewan riuh] Boleh tidak diam?

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, hanya satu cadangan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Satu cadangan. Yang Berhormat, sebelum seseorang Ahli diminta keluar dan sebagainya biasanya dia diberi ruang sama ada untuk... [Dewan riuh]

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Kita mendengar, kita mendengar ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sama ada diberi ruang untuk menarik balik perkataan yang dikeluarkan atau tidak. [Dewan riuh] Sekarang tidak ada. Pagi tadi tidak ada, petang ini tidak ada. Kalau boleh mungkin Yang Berhormat menggunakan budi bicara untuk memberi ruang supaya diberi pilihan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang sama ada menarik balik atau tidak kenyataan dia.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terlambat sebab itu saya sudah baca *Hansard*. Berkali-kali dicabar kedudukan Tuan Yang di-Pertua. Saya beri kesempatan untuk membela diri, tidak disebut pun saya akan tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, semalam saya tidak, semalam baca betul-betul *Hansard*. Semalam saya tidak diminta. [Dewan riuh] Semalam saya tidak diminta untuk menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara, sila jalankan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Be a man* lah. *Be a gentleman* Yang Berhormat Tanjong Karang. Keluar sahajalah!

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau dia tarik pun dia tidak ikhlas. [Dewan riuh] Dah kena hukum baru hendak tarik balik. Apa guna?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, semalam baca *Hansard* tak?

Tuan Yang di-Pertua: Bentara.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sudah kena hukum, baru hendak tarik balik!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia kalau...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sudahlah, muktamad.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat Bera cakap, kalau kita lawan Tuan Yang di-Pertua, dengarlah.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, *be a gentleman...*
[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya menggunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan 44(6) untuk menangguhkan Majlis ini selama 15 minit.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 2.48 petang]

■1500

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.06 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

3.06 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kita teruskan dengan perbahasan untuk hari ini. Memandangkan senarai masih panjang, saya bercadang untuk mengehendkan masa perbahasan kepada 15 minit setiap pembahas. Kalau tidak, tidak habis. Sekarang mengikut senarai saya ingin menjemput— Oh! Yang Berhormat Sik tidak habis lagi, ada 6 minit lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Saya sambung lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Sik.

3.08 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih untuk Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya dengan satu pantun;

Dari Sik pergi ke Pendang,

Hajat di hati hendak pergi makan nasi kandaq di Pulau Pinang,

Marilah kita bertenang-tenang,

Rakyat juga akan bersenang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbahasan berkaitan masalah yang sedang dihadapi di luar sana khususnya yang melibatkan para nelayan dan mereka ini sedang bertungkus-lumus untuk membangunkan negara. Merekalah yang telah mencurahkan segala kudrat mereka untuk menyampaikan rezeki melalui rezeki daripada laut dan sudah pastilah sumber perikanan kita di Malaysia kini di ambang kemerosotan yang sangat teruk.

Kebimbangan terhadap kemerosotan sumber perikanan tersebut berlaku apabila kita dapat melihat kemusnahan besar terhadap ekosistem marin dan juga kekurangan spesies-spesies ikan tertentu yang semakin sukar didapati. Hasil kajian menunjukkan penurunan populasi dan spesies yang terancam adalah spesies ikan yang mempunyai nilai komersil yang tinggi di pasaran.

Dalam Dasar Agromakanan Negara 2011 hingga 2020, menyasarkan 50 peratus daripada sumber perikanan negara adalah daripada akuakultur dan hanya 50 peratus adalah dari tangkapan liar ataupun marin. Akuakultur amat bergantung kepada ikan baja sebagai ramuan utama makanan ikan.

Di samping itu Dasar Agromakanan Negara perlu dikaji semula kerana saya percaya industri akuakultur merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada yang merosakkan sumber perikanan dan ditambah lagi dengan ancaman pukut tunda. Dasar ini telah menggalakkan kawasan hutan paya bakau, pinggir pantai dan kawasan sungai dimusnahkan untuk membangunkan akuakultur.

■1510

Kajian menunjukkan 70 peratus daripada sumber marin menggunakan hutan paya bakau sebagai sumber nurseri dan tempat pembiakan. Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu projek yang dinamakan projek Penambakan Pulau Pinang Selatan yang dijangka mendatangkan kesan negatif yang melibatkan kerja-kerja penebusgunaan tanah dan pengorekan pasir bagi kerja pembinaan tiga pulau buatan di Pulau Pinang.

Projek *super mega* yang akan turut dibangunkan bersama kediaman mewah dan jajaran rangkaian sistem pengangkutan bila lebih mesra golongan korporat berbanding kepentingan rakyat kebanyakan di pulau tersebut. Melibatkan keluasan 4,500 ekar dengan jangka masa tebus guna selama 15 tahun serta penggunaan 1,089,000 meter padu tanah dan pasir. Maaf, 189,100,000 meter padu tanah dan pasir, selain pelupusan dan pembuangan 6,900,000 meter padu sisa korekan.

Menurut Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia, projek PSR tersebut akan mengancam 6,516 nelayan dengan lebih 26,000 isi rumah yang merupakan penduduk di pulau ini dan Daerah Kerian, Perak. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan persoalan isu antarabangsa yang juga penting untuk...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sik, boleh mencelah?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bukan hanya nelayan di tempat yang Yang Berhormat Sik sebut itu, tetapi juga nelayan di kawasan muara Sungai Kim Kim di Pasir Gudang kemungkinan akan terjejas pendapatan mereka kerana kemungkinan sisa-sisa toksik akan mengganggu pemeliharaan ikan dan kehidupan ikan di muara sungai dan sekitar pantai Pasir Gudang itu. Pada pandangan saya, semua pihak yang terlibat dalam mangsa dan bencana toksik Sungai Kim Kim ini patut diberi pampasan. Apa pandangan Yang Berhormat Sik?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, saya bersetuju dan masukkan sebagai ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, dalam isu antarabangsa pertama saya ingin menyentuh persoalan dan isu yang sudah sekian lama menjadi barah masyarakat dunia iaitu pencerobohan dan penindasan rejim Israel ke atas Palestin. Krisis ini semakin parah apabila kedegilan Amerika Syarikat mengubah pejabat kedutaannya di Baitulmaqdis Timur untuk terus memberi sokongan kepada pencerobohan Israel. Di peringkat Malaysia, khususnya di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan agar untuk segera kita menubuhkan kokus Parlimen untuk Palestin dan kokus ini adalah manifestasi komitmen kita bersama untuk berganding bahu dengan seluruh masyarakat antarabangsa bagi membebaskan bumi Palestin. Walaupun kita sudah ketinggalan berbanding dengan Parlimen Indonesia, jiran kita mereka telah mewujudkan kokus Parlimen untuk Palestin ini sejak tahun 2006 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya persoalan yang juga sekian lama telah menjadi barah di peringkat ASEAN iaitu isu umat Islam Rohingya yang masih belum selesai. Di pihak Kementerian Luar Negeri seharusnya lebih aktif, khususnya kita ingin bersama melihat proses *repatriasi* ataupun proses untuk memulangkan ataupun kembalinya pelarian Rohingya di Bangladesh diuruskan dengan sebaiknya oleh agensi-agensinya antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Ketiga, isu antarabangsa ini iaitu ialah berkaitan konflik di Yaman yang telah berlarutan sejak 2015 yang lalu. Krisis ini adalah yang sangat parah sehingga ia telah mengorbankan lebih 60,000 rakyat di negara Yaman itu dan telah menyebabkan lebih tujuh juta rakyatnya menghadapi keadaan yang sangat sukar termasuklah tiga juta yang menjadi pelarian di kem-kem termasuk ketika mana saya sendiri telah pergi melawat di kem-kem pelarian ini pada awal Mac yang lalu.

Ribuan kanak-kanak yang telah terkorban kerana kebuluran dan sebahagian mereka tidak dapat pergi ke sekolah akibat pertelingkahan yang berlaku dan menyebabkan Yaman sangat tidak selamat untuk diduduki. Kita mencadangkan supaya Malaysia menjadi pihak ataupun negara yang menganjurkan dialog perdamaian di antara pihak-pihak yang bertelagah daripada negara Arab Saudi, Iran termasuk puak pemberontak yang berada di negara Yaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua yang terakhir, saya ingin membangkitkan soal pembangunan di daerah Sik yang saya wakili. Pertama, saya ingin meminta supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melihat isu ataupun keadaan rumah-rumah penduduk yang daif dan projek-projek membaiki rumah ini sangat diperlukan untuk disegerakan khususnya ketika mana saya telah membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini. Lebih 90 buah rumah penduduk di satu Kampung Bandar Beris Jaya yang perlu diperbaiki selepas mereka mengalami bencana ribut pada tahun lepas.

Kedua, isu pembinaan MRSM Ulul Albab di Daerah Sik perlu dilihat untuk dilaksanakan segera tanpa ditangguh lagi. Begitu jugalah saya membangkitkan soal Hospital Daerah Sik yang sudah sekian lama tidak diangkat ataupun diperbesarkan dalam konteks jumlah pesakit yang semakin meningkat, termasuklah wad-wad yang ada dan juga mesin hemodialisis yang perlu ditambah untuk memberi sokongan perubatan kepada pesakit-pesakit buah pinggang di sana.

Terakhir, begitu juga untuk pihak kerajaan melihat tanah-tanah yang terbiar yang ditinggalkan ataupun tanah-tanah yang tidak diusahakan untuk dibangunkan menjadi kawasan pertanian yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat Sik sana. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sik. [*Tepuk*] Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang. Silakan.

3.17 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga ingin mewakili rakyat Pengerang dengan merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pemasyhuran sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-16. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan membawa tiga perkara dalam masa 15 minit ini.

Pertama sekali, berkenaan dengan Akta Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan undang-undang ini sama ada adakah kerajaan bercadang untuk menambah mahkamah yang telah dijanjikan oleh kerajaan yang lepas daripada dua kepada 10. Ini juga mengambil kira kepakaran hakim-hakim dan juga pendakwa di dalam hal ehwal isu jenayah seksual kanak-kanak supaya kepakaran ini sebagai satu SOP diberikan kepada mahkamah dan juga pendakwa dan hakim supaya kanak-kanak yang berhadapan dengan kes jenayah seksual tidak melalui sistem proses keadilan yang sama di mahkamah jenayah yang lain yang memakan masa dan juga *sensitivity*, dengan izin terhadap kanak-kanak sebagai mangsa ini dapat diberikan kepada keutamaan.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, sama ada kerajaan berminat ataupun tidak berminat untuk membuat pindaan-pindaan kepada akta ini dalam beberapa perkara. Pertama sekali dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan *victim* ataupun *witness support system services*. Kedua, mewujudkan dengan izin, *compensation for child victims* dan ketiga mewujudkan satu pendekatan yang mana dapat memberikan bantuan kepada kanak-kanak, terutama sekali mereka yang menjadi saksi. Kalau kita tengok dari segi pindaan yang perlu dibuat di bawah Akta Keterangan, dapat membantu kanak-kanak yang memberikan keterangan dalam mahkamah jenayah tersebut.

Point yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa berkenaan isu tentang antiberita tidak benar. Bila kerajaan telah mengambil alih kuasa, akta ini telah ditamatkan dan baru-baru ini saya agak terperanjat bila Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bahawa satu akta yang baharu akan digubal bagi menyekat penyebaran berita palsu malah menurut beliau juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan diberi kuasa sepenuhnya bagi memadam paparan di media sosial.

■1520

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah perkara ini secara tidak langsung satu *U-turn* oleh pihak kerajaan? Baru-baru ini kalau kita tengok keputusan

mahkamah dengan izin, *US Federal Abuse Courts* telah menyatakan secara keputusan mahkamah bahawa *Facebook* dengan izin ialah satu *public forum*, mana-mana pihak kerajaan tidak boleh membuang komen-komen yang diwujudkan oleh rakyat dan ini bertentangan dengan hak asasi rakyat iaitu di bawah *freedom of expression*.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan cuba untuk mengunci mulut rakyat? Jika benar-benar ini dinyatakan akan dilakukan, bagaimana pula MCMC dengan izin iaitu satu agensi kerajaan diberikan kuasa untuk membuat keputusan sama ada sesuatu berita itu benar ataupun tidak. Kalau kita tengok kepada Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang telah digugurkan oleh kerajaan, keputusan benar atau tidak diputuskan oleh mahkamah iaitu itu satu perkara yang mewujudkan satu proses keadilan di mana mereka yang terlibat boleh menimbulkan “ya” ataupun “tidak” melalui proses mahkamah.

Akan tetapi, kalau kuasa ini diberikan kepada agensi kerajaan iaitu MCMC dengan izin, saya takut bahawa kemungkinannya berlaku satu pendekatan yang berat sebelah. Di mana kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pihak untuk mengkritik kerajaan. Secara tidak langsung saya melihat ini sebagai satu pendekatan yang dengan izin melanggar kepada janji-janji yang dibuat oleh kerajaan selepas menang pilihan raya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak timbulkan tentang *Rome Statute, International Criminal Court (ICC)*. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini dan ada bersama saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar pada masa dahulu, Yang Berhormat Kepala Batas. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tidak benar bahawa Artikel 27 bawah *Rome Statute* memperuntukkan bahawa kekebalan imuniti atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang semasa menyandang jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang Mahkamah Jenayah Antarabangsa daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas orang sedemikian.

Penerimaan terhadap artikel ini merupakan salah satu aspek penting kerana ia menyentuh isu kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah Perkara 32(1), Perkara 181(2), Perkara 182 dan Perkara 183 dalam Perlembagaan Persekutuan. Di dalam hal ini, apa-apa pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan hak-hak istimewa dan kekebalan kepada kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu selaras dengan fasal 4, Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, adakah ini bermakna bahawa dalam penerimaan kerajaan kepada ICC ini...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Pengerang, minta pencelahan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya habiskan ini. Penerimaan kerajaan pada ICC ini, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah tidak kerajaan telah membentangkan cadangan ini kepada Mesyuarat Raja-raja untuk mendapat pandangan daripada Raja-raja Melayu. Silakan Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Satu isu yang tersangat penting. Seperti mana yang kita tahu dalam sistem negara kita, jawatan Yang di-Pertuan Agong itu digilir gantikan di antara Raja-raja Melayu. Ertinya posisi Yang di-Pertuan Agong menjejaskan juga kesemua Raja-raja Melayu. Ini bermakna dalam hal ini, Raja-raja Melayu ataupun Majlis Raja-raja berhak dan sepatutnya dirujuk.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pengerang, daripada sumber yang saya peroleh, berlaku suatu perkara yang sangat serius, di mana Yang Berhormat Menteri Luar mengeluarkan kenyataan akhbar menyatakan bahawasanya perkara itu telah disembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sedangkan hakikat sebenar daripada sumber yang kita peroleh, perkara itu telah tidak diperincikan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara ini adalah suatu perkara yang amat serius dan difahamkan hatta pihak Istana Negara tidak berpuas hati dengan kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan. Setujukah Yang Berhormat Pengerang supaya kita

meminta, supaya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri membuat penjelasan terhadap isu yang sangat sensitif ini.

Kedua Yang Berhormat Pengerang, seperti mana yang kita tahu apabila kita menandatangani *statute* seperti ini, kuasa kita berpindah kepada kuasa badan antarabangsa termasuk ICC. Apa juga jawapan yang diberikan oleh kerajaan pada hari ini yang mentafsirkan *provision* tertentu kononnya Yang di-Pertuan Agong tidak terlibat walaupun atas kapasitinya sebagai Panglima Angkatan Tentera tetapi setelah kita menandatangani kuasa mentafsirkan itu berada pada pihak di luar daripada negara kita dan menjadikan kita *vulnerable* kepada pentafsiran yang dibuat yang mungkin bercanggah dengan kepentingan dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepala Batas pohon...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Boleh Yang Berhormat Pengerang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh. Memang benar daripada tahun 1998 ketika mana ICC mula ditubuhkan, Malaysia adalah antara negara yang menyokong dan mendukung kepada usaha penubuhan ICC. Namun, kita tidak menjadi ataupun tidak menandatangani ataupun *exceeding* kepada *Rome Statute* kerana terdapat beberapa *provision* di dalam *Rome Statute* itu yang menyentuh hak dan *liability* ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bilamana ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Luar, sebab itu saya hendak tanya, apakah ketertiban, proses yang sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerang itu telah pun dipenuhi termasuk juga *deliberation* tentang hak-hak umpamanya yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ketereh tadi tentang soal ketua pemerintah tentera. Artikel 41, Perlembagaan Persekutuan, alasan yang digunakan bahawa Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh mengisytiharkan perang.

Akan tetapi kalau lihat dalam Perlembagaan, ia memperuntukkan yang boleh mengisytiharkan perang adalah Parlimen. Manakala soalnya ialah "siapa Parlimen"? Perkara 44, Perlembagaan jelas menyatakan bahawa Parlimen terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Maknanya terdapat tafsiran-tafsiran yang saya fikir perlu di-*deliberate* kerana ia membabitkan hak dan liabiliti Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan termasuk Artikel 38 tadi. Kalau benarlah ia tidak dilindungi dengan Majlis Raja-raja, bererti Majlis Raja-raja *has been deprived their constructional right* yang dijamin oleh Perlembagaan dalam Artikel 38. Pandangan daripada Yang Berhormat Pengerang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit Yang Berhormat Pengerang sambungan.

Tuan Yang di-Pertua: Kimanis mohon laluan. Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya difahamkan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Kimanis. Yang mana satu? Pontian atau Kimanis? Pontian, Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Bahawa ada negara yang telah menandatangani *Rome Statute* lebih 10 tahun seperti Peru dan Filipina tetapi mereka tarik balik tandatangan itu. Kemudian ada negara-negara seperti Brunei, Indonesia, Turki, Sudan Selatan, Kazakhstan, Pakistan, Arab Saudi, Iraq, Libya dan Qatar yang tidak pun menandatangani. Jadi saya ingin mengesyorkan jika tidak dibawa ke Majlis Raja-raja, maka eloklah Malaysia menarik balik apa yang telah ditandatangani, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kimanis.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat...

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Pengerang sedikit.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Ya, Yang Berhormat Kimanis, mantan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya pekerja asing yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memang tepat sekali. Sewaktu saya menjadi Menteri Luar Negeri dan kita mengadakan perbincangan yang terperinci termasuklah Peguam Negara dan beberapa ahli akademik dan kita dapati bahawa ia tidak sesuai dan tidak boleh diterima oleh negara kita.

Saya telah memaklumkan kepada Kabinet bahawa saya tidak akan terus berunding tentang isu ini oleh sebab fakta-fakta yang telah pun diutarakan dan ianya seharusnya tidak ditimbulkan lagi. Kita, apa yang terangkan kepada Kabinet ketika itu, bahawa kekhawatiran kita itu memang jelas dan kita haruslah mengubah undang-undang kita, *domestic law* dan lain-lainnya untuk disesuaikan supaya kita boleh *acceded to the Rome Statute*. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya hanya ada dua minit 38 saat. Saya ingin simpulkan bahawa kenyataan daripada Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Pontian dan terutama sekali Yang Berhormat Kimanis begitu tepat sekali.

Soalan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah di manakah keikhlasan kerajaan? Kalau betul-betul dilihat sebagai ICC sebagai sesuatu yang baik kepada negara, kenapa Majlis Raja-raja seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya, tidak diperbincangkan. Kenapa tidak diterangkan proses ini kepada Majlis Raja-raja.

■1530

Ini kerana sekarang ini seolah-olah, dengan izin, *is as if the government is sweeping it under the carpet*. Seolah-olah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini bahaya sebab kalau kita tengok Perlembagaan kita, kuasa Raja-raja diberi atas sebab-sebab tertentu.

Jadi berkenaan dengan isu kedua, banyak orang berkata bahawa kalau tidak boleh memasuki ICC, ini akan berlaku sesuatu yang tidak elok bagi reputasi negara. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat, China, Rusia langsung tidak berminat dengan ICC. Termasuk baru-baru ini, semalam. Negara Filipina keluar daripada ICC dan juga Singapura.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih boleh mempertimbangkan untuk membenarkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa melaksanakan bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan sekiranya ia berlaku di Malaysia walaupun tidak menjadi negara pihak. Maknanya masih boleh. Bidang kuasa itu masih boleh, Tuan Yang di-Pertua. Hal ini diperuntukkan dalam Artikel 12(3) Statut Rom. Bermakna, Malaysia boleh bersama ICC. Tidak semestinya Malaysia menjadi salah satu daripada negara-negara yang berpihak.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah memberikan penerangan kepada Dewan yang mulia ini, betul ataupun tidak Majlis Raja-raja telah diketepikan, betul ataupun tidak bahawa kuasa-kuasa yang wujud di bawah ICC ini seperti yang dikatakan oleh mantan Menteri, Yang Berhormat Kimanis, adalah sesuatu yang tidak digalakkan untuk berlaku dalam negara kita?

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya Pengerang menyokong kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya senaraikan pembahas yang akan berbahas selepas ini. Saya akan memanggil Yang Berhormat Batu Gajah, selepas itu Yang Berhormat Kapit, selepas itu Yang Berhormat Kimanis, selepas itu Yang Berhormat Pasir Salak, kemudian Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Tanah Merah. Silakan Yang Berhormat Batu Gajah.

3.32 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi ruangan kepada Batu Gajah untuk turut menjunjung kasih membahaskan Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama saya ialah mengenai SEDIC. SEDIC yang ditubuhkan pada tahun 2014 telah mengambil wajah baharu di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dengan nama MITRA. Tujuan penubuhannya adalah untuk membantu meningkatkan status sosioekonomi kaum India di negara ini.

Akan tetapi, SEDIC gagal dalam matlamatnya apabila memulangkan RM91.2 juta daripada RM290 juta yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat dari tempoh 2014 hingga 2017. Saya bertegas supaya MITRA tidak mengulangi apa yang telah dilakukan oleh SEDIC di bawah Barisan Nasional.

Bagi tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM100 juta untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diturunkan sejak bulan Januari 2019 sehingga sekarang? Di manakah wang peruntukan itu disalurkan?

Saya tidak pernah dirunding oleh pihak MITRA tentang rancangan pelaksanaan program-program sosioekonomi bagi tahun 2019. Saya tidak mahu perkara yang sama seperti apa yang berlaku pada tahun-tahun yang lepas berulang sekali lagi. Saya juga tidak tahu sama ada pemimpin-pemimpin India Ahli-ahli Parlimen yang lain dibawa ke meja perbincangan berhubungan dengan hal ini. Saya khuatir MITRA juga akan menjadi SEDIC 2.0 jika kuasa dipusatkan kepada mana-mana satu pihak tanpa semak dan imbang. Saya pernah bangkitkan isu-isu berkaitan dengan SEDIC dalam perbahasan-perbahasan dahulu di Dewan yang mulia ini. Saya akan terus menjadi *watchdog* untuk memastikan kaum India tidak dimangsakan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya telah minta Timbalan Menteri Pendidikan untuk menjawab soalan lisan saya berkaitan dengan beban guru. Saya perlukan jawapan yang lebih terperinci. Sejak beberapa tahun yang lepas, guru-guru telah dibebankan dengan kerja-kerja tambahan yang mungkin tidak produktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan menyedari beban atau tanggungan guru-guru dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan kerja guru-guru. Adakah langkah-langkah yang diambil telah berjaya?

Ramai di antara guru-guru masih merungut bahawa beban kerja masih tidak dikurangkan. Adakah pihak Kementerian Pendidikan telah turun padang memeriksa keadaan sebenar daripada tinjauan terus dengan guru-guru? Sejauh manakah polisi-polisi yang telah dilaksanakan itu memberi kesan positif yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan tahap motivasi guru-guru?

Kementerian harus melihat semua kerja-kerja tambahan termasuk aktiviti-aktiviti luaran seperti LADAP, mesyuarat waktu kerja, program-program hujung minggu, kerja-kerja perkeranian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga saya ialah berkaitan dengan kelas bercantum. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan konsep kelas bercantum iaitu satu kaedah yang pernah dilaksanakan pada tahun 70-an. Oleh kerana kaedah ini tidak efektif dan membawa kesan negatif, maka kaedah pengajaran ini telah dihentikan oleh Kementerian Pendidikan setelah beberapa tahun pelaksanaan. Akan tetapi, kaedah ini dibawa kembali kebelakangan ini dengan alasan menyelesaikan masalah lebihan guru di sekolah-sekolah kurang murid. Guru-guru ini telah dihantar ke sekolah-sekolah lain.

Saya tidak bersetuju dengan kaedah ini kerana seorang guru dipertanggungjawabkan untuk mengajar dua tahap yang berbeza. Sebagai contoh, seorang guru mengajar Tahun 2 dan 3 atau Tahun 4 dan 5 dalam bilik darjah yang sama pada satu masa yang sama. Ini bermakna masa satu jadual waktu, *one period*, dengan izin, bagi seorang guru terpaksa dikongsi oleh dua tahap yang berbeza. Hanya separuh masa sahaja digunakan untuk setiap tahap jika dibahagikan secara ideal.

Sebagai kesimpulan, anak-anak yang belajar di kelas bercantum ini rugi kerana hanya melalui separuh daripada pembelajaran yang sepatutnya jika dibandingkan dengan kelas biasa. Guru-guru juga merungut dan tidak berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang sedemikian. Ibu bapa juga berpendapat kaedah ini tidak sesuai untuk anak-anak mereka. Ini seterusnya akan mendorong ibu bapa menukar anak-anak mereka ke sekolah lain yang tidak mengamalkan sistem kelas bercantum. Saya mohon supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula pelaksanaan kelas bercantum di sekolah-sekolah kurang murid.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah memperkasakan dasar *Zero Reject Policy* bagi memastikan murid berkeperluan khas (MBK) menerima pendidikan selari dengan keupayaan mereka. Menjelang tahun 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan hasrat dan sasaran 75 peratus MBK perlu inklusifkan di sekolah-sekolah aliran perdana. Dengan adanya *Zero Reject Policy*, saya percaya lebih ramai lagi MBK yang akan

mendapat akses pendidikan yang sama rata dan tidak ada lagi yang terpinggir dalam arus pendidikan perdana.

Seperti mana yang terkandung dalam Surat Pelaksanaan *Zero Reject Policy* Bilangan 3(1) yang menyatakan bahawa, satu, "*Meluluskan semua permohonan persekolahan MBK yang memohon melalui Sistem Permohonan Atas Talian (SPAT) untuk kemasukan sekolah*", mohon pencerahan daripada kementerian, adakah *Zero Reject Policy* ini boleh digunakan oleh ibu bapa MBK yang ingin menempatkan anak mereka di mana-mana sekolah aliran perdana pilihan mereka? Atau *Zero Reject Policy* ini hanya dikhaskan untuk sekolah-sekolah aliran perdana yang ada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang melalui Bahagian Pendidikan Khas sahaja?

Kedua, dengan adanya Pekeliling Garis Panduan Penglibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti sebagai Sukarelawan di Dalam Kelas (SDK) Bilangan 1 Tahun 2018, adakah ibu bapa dibenarkan menjadi *shadow aide* kepada MBK yang ditempatkan di mana-mana sekolah aliran perdana pilihan ibu bapa?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa sebilangan besar daripada sekolah-sekolah Cina dan Tamil tidak mempunyai guru opsyen bahasa Melayu. Ini mungkin antara faktor yang menyebabkan keputusan UPSR bagi subjek Bahasa Melayu kurang memuaskan di sekolah-sekolah yang terlibat.

■1540

Dalam hujah Yang Berhormat Port Dickson, beliau menegaskan bahawa kita perlu memartabatkan bahasa Melayu. Saya amat bersetuju dengan hujah beliau kerana bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan yang didukung oleh Perlembagaan Persekutuan. Kita harus mewujudkan bangsa Malaysia di mana setiap warganegara tidak mengira agama dan bangsa boleh fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Pada hemat saya, pengukuhan bahasa Melayu perlu dibuat di peringkat sekolah rendah, terutamanya di sekolah-sekolah vernakular. Segala usaha perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan anak-anak kita di sekolah-sekolah vernakular juga petah berbahasa setanding dengan anak-anak di sekolah kebangsaan.

Saya berharap...

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...sebagai langkah pertama...
[Disampuk]

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kementerian Pendidikan memastikan setiap sekolah mempunyai guru opsyen bahasa Melayu.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tapah minta laluan, Yang Berhormat.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat Batu Gajah, minta laluan?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Tapah, saya mohon maaf. Oleh kerana masa yang diperuntukkan hanya 15 minit.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Sikit sahaja, sikit. Memandangkan Yang Berhormat banyak lagi... [Disampuk]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jadi, saya ada banyak lagi perkara yang perlu saya... [Disampuk]

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Sikit sahaja, tidak sampai satu minit.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mohon maaf Yang Berhormat Tapah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan laluan Yang Berhormat Tapah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Oleh sebab hari itu saya tahu yang Yang Berhormat Tapah ada berikan peluang kepada saya tetapi masa itu ada 20 minit.

Akan tetapi hari ini masa telah disingkatkan hanya 15 minit. Jadi, saya— Ada banyak lagi isu yang saya perlu bangkitkan. Terima kasih Yang Berhormat Tapah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, adakah RM50 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk sekolah-sekolah Tamil bagi tujuan penyelenggaraan telah dibelanjakan sepenuhnya pada tahun 2018? Jika ya, saya mohon kepada Kementerian Pendidikan untuk memberikan perincian tentang perbelanjaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu tentang status tiga buah SJKT iaitu SJKT Gunung Rapat yang dijangka pembinaannya menjangkau tarikh siap iaitu pada bulan Mei 2019.

Apakah kekangan yang dihadapi? Kedua, SJKT Ladang Minyak, Serendah yang telah berhenti pembinaannya kerana sebab-sebab tertentu. Bilakah projek itu akan dimulakan semula? Bilakah projek itu dijangka siap? Ketiga, SJKT Tan Sri Dato' Manickavasagam di Petaling Jaya Utara yang dijanjikan pembinaannya dalam Bajet Persekutuan 2012 sebanyak RM6 juta di tanah seluas 1.6 hektar, apakah perkembangannya?

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai fitnah dan tohmahan dilontarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melalui media sosial. Jika tidak dikawal akan mencetuskan rusuhan di kalangan rakyat Malaysia yang mencintai keamanan. Sering kali isu-isu perkauman dan sensitiviti agama dijadikan bahan provokasi. Nyata sekali niat mereka adalah untuk membinasakan negara kita yang dibina bersama oleh masyarakat majmuk yang disegani di seluruh dunia.

Walaupun kita ada undang-undang Kanun Keseksaan, seksyen 298A, untuk menjaga keharmonian antara agama dan kaum, serta seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 tetapi ramai yang tidak mepedulikan undang-undang ini dan sentiasa melakukan kesalahan yang boleh mencetuskan perbalahan antara kaum. Saya mohon supaya pihak PDRM dan agensi-agensi lain yang terlibat mengambil tindakan yang tegas yang boleh membawa hukuman yang berat terhadap sesiapa sahaja yang berniat untuk merosakkan perpaduan negara.

Saya juga mohon kepada seluruh rakyat Malaysia supaya berhenti hujah-hujah perkauman dan menyindir mana-mana agama yang sudah tentu boleh membinasakan negara ini. Saya amat bersetuju dengan hujah-hujah yang dibawa oleh Ahli Parlimen Rantau Panjang yang mendesak supaya tindakan keras diambil terhadap sesiapa sahaja yang menghina Nabi Muhammad dan agama Islam. Pada masa yang sama, untuk berlaku adil, tindakan keras juga harus diambil terhadap sesiapa sahaja yang menghina atau mengutuk agama-agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, pernah ada satu cadangan untuk membina IPD Ipoh Timur. Akan tetapi cadangan ini telah dibatalkan kerana kos pembinaan yang tinggi. Pada hari ini, terdapat 25 buah balai polis di bawah kawalan IPD Ipoh. Mungkin IPD yang mengawal balai yang terbanyak di seluruh negara. Dalam masa yang sama, IPD Batu Gajah pula hanya mengawal empat buah balai sahaja. Di sini saya mempunyai satu cadangan untuk mengurangkan beban IPD Ipoh. Lima daripada balai polis yang terletak di IPD Ipoh boleh dipindahkan pentadbirannya di bawah IPD Batu Gajah. Balai-balai polis yang saya maksudkan ialah Balai Polis Jelapang, Balai Polis Taman Rishah, Balai Polis Lahat, Balai Polis Bukit Merah dan Balai Polis Menglembu. Kesemua lima buah balai ini terletak di dalam kawasan Parlimen Batu Gajah. Saya berharap Menteri Dalam Negeri mempertimbangkan permohonan Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua, syabu adalah dadah popular yang membelenggu ramai anak muda. Kesan ketagihannya amat teruk sekali. Penagih menjadi terlalu agresif sehingga sanggup membunuh keluarga sendiri. Jika tidak dirawat, penagih boleh menjadi gila. Dadah yang mahal ini perlu diperangi habis-habisan. Akan tetapi masalahnya ialah kita tidak mempunyai pusat pemulihan khas untuk penagih-penagih syabu yang perlu dirawat dengan kaedah-kaedah tertentu. Mereka ini tidak boleh dipulihkan di pusat-pusat pemulihan dadah yang biasa. Apakah rancangan kerajaan dalam mewujudkan pusat-pusat pemulihan khas untuk penagih-penagih syabu?

Tuan Yang di-Pertua, kita dilanda oleh pelbagai *scam* jenayah kolar putih. Ramai di antara rakyat negara kita menjadi mangsa jenayah kolar putih. Peliknya, golongan terdidik dan profesional juga boleh menjadi mangsa *scam* yang disusun atur dengan begitu licik sekali. Penjenayah kolar putih ini adalah terlalu canggih. Mereka mempunyai peralatan yang

cukup moden yang boleh menandingi peralatan PDRM. Mereka juga mempunyai kepakaran teknologi untuk mengesan gerak geri agensi kerajaan. Mereka boleh memperoleh data-data peribadi mangsa mereka.

Demikianlah kebolehan golongan penjenayah ini melakukan pelbagai *scam*, tipu muslihat setiap hari. Bagaimanakah Kementerian Dalam Negeri akan memastikan PDRM mempunyai kecekapan dan kemampuan dari segi peralatan dan teknologi untuk menangani masalah ini? Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat mengenai pelbagai *scam* jenayah kolar putih ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang perlu saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini adalah mengenai keperluan eskalator, tangga bergerak di Stesen KTM Batu Gajah. Saya telah membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Pengangkutan. Harap permohonan ini akan diluluskan untuk membantu warga emas dan golongan OKU yang menghadapi masalah terpaksa menaiki tangga berpindah platform. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan maklum balas daripada Menteri Kerja Raya mengenai Projek Pembinaan Jalan Seputeh – Parit. Bilakah jalan ini akan dibina?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, isu penting. Tan Sri R Nadarajah, Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman Devasthanam yang bertanggungjawab menguruskan Kuil Hindu Batu Caves telah ditangkap dan direman oleh SPRM pada 5 Mac yang lalu. Rumahnya juga telah diserbu, dikaitkan dengan rasuah dan salah guna kuasa. Beliau dikatakan juga memiliki jutaan wang ringgit dan barang-barang yang cukup mewah. Skandal penyelewengan dan salah guna kuasa seperti ini berlaku di banyak lagi kuil-kuil yang lain.

Ini adalah disebabkan tidak ada kawalan rapi terhadap dana yang dikutip daripada orang ramai. Untuk mengatasi masalah kawal selia dana awam di kuil-kuil hindu, Pakatan Harapan dalam manifesto telah mencadangkan untuk menubuhkan Lembaga Wakaf Hindu mengikut model Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang. Saya ingin tahu, sejauh manakah cadangan ini telah diusahakan? Siapakah yang bertanggungjawab dalam hal ini? Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi? Bilakah dijangka Lembaga Wakaf Hindu ini akan berjaya ditubuhkan? Saya rasa setakat ini sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Kanowit sebab saya difahamkan Yang Berhormat Kaput tidak hadir ya. Okey, silakan Yang Berhormat Kanowit.

3.48 ptg.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama terlibat dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin berterima kasih pada rakan-rakan wakil rakyat daripada Sarawak dan Sabah yang telah menyentuh hal-hal berkaitan dengan *Malaysia Agreement* 1963 dan hak-hak yang terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 16 September, kita akan merayakan 56 tahun Sarawak di dalam Malaysia. Kita amat berharap dari ucapan Perdana Menteri baru-baru ini, bahawa Kerajaan Pusat akan mengembalikan hak di bawah MA63 kepada asal tujuannya ataupun pengiktirafan Sarawak dan Sabah sebagai *Malaysia's equal partners*. MA63, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *is a non-negotiable agreement of which the purpose is to safeguard the Sarawak rights and also the basis in the formation of Federation of Malaysia*.

■1550

Apa yang penting terdapat 20 perkara atau perjanjian dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin masa itu untuk bersama-sama membentuk sebuah negara Malaysia. Hak keistimewaan ini adalah dilindungi di bawah MA63 dan setiap keputusan undang-undang di Parlimen yang melibatkan hal ehwal Sarawak perlu mendapat restu dari Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sarawak amat berterima kasih kepada mendiang Tan Sri Adenan Satem iaitu Ketua Menteri Sarawak pada masa itu yang telah mula memohon kepada Kerajaan Pusat untuk mengembalikan hak petroleum dan sempadan negeri di bawah MA63 dan banyak lagi hak-hak lain dituntut bersama di bawah proses *devolution of powers*.

Jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk membincang dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan tersebut. Beberapa isu telah pun selesai dan tuntutan kuasa dan penurunan kuasa pada Kerajaan Negeri Sarawak telah pun dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya kerajaan menyenaraikan kesemua perkara atau isu yang telah selesai untuk dimaklumkan pada semua dan juga perlu disenaraikan isu-isu yang masih belum dapat diluluskan atau diputuskan dan mengapa ia tidak dapat diselesaikan kerana rakyat Sarawak perlu mengetahui kejayaan tuntutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah mengambil 100 peratus hasil minyak dan cuma bagi lima peratus royalti balik kepada Sarawak, Sabah dan negeri-negeri lain pengeluaran minyak dan gas. Pada tahun 2014, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah sebulat suara menyokong usul untuk mohon 20 peratus royalti minyak supaya Sarawak dapat lebih banyak lagi wang untuk pembangunan infrastruktur dan *utilities*.

Pada PRU ke-14 ini juga ia jadi janji dan manifesto PH pada masa itu. Kita difahamkan dari pendedahan di sosial media, bahawa duit daripada hasil minyak dan gas ini diberi kepada negeri-negeri di Semenanjung yang sudah maju dan kaya raya dan mempunyai kesemua keselesaan hidup. Ada di antara mereka minta supaya jangan bagi tol, harga petrol diturunkan, *free education* dan sebagainya. Padahal, 69 peratus dari pengeluaran gas dan minyak adalah dari Sarawak dan Sabah dan juga 40 peratus daripada bajet Kerajaan Pusat setiap tahun adalah daripada hasil minyak dan gas ini.

Berbilion ringgit juga telah pun digunakan untuk menyelamatkan pelbagai syarikat GLCs yang telah mendapat *financial troubles* dan berpuluh bilion juga telah digunakan untuk projek-projek besar atau projek mega di Malaysia. Apa yang menjadi isu besar lagi ialah apabila sempadan laut Sarawak, lautan Sarawak dikecilkan daripada *12 nautical miles* kepada tiga *nautical miles* menerusi *the Territorial Sea Act 2012* yang diluluskan di Parlimen pada 2012. Akan tetapi, Sarawak belum lagi membuat undang-undang untuk menerima peruntukan sempadan tersebut maka dasar laut luar daripada tiga *nautical miles* adalah masih kepunyaan Sarawak dan Petronas perlu mendapat *mining lease* atau *license* untuk mengambil minyak dan gas di lautan Sarawak.

Kita difahamkan Petronas mempunyai lebih daripada 60 *oil fields* di Sarawak dan dapat mengeluarkan sebanyak 850,000 *barrels* minyak sehari. Kalau kita kira dengan kos satu *barrel* dengan USD68 bermakna Petronas dapat RM25 juta satu hari ataupun 90 bilion satu tahun dengan lima *percent* royalti ia sepatutnya diberi kepada Sarawak dalam 4.5 bilion. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah sebenarnya royalti setiap tahun yang telah diberi kepada negeri Sarawak berdasarkan pengeluaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin tahu berapakah hasil, kita ingin tahu berapakah hasil sebenarnya minyak dan gas semenjak PDA74 bermula beroperasi dan berapakah yang diberi balik kepada negeri pengeluaran minyak dan gas. Sebab, kita ingin tahu adakah disebabkan ketidakadilan pembahagian hasil ini yang menjadi satu daripada sebab mengapa negeri-negeri pengeluaran gas dan minyak ini masih miskin dan ketinggalan dalam segala segi pembangunan terutamanya infrastruktur bagi Sarawak.

Kita berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan PH menunaikan janji mereka untuk memberi 20 peratus royalti petroleum kepada negeri Sarawak berasaskan *gross production* dan bukan *profit* Petronas. Mengikut PDA74, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang dan keputusan ke atas aktiviti dan pembayaran tunai kepada negeri pengeluaran minyak dan gas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pada tajuk yang lain iaitu berkenaan dengan sekolah daif di Sarawak. Saya telah pun mendengar bahawa rakan-rakan saya pun telah membahaskan, *voice out* sekolah daif. Kita dapati daripada 1,020 sekolah daif di Sarawak 415 adalah kritikal. Bermakna ia perlu diubahsuai, dibina baru dan sebagainya.

Kita berterima kasih ke atas kefahaman di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Federal di mana RM1 bilion telah diluluskan walaupun itu adalah duit kontra. Kita juga berharap sekolah moden, untuk membangunkan sekolah kurang murid (SKM) dapat dilaksanakan supaya kemudahan yang lengkap dan moden dapat diadakan di sekolah tersebut. Ini amat penting oleh sebab banyak sekolah-sekolah di luar bandar di kawasan pedalaman tidak mempunyai kemudahan asas yang lengkap.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dengan projek di bawah Kementerian Luar Bandar yang bertanggungjawab ke atas segala kemudahan asas seperti

jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya. Saya ingin tahu di manakah projek-projek ini sedang dilaksanakan di Sarawak di bawah Kerajaan PH oleh sebab kita sebagai wakil rakyat dari kawasan pendalaman tidak mengetahui mengenai projek-projek ini. Sebagai contoh, kadang-kadang kita melihat sudah ada jalan simen dibuat di depan rumah panjang yang kemungkinan juga bertindih dengan projek-projek kecil daripada peruntukan ADUN ataupun MP Sarawak.

Contoh satu lagi, di mana kita telah pun sibuk mengadakan peruntukan untuk menyambung elektrik ataupun talian grid kepada rumah panjang oleh sebab kita tidak ada peruntukan di bawah *rural electric supply* (RES) yang dulu sentiasa diadakan di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab projek ini adalah menelan kos yang amat besar dan saya harap kerajaan di bawah KKLW memberi kembali peruntukan ini supaya projek bekalan elektrik dan sebagainya di Sarawak dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri KPDNK ada di sini, saya ingin menyentuh berkaitan dengan subsidi minyak di kawasan luar bandar. Ada disebutkan sistem baharu yang akan dilaksanakan di kawasan pendalaman dan saya menyeru kepada kementerian dan Yang Berhormat Menteri supaya ia perlu dilaksanakan dengan teliti supaya tidak diselewengkan atau dimanipulasi oleh tauke-tauke dan orang tengah *especially* untuk orang kampung yang *illiterate* dan *ignorant* ke atas sistem ini. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian KPDNHEP adakah subsidi barang dan subsidi pengangkutan masih diteruskan di Sarawak? Kalau masih, berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan pada tahun 2019 ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan bantuan untuk membina rumah panjang sebab masa Kerajaan Barisan Nasional kita telah memperuntukkan RM50 juta untuk rakyat atau rumah-rumah panjang dibangunkan ataupun untuk naik taraf rumah panjang dan ini amatlah sangat meringankan beban rakyat-rakyat rumah panjang yang ingin membina rumah baharu dan menaik taraf rumah yang sudah usang. Lebih-lebih lagi, sekarang ini banyak rumah-rumah panjang telah dipindahkan oleh sebab laluan Pan Borneo dan mereka amat memerlukan bantuan ini dan saya harap dengan ini saya mohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberi ataupun menyalurkan kembali wang daripada Kerajaan Pusat untuk membantu rumah-rumah panjang yang masih memerlukan peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada bulan lepas kita mendapat laporan dari sebuah kajian oleh seorang profesor bahawa tujuh daerah di Sarawak adalah di antara kawasan miskin di Malaysia.

■1600

Saya sebagai wakil rakyat daripada kawasan tersebut tidak mempertikaikan laporan itu dan malah berterima kasih kepada pendedahan tersebut. Akan tetapi yang pelik apabila kita melihat angka dari laporan ekonomi di Malaysia, mengikut GDP per kapita melaporkan bahawa Sarawak adalah negeri ketiga terkaya di Malaysia, mendahului banyak negeri lain dengan *household income RM4,200 per month*. Maka jelas GDP ini bukanlah angka yang rendah. Apa yang sebenarnya berlaku di kawasan Sarawak sebab Sarawak masih mempunyai peratusan rakyat miskin yang tinggi di bawah *poverty line*.

Maka kalau diperincikan lebih dalam lagi, kita ketahui jurang antara yang kaya dan miskin sangat jauh. Satu sebab di mana angka GDP dan jurang kemiskinan bercanggah adalah kerana kekayaan itu. Kekayaan di Sarawak itu adalah cuma di tangan satu peratus penduduk di Sarawak. Jadi inilah masalah yang kerajaan mesti atasi supaya kawasan yang miskin itu diberi lebih lagi peruntukan untuk membangunkan segala kemudahan dan pembangunan sosioekonomi supaya penduduk di sana dapat menikmati khidmat daripada kerajaan dan bersama-sama berdikari untuk meningkatkan pendapatan dan sara hidup mereka.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam surat khabar muka hadapan penuh dengan cerita di mana ramai pelajar kita di pusat pengajian tinggi adalah dari keluarga miskin atau B40. Mereka tidak mempunyai cukup wang untuk membeli makanan. Cerita itu amat memalukan dan menyedihkan kita semua. Dalam hal ini, saya terfikir dengan keadaan pelajar-pelajar dari Sarawak yang ramai mungkin datangnya dari keluarga yang miskin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan untuk melihat kembali sistem yang dahulu zaman 60-an, 80-an di mana pelajar di pengajian tinggi ini tinggal di asrama dan diberi makan secukupnya tiga kali sehari. Kita tahu keadaan dalam era 60-an

dan 80-an dahulu di mana belum banyak universiti dan jumlah pelajar pun masih kecil jika dibandingkan sekarang. Cadangan yang saya sebut itu mungkin akan membawa beban yang berat kepada kerajaan tetapi kerajaan perlu mengambil berat hal ini dan mengatur cara dan sistem seperti memberi subsidi atau *sub finance* pada kos pengajian atau menaikkan kadar *loan* PTPN.

Juga kerajaan perlu memikirkan untuk memberi *priority* kepada pelajar-pelajar miskin ini untuk duduk di asrama dan diberi makan yang cukup ataupun kerajaan boleh memikirkan untuk mohon kepada syarikat-syarikat besar GLCs untuk membuat program *adoption* pada pelajar-pelajar yang miskin ini supaya mereka ini tidak akan terkandung di dalam masalah tidak cukup wang untuk membeli makan dan seterusnya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kimanis, silakan.

4.03 ptg.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya menjunjung kasih ke atas Titah Diraja, Duli Yang Maha Mulia Seri Padukan Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbahasan Titah Diraja ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya memulakan ucapan dengan menarik perhatian Dewan yang mulia ini akan Titah Ke Bawah Duli Tuanku mengenai kos sara hidup yang dihadapi rakyat sekarang dan juga di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat.

Memang tidak dinafikan bahawa kesan daripada kelembapan ekonomi melanda negara sekarang ini ia benar-benar menghimpit kehidupan rakyat terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah. Kos barangan keperluan rakyat kian meningkat dan diburukkan lagi dengan harga komoditi getah seperti getah dan kelapa sawit yang terus merudum jatuh. Sudah tentunya rakyat sangat-sangat mengharapkan kerajaan agar dapat memulihkan kembali keadaan ekonomi negara dengan segera agar dapat meringankan beban rakyat.

Akhir-akhir ini pelbagai idea menarik yang telah dilontarkan oleh para pemimpin kita bagi membantu rakyat keluar dari belenggu kemerosotan ekonomi. Antara cadangan terbaru adalah daripada Yang Berhormat Menteri Industri Utama kita yang mencadangkan agar rakyat menanam buluh. Apa yang diharapkan idea dan cadangan tersebut biarlah dapat dilaksanakan setelah kajian-kajian mengenainya dibuat agar rakyat yang melaksanakannya mendapat faedah jangka panjang darinya. Ini termasuklah kajian dari segi teknikal, kos, permintaan, pasaran dan juga sebagainya.

Saya mengalu-alukan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa beliau telah pun pergi ke beberapa buah negara untuk membuka pasaran baru. Saya juga ingin memaklumkan selain daripada itu, bahawa kita juga perlu menangani masalah-masalah *negative perception* yang telah pun dibuat oleh *competitors* kita seperti *soya bean, rapeseed dan sunflower*. Jadi saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri mengkaji sedalam-dalamnya apakah tanaman buluh ini boleh menggantikan tanaman getah dan kelapa sawit?

Tuan Yang di-Pertua seterusnya saya ingin beralih kepada Perjanjian Malaysia 1963 dengan izin, *Malaysia Agreement 1963*. Seperti yang kita sedia maklum, Kabinet Persekutuan telah menzahirkan persetujuan untuk mengembalikan taraf rakan kongsi ataupun dengan izin, *equal partners* kepada Sabah dan Sarawak dan usul berkenaan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagi membolehkan penggubalan Perlembagaan Malaysia mengenainya. Ini merupakan satu langkah yang amat disambut baik oleh warga Sabah dan Sarawak kerana Sabah dan Sarawak tidak lagi menjadi salah satu daripada 13 negeri dalam Malaysia tetapi kembali ke status asal seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Ia juga akan membuktikan bahawa kerajaan di bawah pimpinan Pakatan Harapan berusaha menunaikan janji yang telah dibuat kepada rakyat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian kita tidak harus terlalu bergembira. Kita perlu melihat sama ada taraf *equal partners* itu hanyalah di atas kertas sahaja ataupun diterjemahkan kepada dasar dan tindakan yang memanfaatkan kesemua *equal partners* seperti dalam satu perniagaan. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian kepada konteks Perjanjian Malaysia 1963 ataupun dengan izin, *Malaysia Agreement 1963 the trust that was supposed to be the core of agreement was violated many times by the Federal Government either through Constitutional amendments or separation of powers rightfully belonging to Sabah and Sarawak, among the many wrongs was validating Sabah and Sarawak to be the twelfth and the thirteenth states of Malaysia.*

Dalam era Malaysia Baharu yang dilaung-laungkan oleh kerajaan rakyat Sabah dan Sarawak akan terus menuntut supaya status rakan kongsi yang dikembalikan bukan hanya *lips service*, dengan izin. Kita mahukan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan di Sabah dan Sarawak supaya kesejahteraan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh rakyat di Persekutuan Tanah Melayu dapat juga dirasai di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, membangunkan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partners*, kerajaan tidak boleh terbawa-bawa dengan isu *viability* tetapi harus bersedia dengan izin, *to break the glass ceiling* demi kesejahteraan rakyat. Kita harus ingat, bahawa hak-hak istimewa Sabah dan Sarawak adalah termaktub dalam MA63 dan di dalam Perlembagaan Malaysia. Dengan izin, *gone are the days where Sabah and Sarawak a fixed deposit only when the ruling government needs the votes or during times of political instability.* Apa yang kita mahukan adalah taraf *equal partners* yang mendapat sumbangan kerajaan bagi membolehkan kami juga menyumbang kepada Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa menurut MA63 Sabah berhak ke atas 40 peratus daripada hasil yang diperolehi Kerajaan Persekutuan di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, ini termaktub dalam Perlembagaan. Saya khuatir bahawa ia tidak perlu diangkat untuk dibincangkan sedangkan ia termaktub dalam Perlembagaan dan harusnya dilaksanakan dengan segera, dengan implementasinya diambil kira kedudukan kewangan Persekutuan negara kita dan juga keperluan-keperluan negeri Sabah.

■1610

Juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dengan 10 peratus daripada hasil minyak dan gas seperti yang termaktub dalam Jadual 10 - Perlembagaan Persekutuan. Meskipun Sabah dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan jumlah 5 peratus pada tahun 1976, jumlah itu sudah tidak adil pada zaman sekarang. Jika kita mengambil kira kadar inflasi dan kos harga barang pada masa kini, bagaimanakah pembangunan fiskal dapat dilaksanakan dengan hanya 5 peratus daripada hasil minyak sedangkan Sabah dan Sarawak adalah pengeluar terbesar di Malaysia?

Seperti yang diumumkan oleh pada 8 Mac 2019, keuntungan Petronas bagi tahun kewangan tahun 2018 telah meningkat sebanyak 22 peratus kepada RM55.3 bilion. Tidakkah Sabah juga berhak ke atas keuntungan Petronas itu? Kita tahu juga bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengutip jumlah cukai yang tertinggi iaitu RM137.03 bilion. Jika selama ini Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya hendak membayar apa tertunggak daripada Kerajaan Sabah tetapi dihalang oleh keadaan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan, semestinya jumlah kutipan cukai tersebut telah mengubah situasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Untuk itu, saya ingin mendapat kepastian daripada Menteri Kewangan, bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memulakan bayaran apa yang tertunggak oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sabah? Bilakah perbincangan serta kajian semula, dengan izin, *special grants* dan kadar pembayaran royalti kepada Kerajaan Sabah dapat dilaksanakan?

Namun, dalam masa yang sama semasa keadaan kewangan yang dikatakan tidak mengizinkan, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk meneruskan pelbagai projek pembangunan dan pembinaan di Semenanjung Malaysia, sebagai contoh Projek ECRL. Tuan Yang di-Pertua, projek ini menelan belanja berpuluh-puluh bilion. Saya selaku rakyat Malaysia daripada Sabah sungguh dukacita dan sedih apabila jalan-jalan kampung kita, apabila air-air bersih belum di dapat kepada rakyat kita. Kita melihat di Semenanjung projek gergasi sedangkan di Sabah, rakyat Sabah belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan asas yang sangat-sangat diperlukan.

Apakah langkah kerajaan sedemikian boleh meyakinkan kepada rakyat bahawa di antara tiga rakan *equal partners* itu dirasai oleh Sabah dan Sarawak? Saya juga tertarik dengan cetusan idea seorang Menteri untuk membina kereta terbang. Kalau sekiranya betul

yang telah diutarakan oleh Menteri, saya fikir kalau kita dapat menyalurkan kewangan bagi membaiki pulih serta membina jalan raya untuk Sabah dan Sarawak, saya berasa rakan-rakan daripada Sarawak setuju saya bahawa projek kereta terbang tersebut haruslah dimajukan untuk Sabah dan Sarawak dan boleh dibuat menggunakan buluh agar ringan dan boleh terbang. Saya harap ia boleh guna, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, kalau ia boleh dibina, maka rakyat Sabah dan Sarawak tidak perlu jalan-jalan kami diperbaiki dan jalan lumpur dan jalan *gravel* dan kalanya anak-anak kita berjalan dengan kaki ayam ke sekolah oleh sebab keadaan jalan yang begitu cetek sekali. Sekiranya ia kereta terbang ini boleh dibina, maka saya *salute* kepada Menteri berkenaan dan ia akan menyelesaikan masalah Sabah. Bukan perlu kalau sekiranya seorang Menteri itu apabila berucap, seharusnya sudah membuat kajian yang terperinci.

Seterusnya, saya ingin menyentuh isu hubungan antarabangsa. Di antaranya yang telah saya hendak kemukakan ialah *Rome Statute* yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pengerang dan disokong oleh Yang Berhormat Ketereh dan juga rakan saya Timbalan Menteri. Oleh itu, saya beralih kepada yang lain dan...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kimanis, Kuala Krai.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Yang Berhormat Kuala Krai, silakan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Kimanis. Adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat, masih lagi terdapat deklarasi antarabangsa yang akan diratifikasi oleh pihak kerajaan sebagaimana *Rome Statute* yang tiba-tiba sahaja diratifikasi tanpa pengetahuan? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Setakat ini, perkara yang utama adalah *Rome Statute*. Ada lagi beberapa yang tidak membawa manfaat kepada negara. Oleh itu, kita ketepikan tetapi apa yang telah diutarakan, kebimbangan dan kekhawatiran kita atas kalau kita *sanction to the Rome Statute*, maka timbul masalah-masalah yang rumit. Pada suatu ketika dahulu, saya terpaksa pergi ke Sudan oleh sebab seorang Menteri Barisan Nasional mengatakan bahawa sekiranya pemimpin Sudan itu datang ke Malaysia dan kita boleh tangkap ia dan kita boleh hantar ke Mahkamah Antarabangsa. Ketika itu kita belum lagi— dan saya harap tidak akan menjadi rakan dalam ICC. Ia bukan sahaja dari segi masalah dalaman tetapi juga masalah antarabangsa. Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu...

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kimanis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar minta laluan.

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi hendak diutarakan tetapi kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sedikit.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kimanis, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan *Rome Statute*, saya hendak bertanya atas pengalaman luas Yang Berhormat Kimanis sebagai mantan Menteri Luar Negeri. Apakah asas yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini meratifikasikan *Rome Statute* ini? Apa pandangan?

Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]: Ini yang kita tertanya-tanya kepada Menteri Luar Negeri pada kali ini. Kita mengharapkan bahawa jawapan akan diberi kepada kita dan sebelum jawapan itu diberi kepada kita, saya selaku mantan Menteri Luar Negeri amat khawatir kalau sekiranya kita menjadi ahli kepada ICC itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu hubungan antarabangsa. Dunia hari ini bukan sahaja merupakan dunia yang saling berhubung tetapi juga dunia yang sentiasa berubah dan kompleks dan cabaran memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara menjadi semakin sukar. Justeru, amalan diplomasi dan dasar luar negara yang diamalkan oleh negara kita perlu lebih dinamik tanpa menjejaskan hubungan mahupun kepentingan negara. Sejak tertubuhnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1948 pelbagai isu serta cabaran yang perlu ditangani. Sebagai contoh, hubungan mahupun ancaman *multi lateral*, perang perdagangan, migrasi penduduk, ancaman keganasan, pencabulan kedaulatan, perubahan iklim dan banyak lagi. Segala-galanya seharusnya

ditangani dan dikendalikan secara berhemah, komprehensif dan terselaras demi kepentingan negara.

Sejak dahulu lagi usaha-usaha untuk mempererat dan memperkukuhkan jalinan berhubung dengan kerjasama antara agensi, ahli-ahli akademik dan institusi-institusi pemikir bagi memastikan sebarang tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negara adalah merupakan satu tindakan bersepadu atau, dengan izin, *the whole of the government* atau *the whole of the nation approach*. Setelah diberikan pertimbangan semua aspek atau isu secara menyeluruh ini dapat memastikan setiap keputusan mahupun tindakan yang diambil telah diberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum ia dilaksanakan. Contohnya baik ialah *Rome Statute* ini. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini saya ingin menyentuh isu hubungan Malaysia dan Singapura. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengenai beberapa isu dalam hubungan Malaysia dan Singapura yang mendapat liputan meluas media sejak kebelakangan ini iaitu isu air dan isu *port limits* yang berkaitan dengan persempadanan maritim.

Isu air Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Apakah hasil dan kejayaan melalui sesi perbincangan yang dilaksanakan sehingga kini? Sekiranya persetujuan tidak diperoleh daripadanya, apakah kita bersedia untuk membawa isu ini ke Tribunal Timbang Tara? Adalah menjadi harapan kita semua agar urusan ini haruslah ditangani dengan sebaik mungkin agar ia tidak sampai menjejaskan perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara yang berjiran. Saya juga berpandangan bahawa Kerajaan Negeri Johor perlu diberi hak untuk menentukan pendirian yang wajar diambil kerana perjanjian dengan Singapura pada tahun 1961, 1962 dan Perjanjian 1990 berhubung isu air ini di tandatangani oleh Kerajaan Johor.

■1620

Isu *port limits* pula Tuan Yang di-Pertua yang menjadi isu hangat di antara Malaysia dan Singapura sejak bulan November 2018, saya berpandangan isu ini perlu dikendalikan secara komprehensif dan berhati-hati kerana isu ini berkait rapat dengan persempadanan maritim di antara Malaysia dan Singapura yang belum dimuktamadkan. Saya berharap Menteri Luar Negeri juga menyedari kelebihan strategik yang diperoleh oleh Malaysia melalui peluasan *Johor Baru Port limits*.

Berdasarkan pengalaman saya mengendalikan isu dua hala dengan Singapura sewaktu menjalankan tugas sebagai Menteri Luar Negeri dahulu adalah sangat perlu bagi kita bersedia dengan fakta-fakta tepat semasa perbincangan tersebut. Singapura Tuan Yang di-Pertua, daripada aspek *mutual respect*, kalau kita dia mengetahui bahawa kita juga handal, kita juga hebat, maka dia secara langsung menghormati kita dan oleh itu adalah penting bahawa Menteri Luar Negeri untuk mendapat pandangan dan nasihat daripada pegawai-pegawai Kementerian Wisma Putra yang mempunyai kebolehan luar biasa.

Kita juga harus ingat bahawa hal ehwal hubungan luar negara bukan sahaja mengambil kira *forged friendship or updated media statements*, dengan izin, kita juga harus ingat bahawa *business can only be done with friends. So that is the business of foreign relations*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya agak bimbang pada kebelakangan ini, ada di antara pemimpin-pemimpin yang memainkan isu bangsa dan agama. Hentikanlah ia sebelum terlambat. Dengan itu, sekian ucapan saya dan saya mengucapkan terima kasih di atas peluang membahaskan Titah Diraja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Salak. Silakan.

4.22 ptg.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat rakan-rakan sekalian, banyak yang telah dibincangkan dibahaskan berkaitan dengan masalah semasa. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melihat masa depan negara kita dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Pada tahun ini, penduduk kita sebanyak 29 juta. Pada tahun 2030, dianggarkan mungkin sebanyak 40 juta dan kita akan meningkat kepada negara yang populasinya berjumlah 50 juta atau 70 juta dan ada berbilang kaum.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini berhubung dengan perancangan masa depan kita. Setakat ini kita belum mendengar lagi apakah dasar, apakah pelan tindakan dan juga program-program ekonomi yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan dapat melihat kepada perancangan yang telah disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang mana kita dapati didiamkan, tidak dibincangkan. Satu daripadanya ialah pembangunan wilayah ataupun koridor yang telah dilancarkan pada tahun 2010 oleh dua orang Perdana Menteri pada masa itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi dan juga Dato' Sri Mohd Najib, Yang Berhormat Pekan.

Koridor utara adalah untuk membangunkan kawasan wilayah utara yang terdiri daripada tiga buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan juga sebahagian daripada utara Perak. Kita dapati kedudukan ekonomi di sana terutama sekali orang Melayu, Bumiputera adalah di antara yang paling rendah dibandingkan dengan ekonomi di negeri-negeri yang lain. Perancangan telah dibuat untuk membangunkan kawasan tersebut melalui koridor utara ini. Sebanyak 120,000 pekerjaan yang disasarkan. Itu daripada segi pekerjaan tetapi penting ialah pembangunan ekonomi yang memberikan peluang ekonomi kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Negara kita menuju kepada negara maju pada tahun 2020 sasaran kita dan kita ingin melihat pendapatan rakyat ditingkatkan daripada *upper middle-income country* kepada *high-income country*. Pada masa ini, kita masih lagi *struggling*, kita masih lagi terkial-kial untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Pada keseluruhannya pendapatan rakyat di luar bandar tidak sampai kepada tahap separuhnya daripada sasaran kita RM48,000 setahun. Petani-petani hanya berpendapatan sekitar RM1,500 hingga RM2,000 sebulan. Ini jauh daripada sasaran negara berpendapatan tinggi.

Dengan sebab itu pembangunan ekonomi di wilayah utara ini, bukan sahaja untuk mewujudkan pekerjaan tetapi peluang pembangunan pertanian. Pertanian di kawasan tersebut perlu dibangunkan menjadi pertanian yang berdaya maju, yang produktivitiya tinggi, yang juga ada nilai tambah kepada aktiviti pertanian yang ada pada hari ini. Inilah matlamat perancangan ekonomi wilayah utara yang saya sebutkan tadi.

Oleh kerana banyak kawasan, ada lima buah kawasan wilayah, saya ringkaskan. Matlamatnya lebih kurang sama. Kita dapati wilayah sebelah timur umpamanya, juga bermaksud begitu untuk membangunkan kawasan di daerah ataupun di negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang yang masih ketinggalan daripada segi pembangunan ekonomi. Kita ingin melihat kawasan-kawasan ini juga mendapat nikmat daripada pembangunan negara. Dengan sebab itu dalam perancangan wilayah sebelah timur, kita juga membangunkan bukan sahaja infrastruktur, *transportation* tetapi juga industri-industri tertentu seperti *petrochemicals*, *halal hub*, *tourism* dan sebagainya. Ini semua adalah sektor-sektor ekonomi yang boleh dibangunkan dan memberi peluang kepada rakyat, penduduk di kawasan negara tersebut untuk menjadi lebih maju atau sama maju dengan penduduk-penduduk di bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Jurang di antara tempat-tempat yang saya sebutkan ini dengan kawasan Pantai Timur, negeri-negeri sebelah timur, tidak boleh lagi dibiarkan berterusan begitu.

Jadi dengan sebab itu umpamanya dalam rancangan wilayah sebelah timur, Pelabuhan Kuantan umpamanya, banyak yang dibangunkan supaya *port* ini menjadi *gateway* kepada perdagangan antarabangsa di antara sebelah timur dengan negara China yang begitu ramai penduduk dan mempunyai potensi yang besar. Begitu juga dengan negara-negara seperti Vietnam dan juga negara Jepun, Indonesia dan sebagainya. Kuantan adalah sebuah *port* yang mempunyai potensi yang besar kepada pembangunan rakyat di kawasan sebelah timur, negeri-negeri kita di sebelah timur.

Dengan sebab itulah, untuk melengkapkan pembangunan ini, projek ECRL ataupun apa nama itu? [*Bertanya kepada seorang Ahli Yang Berhormat*] yang dipanggil...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *High-speed rail* (HSR).

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *High-speed rail* di sebelah selatan. Ini *East Coast Rail Link* (ECRL). Hendak dimajukan tetapi oleh kerana kerajaan kita diambil alih oleh Pakatan Harapan, projek ini telah ditangguhkan semata-mata kerana faktor kewangan. Kita tidak hendak melihat masa depan. Adakah kita hendak melihat bahawa orang-orang Melayu di negeri Pahang, di Kelantan, di Terengganu terus mundur

selama 10 tahun, 20 tahun, 50 tahun yang akan datang? Kita ingin melihat mereka maju seperti negara lain. Ini yang penting.

Masalah kewangan, Jepun menjadi satu pilihan kepada Perdana Menteri pada hari ini. Padahal kita tahu Jepun bukanlah sebuah negara yang untuk orang kata begitu murah hati memberikan pinjaman tanpa syarat ataupun memberikan pinjaman tanpa mengharapkan pulangan. Saya percaya *Samurai loan* yang dijanjikan oleh Jepun itu ada motif di sebaliknya.

■1630

Sebagaimana kita dengar projek yang telah pun pihak Jepun orang kata menunjukkan minat kepada sedang melobi untuk mendapatkan projek-projek ini. Jadi, kita kena faham dan juga jangan terlalu memikirkan bahawa seolah-olah Jepun sahaja sumber sokongan kepada negara kita ini. Negara China walaupun dia memberi pinjaman, tidak bermaknanya dia akan menakluki negara kita. Tidak boleh buat *statement* mengatakan, oh! Kita pada hari ini, kita tidak mahu negara kita dijajah.

Negara China pun dekat seluruh dunia. Afrika, banyak negeri di Afrika mendapat bantuan daripada China. Tidak ada satu negeri pun yang dijajah, ya, yang kita bimbang dalam negara kita sendiri kita dijajah. Bumiputera dijajah. *A new colonialism is not necessarily*, dengan izin datangnya daripada luar. Boleh jadi datang daripada dalam negara kita ini. Orang Melayu terutamanya hari ini *economy currently is not independent*, dengan izin *we are still very dependent not only* daripada orang luar tetapi dalam negara. Tuan-tuan faham lah apa maksud saya. Saya tidak payah hurai dengan lebih panjang.

Dengan sebab itu kita ingin membangunkan ekonomi di luar bandar, di Pantai Timur Kelantan, Terengganu yang mempunyai potensi yang begitu besar dan kita kena berkorban dalam hal ini dan saya hendak mengingatkan bahawa sekiranya kita membatalkan projek ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan bila hendak buat projek ini? Bila hendak diadakan satu program pembangunan sebesar ini untuk kawasan Pantai Timur? Sepuluh tahun akan datang?

Kita tahu bahawa...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pasir Salak

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kos pembangunan projek meningkat setiap tahun Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pasir Salak, boleh?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mampengerusikan Mesyuarat]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Pasir Salak bersetuju tidak, berlakunya ketidakseimbangan ini sejak Perdana Menteri ke-4 dan perkara ini diteruskan, itu sebabnya ECRL dibatalkan?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi sekali boleh?
[Ketawa]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak apa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi sekali sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ulang, ulang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pasir Salak, adakah Yang Berhormat Pasir Salak bersetuju atau mempunyai pandangan, berlakunya ketidakseimbangan di antara Pantai Barat dan Pantai Timur ini telah bermula semenjak Perdana Menteri ke-4 dan perkara ini diteruskan dan nampaknya ia menidakkan hak dan kemakmuran rakyat di Pantai Timur?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi ya. Masukkan dalam ucapan saya. [Ketawa] Fasal saya masa singkat sangat hendak sebut banyak. Lagi satu saya hendak bertanya ini berkenaan dengan *high speed rail*. *High speed rail* apa dalam cakap Melayu?

Beberapa Ahli: Kereta api laju.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kereta api laju. Saya diberanakkan di London. [Ketawa] Bahasa Melayu tidak berapa. Ini Menteri Ekonomi sudah berjumpa dengan Menteri Pengangkutan di *Singapore* dan bersetuju supaya ditangguhkan selama dua tahun. Kita terpaksa membayar RM15 juta. Saya ingin bertanya kepada Menteri Ekonomi, berapa lama lagi penangguhan ini? Betul kah hanya setakat dua tahun? Ataupun kerajaan bercadang untuk membatalkan projek ini kerana pihak *Singapore* telah pun memberikan kata dua kepada kita.

Kalau sekiranya hendak ditamatkan boleh, tapi kena bayar balik segala kerugian yang telah ditanggung oleh Kerajaan *Singapore* dan juga kontraktor dan pihak pemaju yang terlibat di dalam projek tersebut dan ini pun juga merupakan satu perkara yang tidak dilihat dari segi *cost factor*. Kita bercakap soal kos pada hari ini, kita tidak bercakap soal kos sepuluh tahun akan datang.

Projek yang seperti ini saya percaya, sama ada lima tahun lagi, sepuluh tahun lagi, mesti menjadi kenyataan. Sebab kita tidak mahu keadaan negara kita begitu tidak membangun. Kita hendak menjadi negara maju. Kita sediakan apa nama ini Bandar Malaysia. Kita sediakan TRX sebagai pusat apa nama ini *Islamic Financial Centre*. *World Islamic Financial Centre* yang begitu hebat dan akan dihubungkan dengan *high speed rail* ini ke Singapura yang mana kita akan mendapat orang kata pembangunan, kemajuan dari segi pelancongan, perniagaan, *investment* dan sebagainya kepada negara kita. So, satu hari akan menjadi kenyataan. Kalau hari ini kosnya RM20 bilion, berapa bilion? Dua puluh tahun akan datang mungkin *double*. Tidak boleh lah *it could be triple*, dengan izin.

So, kita kena fikir soal jangka panjang jangan melihat kepada, oh! Kerana kita tiada wang, boleh duit daripada Petronas sebanyak RM80 bilion dividen lah. *Special* dividenlah, diambil daripada Petronas. Apa tujuan wang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi untuk rumuskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi lah lebih sedikit. Jadi saya hendak mempertikaikan di sini keputusan kerajaan untuk membatalkan atau menangguhkan *high speed rail project* ini merugikan kepada rakyat dan negara kita yang hendak lagi menjadi sebuah negara yang maju. Jadi negara yang maju tidak lama lagi.

Jadi, akhir sekali lah perkara ini penting. Banyak perkara besar tapi masa tidak sempat nanti orang kampung saya marah kata cakap, "Apa fasal projek besar-besar?" Bukan? Tapi itu *national agenda*, *transformation* ekonomi negara kita ya. Tapi yang pentingnya rakyat, FELCRA ini. Kenapa tidak dapat lagi bantuan sara hidup? Orang-orang FELCRA kampung saya sudah tunjuk perasaan dah, bawa *placard*, membantah kata kenapa tiada bantuan sara hidup dan katanya pihak FELCRA walaupun akan memberikan tidak lama lagi, ia akan diturunkan daripada RM1,000 kepada RM400.

Ini Menteri Pertanian, saya pun tidak faham, menangis, apa dia menangis? Orang kampung la patut menangis. [Ketawa] Berlakon ya hendak tunjuk kepada rakyat, kepada orang ramai yang dia itu prihatin. Tapi yang itu sebenarnya adalah satu gimik, Timbalan Menteri sana itu senyum-senyum sahaja itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Akhir sekali menggulung. Saya haraplah Menteri Pertanian tolonglah bantu, oh yang ini bukan pertanian. Ini sudah menjadi Menteri petani pula, ekonomi pula FELCRA ini. Berubah-ubah sangat banyak. Dulu bawah Kementerian Luar Bandar ini tukar kepada ekonomi. Tukar sana, tukar sini. Kita pun naik pening lah Pakatan Harapan punya cara ini.

Walau bagaimanapun, saya minta kerajaan berilah bantuan secepat mungkin ya. Orang-orang kampung sana dia orang sangat mengharapkan. Kita dulu bantu. Kita tidak payah lah mendabik dada banyak lagi projek kita buat. Terima kasih saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lanang.

4.38 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Lanang untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah Tuanku di dewan ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atas usaha beliau untuk menambahkan penerbangan pesawat ke Sibu dan Sarawak pada masa perayaan Tahun Baru Cina bulan lepas. Bukan sahaja penambahan sebanyak 20 peratus kapasiti penerbangan oleh tiga syarikat penerbangan utama, AirAsia juga telah menambah penerbangan lewat malam dengan tambang rendah dari Kuala Lumpur ke Sibu dan Johor Bahru ke Sibu dengan RM149 sehala pada musim perayaan Tahun Baru Cina.

Ini tidak pernah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional bertahun-tahun walaupun isu ini telah saya bangkitkan banyak kali di dewan yang mulia ini sejak tahun 2013. Jadi saya ingin tahu berapakah rakyat Sarawak yang bermanfaat dan dapat balik ke Sarawak untuk bersama dengan keluarga mereka pada Tahun Baru Cina bulan lepas dengan penambahan *extra midnight flights* ini dan juga penambahan sebanyak 20 peratus kapasiti penerbangan.

Apakah rancangan kementerian untuk perayaan-perayaan yang akan datang termasuk Hari Gawai dan Hari Raya yang akan datang?

■1640

Walaupun sudah ada tambahan penerbangan, saya minta lagi supaya harga tiket penerbangan boleh dikaji semula terutama pada musim perayaan. In disebabkan harga tiket masih tinggi terutamanya pada musim perayaan. Saya bagi contoh Kuala Lumpur ke Sibu pada Tahun Baru Cina yang lepas untuk penerbangan biasa, harga tiket telah mencecah hampir RM1,000 sehala.

Saya dimaklumkan, kajian MAVCOM telah menunjukkan harga siling tidak digalakkan atas sebab komersial dan ketidaksesuaian untuk dijalankan sepanjang tahun. Akan tetapi saya berharap, cadangan menetapkan harga siling pada musim perayaan sahaja boleh dikaji semula dan dipertimbangkan.

Selain itu, saya difahamkan bahawa kerajaan telah menetapkan harga siling ke atas semua laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) yang disediakan oleh MASwings. Akan tetapi harga yang ditetapkan masih agak tinggi dan tidak mampu dibayar oleh rakyat Sarawak yang tidak ada pilihan lain.

Sekali lagi saya ingin minta supaya dapat mengkaji semula harga siling bagi setiap laluan RAS dan mengumumkan harga siling bagi setiap laluan supaya rakyat tahu apakah harga maksimum yang perlu dibayar untuk setiap laluan MASwings. Ini adalah untuk menjaga kepentingan rakyat.

Selain itu, saya ingin minta supaya harga sewa kaunter teksi di Lapangan Terbang Sibu yang terlalu tinggi iaitu sebanyak RM3,000 lebih dapat dikecualikan atau sekurang-kurangnya dikurangkan sebanyak separuh. Ini memandangkan kewujudan GrabCar banyak mempengaruhi *business* pemandu teksi di kawasan teksi terutamanya di Lapangan Terbang Sibu. Jadi, saya minta budi baik Yang Berhormat Menteri untuk bincang dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) supaya dapat menolong golongan teksi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak. Isu ini sudah berkali-kali saya bawa ke Dewan yang mulia ini. Sekarang, Lebuhraya Pan Borneo ini digelar sebagai *Pain Borneo 'Hellway'*. Kemalangan berlaku hampir setiap hari. Saya ingin minta kementerian menyatakan berapakah jumlah kemalangan yang telah berlaku di jalan Pan Borneo ini sejak pembinaan lebuhraya bermula dan bilangan nyawa yang terkorban.

Hampir setiap hari saya terima aduan tentang kerosakan jalan raya dari Sibü ke Bintulu dan Miri. Antara aduan yang saya terima adalah kerja penyelenggaraan jalan raya di Sibü dan Selangau di mana ia boleh dikatakan paling teruk. Keadaan jalan yang berlubang-lubang, tidak rata serta dipenuhi lopak-lopak terutamanya pada musim hujan telah mengundang bahaya serta mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Pada bulan Januari tahun lepas, saya dan wakil rakyat DAP yang lain telah membuat lawatan ke jalan-jalan tersebut yang selalu rosak untuk melihat dengan mata kami sendiri. Pada masa itu, kami sudah mendapati bahawa keadaan jalan raya memang teruk dan sangat berbahaya untuk kegunaan pengguna jalan raya.

Saya juga telah membuat aduan rasmi kepada Kementerian Kerja Raya pada masa itu. Namun begitu, aduan daripada orang ramai berkenaan keadaan jalan tersebut masih berterusan. Oleh itu kami sekali lagi membuat aduan rasmi dan berharap masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Saya ingin berterima kasih kepada pihak kementerian kerana setelah menerima aduan kami, mereka telah mengambil langkah pertama untuk bertindak atas aduan yang telah diberi dengan membuat pemeriksaan bersama pegawai khas Kementerian Kerja Raya terhadap keadaan jalan-jalan tersebut di beberapa tempat.

Oleh itu, kami sekali lagi membuat pemeriksaan dengan pegawai khas Kementerian Kerja Raya, Yang Berhormat Chee See How pada bulan Februari iaitu bulan lepas supaya beliau dan pegawai beliau dapat melihat dengan mata sendiri keadaan jalan raya tersebut.

Memang tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan keadaan jalan raya tersebut adalah teruk dan amat berbahaya. Kami juga telah berjumpa dengan wakil daripada kontraktor-kontraktor Sibü dan Selangau, Lebuhraya Borneo Utara Sendirian Berhad (LBU) dan JKR. Kami telah mendengar dan cuba memahami sebab-sebab keadaan jalan tersebut selalu rosak dan juga masalah yang dihadapi oleh mereka.

Walaupun kerajaan telah meluluskan RM3.43 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala di luar daripada kontrak *Work Package Contractor* (WPC) tetapi saya rasa peruntukan tersebut tidak digunakan secara berhemah kerana keadaan jalan masih teruk. Sebagai contoh, kontraktor telah berjanji untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak dalam masa 48 jam sebelum Tahun Baru Cina yang baru lepas dan telah mengambil masa dua hari untuk memperbaikinya. Akan tetapi selepas dua tiga hari kemudian, kualiti kerja adalah tidak memuaskan dan jalan menjadi rosak lagi.

Saya berharap kementerian boleh memandang serius perkara ini. Saya ingin bertanya, bagaimanakah wang tersebut digunakan dan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan peruntukan tersebut digunakan dengan baik?

Oleh itu, saya rasa kita perlu mencari penyelesaian yang efektif untuk menangani masalah ini dan tidak lagi dibiarkan berlarutan berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun. Selepas pemeriksaan yang dilakukan pegawai kementerian, saya berharap mereka akan membuat pembaikan dan sepatutnya secepat mungkin untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kami juga menghadapi isu gangguan bekalan air di rumah-rumah yang berhampiran dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo terutamanya di kawasan Lanang dan Julau. Saya menerima banyak aduan bahawa ada di antara mereka tidak mendapat bekalan air selama beberapa hari. Malah tidak ada orang yang menghantar air kepada mereka walaupun aduan telah pun dibuat kepada pihak JKR.

Beberapa buah rumah panjang telah meminta tangki biru daripada pejabat saya. Malah permintaan untuk tangki biru semakin meningkat. Saya boleh memberi tangki tersebut tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah mereka. Saya tidak ingin kita seperti kerajaan lama yang banyak membekalkan tangki biru tetapi tidak mengutamakan kepentingan rakyat untuk memastikan mereka mendapat bekalan air terawat pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan tentang kekurangan doktor pakar di Sibü. Sibü terletak di *central region* di Sarawak. Untuk kebanyakan kes kanser atau kes yang lebih serius, pesakit-pesakit perlu dihantar ke Hospital Kuching dan Hospital Kuala Lumpur.

Saya menerima aduan dan diberitahu bahawa dahulu pesakit dan seorang ahli keluarga yang tidak berkemampuan boleh dapat tiket penerbangan atau bas percuma dari

Sibu ke Kuching. Akan tetapi sekarang diberitahu bahawa tidak ada lagi peruntukan untuk membayar tiket penerbangan tersebut.

Saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Saya ingin tahu, apakah bantuan yang dapat diberikan kepada pesakit yang memang tidak mampu untuk mendapat rawatan di Kuching, apatah lagi di Kuala Lumpur.

Oleh itu, saya ada satu permintaan supaya sebuah pusat kanser boleh diwujudkan di Hospital Sibu dan pakar onkologi termasuk jururawat onkologi boleh ditempatkan di Hospital Sibu untuk keperluan pesakit-pesakit di sini. Hospital Sibu memang mempunyai keperluan yang tinggi untuk perkhidmatan pakar onkologi kerana ia bukan sahaja untuk rakyat Sibu tetapi rakyat dari Mukah, Bintulu, Kapit, Julau, Kanowit, Selangau, Sarikei dan sebagainya. Dengan adanya pusat kanser di Hospital Sibu, pesakit dan keluarga mereka dapat menjimatkan kos pengangkutan mereka untuk terbang ke Kuching ataupun Kuala Lumpur.

Selain itu, isu ketidakcukupan tempat letak kereta semakin serius di Hospital Sibu. Masalah ini saya banyak kali bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Apakah rancangan kerajaan untuk membina sebuah tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sibu untuk menyelesaikan masalah yang lama wujud ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi isu penting iaitu tentang kewarganegaraan. Saya ingin meminta Kementerian Dalam Negeri supaya memandang serius dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu mereka yang masih menunggu-nunggu untuk kelulusan permohonan status kewarganegaraan mereka.

Saya menerima banyak aduan di mana permohonan kewarganegaraan mengambil masa menunggu yang terlalu lama. Saya telah banyak kali mencadangkan supaya satu tempoh masa perlu ditetapkan supaya pemohon tahu sampai bila mereka perlu menunggu. Adalah tidak adil kepada mereka yang memohon dan menunggu-nunggu tetapi akhirnya pun tidak mendapat apa-apa jawapan. Biasanya, apabila permohonan mereka ditolak, mereka akan dinasihatkan untuk cuba memohon lagi. Selepas itu tunggu lagi. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kementerian perlu menetapkan satu tempoh untuk setiap permohonan.

Menurut jawapan bertulis yang saya terima pada 13 Mac 2019, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, hanya 38 permohonan kewarganegaraan Malaysia baru yang diterima. Saya rasa maklumat ini mungkin tidak termasuk permohonan yang lama, yang tertunggak. Saya memang faham bahawa setiap kes permohonan perlu diproses dengan teliti agar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, saya minta supaya kes dapat diselesaikan mengikut kategori seperti apa yang telah dilakukan oleh kerajaan tahun lepas iaitu memberi MyKad kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang mempunyai *red IC* iaitu MyPR. Saya minta penjelasan, berapakah jumlah mereka yang berjaya mendapat MyKad dalam usaha kerajaan tahun lepas ini? Berapakah mereka adalah daripada Sarawak?

Satu kategori yang agak *straightforward* dan saya minta diselesaikan secepat mungkin iaitu ibu yang warga asing dan melahirkan anak sebelum mendaftarkan perkahwinan. Anak mereka telah menjadi mangsa dalam kes seperti ini di mana mereka dilahirkan di Sarawak, dibesarkan di Sarawak, belajar di Sarawak tetapi bukan warganegara Malaysia walaupun bapa mereka adalah warganegara Malaysia. Saya berharap kes seperti ini dapat diselesaikan secepat mungkin memandangkan ibu bapa tersebut telah mendaftarkan perkahwinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian istimewa terhadap satu kes kewarganegaraan yang ada di Sibu. Seorang pelajar bernama Cheng May May telah mendapat keputusan SPM cemerlang 10A baru-baru ini, namun beliau sedang menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan kerana tidak mempunyai MyKad atas sebab pendaftaran lewat perkahwinan ibu bapa beliau dilakukan selepas beliau dilahirkan.

■1650

Saya rasa Kerajaan Pakatan Harapan seharusnya membantu golongan ini. Bukan sahaja kerana mereka berjaya dalam pelajaran tetapi ini amatlah penting supaya anak-anak

seperti Cheng May May dapat melanjutkan pelajaran mereka dan seterusnya menyumbang kembali untuk membina semula negara kita.

Saya juga ingin tahu, sama ada *task force* kewarganegaraan di Sarawak yang ditubuhkan semasa pemerintahan kerajaan terdahulu masih berfungsi dengan baik atau tidak? Ini kerana didapati ada banyak kes yang masih tidak dapat diselesaikan walaupun melalui *task force* ini.

Saya minta supaya *task force* tersebut dapat dipertingkatkan dan ditambah baik dan diketuai oleh pemimpin Pakatan Harapan untuk mencari idea dan jalan strategik yang baharu supaya kes-kes yang tertunggak lama ini dapat diselesaikan dengan cekap. Jangan disebabkan masalah-masalah *administrative*, kita kehilangan satu generasi yang dapat menyumbang kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi satu kes yang dihadapi oleh saya sendiri pada Januari 2019 di mana seorang kenalan dari China telah dilarang masuk dan dihantar balik ke China kerana tidak ada RM5,000 wang tunai dalam tangannya semasa di kaunter imigresen. Saya dihubungi untuk membuat penterjemahan untuk menyelesaikan masalah tersebut tetapi pegawai yang bertugas tidak banyak membantu malah tidak bersikap sopan terhadap kami.

Saya difahamkan Timbalan Menteri Dalam Negeri telah membuat lawatan ke pejabat-pejabat atau agensi-agensi kerajaan berkenaan dari semasa ke semasa dan juga selepas saya membuat aduan tentang kes tersebut, saya berharap Menteri boleh memberi penjelasan tentang SOP kemasukan pelancong ke Malaysia kerana ada banyak kes di mana pelancong tidak membawa banyak tunai kerana mereka menggunakan kad kredit ataupun *e-wallet* seperti *Alipay*, *WeChat* dan sebagainya yang luas digunakan di negara China.

Takkan disebabkan mereka tidak membawa tunai berjumlah RM5,000, mereka dihalang untuk masuk ke negara kita yang mungkin akan menyebabkan kita hilang sumber pendapatan daripada pelancong tersebut? Saya juga ingin bertanya, berapakah penterjemah dalam bahasa apa yang telah ditempatkan di setiap kaunter imigresen di KLIA dan KLIA2?

Isu seterusnya. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelancongan tentang *Sibu International Dance Festival* (SIDF) yang telah diadakan sejak tahun 2012 dan mendapat sambutan baik daripada peserta, penari dari banyak negara seperti Rusia, USA, India, Taiwan, *Japan*, Mexico, Brazil, *Singapore*, Thailand, Paraguay, *South Africa* dan lain-lain. Namun, karnival yang membantu menaikkan nama baik Malaysia di persada dunia dalam bidang tarian ini sukar mendapat sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan kebelakangan tahun ini.

Jadi, saya amat berharap Menteri Pelancongan dapat memberi sokongan kewangan kepada karnival tersebut agar karnival ini boleh terus diadakan setiap tahun dan seterusnya memafaatkan rakyat Sibu dan rakyat Malaysia yang berminat dalam bidang tarian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 40 minit lagi.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu Bantuan Sara Hidup Rakyat. Saya ingin mencadangkan supaya bujang yang berstatus OKU perlu diberikan BSH kerana golongan ini perlu diberikan keistimewaan disebabkan mereka memang menghadapi cabaran untuk mendapatkan pekerjaan atau pun mendapat pendapatan yang tetap.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Lama sangat, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Oleh itu, saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberi bantuan yang lebih kepada mereka.

Selain itu, saya ingin memuji Kerajaan Pakatan Harapan yang telah memberi insurans percuma kepada golongan B40 melalui program mySalam. Saya difahamkan sebanyak 3.7 juta rakyat Malaysia yang terkandung dalam golongan B40 akan mendapat manfaat daripada mySalam. Dengan itu, saya ingin minta data, berapakah rakyat Sarawak yang akan mendapat manfaat daripada program ini?

Satu isu lagi boleh? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Saya menerima banyak aduan bahawa pengetua atau guru besar sekarang mempunyai kuasa mutlak dan ada yang disyaki telah menyalahgunakan

kuasa mereka. Saya dimaklumkan berlakunya kes di mana pengetua dalam kawasan Lanang melarang sesetengah pelajar untuk menduduki peperiksaan SPM bagi sesuatu subjek tetapi tidak ada tindakan yang diambil oleh Pejabat Pendidikan Daerah selepas aduan diterima. Aduan yang seterusnya dibuat kepada Jabatan Pendidikan Negeri pun sama, tiada tindakan yang diambil. Jadi saya telah kemukakan kes ini kepada Timbalan Menteri Pendidikan selepas mendengar aduan daripada pengadu.

Saya berharap Kementerian Pendidikan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan saya juga ingin meminta supaya satu sistem di mana guru-guru dan PIBG sekolah atau ibu bapa boleh melaporkan kes sebegini kepada pihak yang berkuasa tanpa berasa risau campur tangan pengetua atau guru besar.

Ada satu lagi kes tentang Pendidikan Khas. Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai *syllabus* untuk Pendidikan Khas yang lebih kepada kemahiran seperti masakan, cuci kereta dan sebagainya. Akan tetapi, tiada peralatan yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah pendidikan khas ini. Pihak sekolah perlu minta bantuan kewangan daripada pihak swasta dan wakil rakyat untuk mendapatkan peralatan yang diperlukan. Saya minta supaya satu peruntukan yang secukupnya disediakan untuk pembelian peralatan pendidikan khas supaya anak-anak yang belajar di sekolah pendidikan khas betul-betul dapat mempelajari suatu kemahiran dan boleh mendapatkan pekerjaan apabila mereka tamat persekolahan.

Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Parit Sulong, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tanah Merah.

4.55 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya mulakan bicara ini dengan menyebut sepotong ayat... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. "*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menyahut seruan Allah dan seruan Rasulullah SAW yang mengajak kamu kepada kehidupan yang sempurna kekal sampai bila-bila. Dan hendaklah kamu mengetahui bahawa Allah itu berkuasa mengubah di antara amalan kamu dan hati kamu. Dan kamu yakinilah bahawa satu masa nanti kamu semua akan dikembalikan bertemu dengan Allah SWT*".

Sheikh Allal al-Fassi dalam kitabnya *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa Makarimuha* telah menjelaskan bahawa tiga perkara asas dalam pembentukan sebuah negara yang terbaik berdasarkan kepada acuan *maqasid* yang disebut dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertama ialah *ihqa qul haq* iaitu memberikan hak kepada mereka yang berhak. Kedua, melaksanakan keadilan atau pun diungkapkan dalam istilah moden iaitu *rule of law*. Melaksanakan *rule of law* dalam sesebuah pentadbiran. Ketiga ialah *good governance* iaitu melaksanakan pentadbiran yang cekap, berintegriti dan amanah.

Apa yang berlaku dalam Kerajaan Pakatan Harapan selepas sembilan bulan? Kalau kita melihat kepada penelitian yang betul-betul, berlaku banyak kecelaruan yang tidak berkesudahan. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata 'A', ada Menteri kata 'B'. Ada Menteri kata ECRL sudah batal. Ada Menteri lain sanggah kata belum batal lagi. Mana satu yang benar, kita pun tidak tahu. Rakyat pun jadi bingung dengan gelagat Menteri Pakatan Harapan setiap hari memeningkan kepala. Belum dicampur dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kimanis tadi supaya buat kereta terbang daripada buluh. Itu salah satu daripada sindiran sinis, pada saya, yang menuntut kepada kejituan dan kompetensi Menteri supaya lebih bertanggungjawab dalam mengeluarkan kenyataan.

Kalau kita hendak senaraikan permasalahan yang menjadi ungkitan pada bibir-bibir rakyat yang ada pada hari ini, di sebalik penentangan terhadap AES sebelum daripada ini, kerajaan tetap meneruskan bahkan akan menambahkan lagi bilangan AES berdasarkan kepada kenyataan pada Disember 2018. Walaupun dikatakan meneruskan apa yang dibuat

oleh kerajaan terdahulu, namun yang malangnya ialah ditambah lagi dengan tidak ada diskaun kepada bayaran saman tersebut.

Lebih malang lagi, ianya disokong dengan hujah-hujah agama. Kononnya dikaitkan dengan *maqasid syarak*, bertepatan dengan *maqasid syariah*. Sedangkan sebelum daripada itu kalau kita bercakap soal *maqasid, hizuddin*, menjaga agama, tidak ada dalam agama Islam menghalalkan penipuan. Tertambah lagi daripada pemerintah kepada rakyat. Berjanji dalam manifesto bahawa akan dihapuskan AES, tiba-tiba dalam pelaksanaannya akan dikuatkuasakan dan didatangkan dengan hujah syarak. Mana syarak ajar kepada kita menipu?

Sebelum daripada guna hujah syarak untuk menghalalkan AES, sebenarnya kerajaan sudah melanggar prinsip *maqasid syarak* iaitu menipu dan ini ditegaskan oleh junjungan kita Nabi Muhammad SAW. *[Membaca sepotong Hadis] "Mana-mana pemerintah yang menguruskan hal ehwal orang Islam, hal ehwal rakyat, tiba-tiba mereka mati dalam keadaan menipu rakyatnya sendiri, maka Allah haramkan Syurga kepada mereka."*

Penegasan ini sangat penting untuk kita sebut kerana saban hari menjadi sebutan bahawa kerajaan yang menjanjikan bulan dan bintang dalam manifesto akhirnya mencabuli apa yang dijanjikan dalam manifesto.

■1700

Kemudian di samping itu, harga sawit yang rendah. Kementerian tiba-tiba mencadangkan tanaman alternatif tanpa ada satu *blueprint* yang sangat jelas, yang mengundang kepada ketawa daripada rakyat. Mana mungkin sawit boleh digantikan dengan buluh. Sangat-sangat mendukacitakan. Kemudian yang disebut lagi, gaji minimum ditetapkan RM1,100 sedangkan dijanjikan RM1,500. Penetapan harga apungan minyak diteruskan, bahkan apa yang disebut-sebut dalam kempen pilihan raya untuk turunkan...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mohon mencelah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...harga minyak, saya tidak ada masa. Nanti saya bagi. Kalau ada masa, saya bagi, iaitu RM1.50...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak, saya nak betulkan fakta tadi. Yang RM1,500 itu dalam masa lima tahun, bukan dalam 100 hari. Saya nak betulkan fakta.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, kalau dalam masa ya, tak apa.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ha! Sehingga RM1,500 dalam satu penggal. Saya nak betulkan fakta. Jangan timbulkan tohmahan, terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih dan kita minta satu jangka masa yang jelas, bila hendak dilaksanakan dalam tempoh lima tahun itu? Jangan bila dekat nak pilihan raya sebab kita tak tahu...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat, dah sebut dah dalam satu penggal. Jangka masa itu jelas lagi bersuluh.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dalam suasana pada hari ini, kita tak tahu barangkali Perdana Menteri boleh bubar Parlimen lebih awal daripada *full term* lima tahun. Macam mana boleh janji lima tahun? Ini janji yang sudah dijangka akan dimungkiri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Janganlah buat tuduhan macam ini Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kemudian seterusnya, bantuan sara hidup kepada golongan bujang, RM100 yang dijanjikan, yang diberikan. Sangat-sangat sambil lewa pada saya kerana ia tidak memikirkan tentang kos yang menjadi himpitan kepada sara hidup rakyat. Kemudian saya beralih kepada isu keadilan yang disebut dalam titah Tuanku mengenai kerajaan harus terus memerangi rasuah. Akan tetapi yang peliknya siasatan rasuah pada hari ini kadangkala tertumpu kepada musim-musim pilihan raya kecil ini adalah korban-korban daripada kami, PAS ataupun daripada rakan di sebelah sini, UMNO yang akan dipanggil oleh SPRM. Sekarang kita berada di ambang PRK Rantau. Barangkali siapa lagi yang hendak dipanggil oleh SPRM? Saya rasa mesti ada yang akan menjadi korban media yang menghukum lebih awal daripada proses perundangan yang ditegakkan secara betul.

Kemudian, saya ingin bertanya tentang status kes yang melibatkan Setiausaha Politik Menteri Pertahanan yang sampai kepada hari ini bila disebut, satu ketika dahulu satu isu yang perlu diselesaikan melalui proses perundangan, tiba-tiba diam. Apa lagi isu yang melibatkan terowong di Pulau Pinang? Sampai tak boleh sebut terowong dalam Parlimen. Tak boleh sebut, satu perkataan yang sensitif. Isu banglo tak boleh disebut. *[Dewan riuh]* Ha! Tengok? Tengok? Bila sebut sahaja terus kepanasan. Apa yang ada di sebalik kes terowong dan juga banglo sepatutnya tidak berlaku *selective prosecution* dalam pentadbiran negara kerana inilah yang dilau-laungkan oleh pemimpin Pakatan Harapan sewaktu berada di sebelah sini untuk melaksanakan *rule of law* dalam negara kita.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat, banyak yang boleh sebut. Isu RM10 juta pun ada di Negeri Sembilan. Negeri Sembilan pun ada RM10 juta, mantan MB. Kalau nak sebut, kena sebut semua. Jangan secara selektif sahaja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi laluan. Ini bercakap, ini sudah melanggar peraturan mesyuarat. Saya tak bagi laluan. Kemudian, saya tak pasti era pemerintahan Pakatan Harapan pada hari ini. Apa status salah guna kuasa Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli yang menggunakan aset kerajaan ketika berkempen pada PRK Cameron Highlands? Satu dunia *viral* video tersebut tetapi tidak ada satu tindakan dan penegasan terhadap perkara ini oleh pihak kerajaan. Apa status kes anak pempinan tertinggi PH yang terlibat dan positif dengan dadah?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Pendek sahaja soalan. Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Bersih ada lagi kah sekarang ini? Bersih. Bersih tak ada tegur apa pun pasal pilihan raya pelik ini.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya rasa Bersih pun sudah terkubur bersama dengan Pakatan Harapan kerana Pakatan Harapan pun dah tak bersih dah, tak bersih dah.

[Dewan riuh]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: PAS boikot media lagi kut?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kemudian, sehingga sekarang tidak ada pendakwaan daripada Pejabat Peguam Negara terhadap mana-mana pemimpin, kaum kerabat dan kroni Pakatan Harapan. Kalau nak campur tangan pun, jangan bagi nampak sangat. Ini tengah-tengah proses mahkamah berjalan, tiba-tiba dengan kuasa yang ada pada Peguam Negara, proses tersebut digugurkan. Kemudian, saya beralih kepada isu kemiskinan. Banyak janji Pakatan Harapan yang dimungkiri. Antara yang paling menyedihkan adalah janji untuk mengurangkan beban rakyat. Saya ingin menarik perhatian semua kepada laporan kemiskinan negeri Kelantan yang dikatakan negeri paling banyak jumlah miskin tegar di Semenanjung.

Rekod eKasih pada tahun 2018 melaporkan sejumlah 7,805 ketua isi rumah Kelantan merupakan miskin tegar. Mengejutkan dan mengecewakan. eKasih pada Februari 2019 menunjukkan peningkatan kepada 8,158 ketua isi rumah yang miskin tegar di negeri Kelantan. Persoalan saya, adakah kerajaan mengakui peningkatan jumlah miskin tegar adalah merupakan kegagalan daripada Kerajaan Pakatan Harapan? Apa yang paling menderitakan apabila bebanan kehidupan sekali gus memungkiri janji Pakatan Harapan.

Saya juga ingin tahu, apakah justifikasi peningkatan jumlah miskin tegar di Kelantan? Apakah kerajaan tiada program dan jangka masa khusus bagi meluahkan segera kelompok miskin tegar ini sehingga sampai waktunya kita menerima laporan jumlah miskin tegar di Kelantan adalah kosong dan jumlah yang paling minimum. Saya mengesyorkan Ahli Parlimen diberi akses kepada pangkalan data eKasih agar bantuan dapat diagihkan dengan lebih cepat dan berkesan. Kita sebagai Ahli Parlimen yang berada di sebelah pembangkang pada hari ini, PAS dan juga UMNO dan barangkali rakan-rakan saya, GPS masih lagi belum menerima peruntukan sebagai Ahli Parlimen.

Sedangkan inilah yang diperjuangkan sewaktu Pakatan Harapan, pemimpinnya bersama dengan kita. Mana mungkin untuk kita laksanakan tugas tanpa ada satu sen peruntukan. Saya difahamkan di sebelah kerajaan sudah pun menerima peruntukan. Ini juga yang membabitkan soal keadilan, hak kepada rakyat. Jangan bercakap soal *maqasid* kalau kita sendiri tak mampu untuk memberikan hak kepada mereka yang berhak. *[Tepuk]* Ini hak rakyat kami, bukan hak kami. Jadi, saya menuntut kepada kerajaan yang dipimpin oleh Yang

Berhormat Langkawi pada hari ini supaya ubahlah daripada perangai lama kepada perangai baharu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pangkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau Menteri Kewangan, Yang Berhormat Bagan ini sebagai penghalang, saya nak Yang Berhormat Bagan digugurkan daripada Kabinet ataupun gantung tugas dia sementara. Siasat kes terowong dulu, baru sambung tugas balik.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Minta celahan sedikit boleh kah?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tak ada masa.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Takut kah?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kemudian dilema penjawat awam. Sehari dua ini kita...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, boleh bagi laluan tak, Yang Berhormat Pengkalan Chepa?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...sibuk menyebut pengecilan sektor awam.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tak bagi laluan, saya tak ada masa.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Boleh terangkan tak bagaimana *you* tak dapat peruntukan? Boleh terangkan? Jelaskan. Yang Berhormat Pengkalan Chepa kata tak dapat peruntukan, boleh terangkan tak bagaimana kamu katakan yang kamu tak ada dapat peruntukan?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bagaimana tak dapat? Bila kerajaan tak bagi, tak dapatlah. Takkan itu pun tak faham?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tahu tak Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Pengkalan Chepa tahu tak?

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Nak minta peruntukan, mintalah dengan baik, dengan cara yang baik. Boleh tak?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa tahu tak, kalau semua nak gunakan peruntukan, perlu mohon. Kita perlu mohon dengan ICU. Kita tak macam PAS atau apa, ada orang masuk wang ke dalam akaun anda. Kita tak ada macam itu. Kita nak pakai peruntukan, kita perlu mohon dengan ICU.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk, duduk. Saya tak bagi laluan, saya tak bagi laluan dan jangan fitnah. Jangan fitnah PAS.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Kota Melaka, siapa masuk wang dalam akaun kita?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kenapa tak berani teruskan proses mahkamah? Kenapa nak *settle* di luar mahkamah?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Siapa masuk? Yang Berhormat Kota Melaka, siapa masuk? *You* kata masuk akaun? Siapa masuk? Tolong bagi tahu nama. Ada orang? Siapa dia? Beruang kah? Lembu kah?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Jangan pandai tuduh sahaja Yang Berhormat Kota Melaka, jangan pandai tuduh sahaja.

[Dewan riuh]

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sensitif. Ini kata yang sensitif sebenarnya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Jangan pandai tuduh sahaja, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Minta penjelasan. Kita biar SPRM siasat dan biar SPRM...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi laluan.

[Dewan riuh]

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Lain kali jangan mudah bagi kenyataan. SPRM dah sahkan tidak ada duit RM90 juta masuk akaun PAS.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Minta penjelasan boleh tak?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Dah ada kenyataan rasmi SPRM. Yang Berhormat Kota Melaka tak baca kah?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dan disahkan dalam Dewan ini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sangkaan jahat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...tidak ada satu pemimpin PAS pun yang terlibat dengan rasuah yang didakwa. Pengesahan dalam Parlimen. *[Tepuk]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kenapa tarik balik hah? Kenapa tarik balik?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ini penipu ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Baru-baru ini Yang Berhormat Johor Bahru dah tarik balik dah kenyataan, Yang Berhormat Johor Bahru dah tarik balik dah baru-baru ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak payah, memang fakta! Memang fakta! Kenapa hari itu tarik balik? Tarik balik saman? Teruskanlah kalau berani kerana benar!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi laluan dan saya nak teruskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Siapa masuk? Sekarang tuduhan kata ada orang masuk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Apa takut sangat? Apa sensitif sangat?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kota Melaka, kalau berani, saya cabar tuduh dan sebut dekat luar Parlimen!

[Dewan riuh]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: SPRM dah buat pendedahan, tak ada!

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Tarik, Yang Berhormat Kota Melaka, tarik!

[Dewan riuh]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya nak tanya PAS, kenapa tarik balik saman?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk! Duduk! Saya tak bagi laluan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Kalau berani, teruskan saman! Teruskan saman kalau berani!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk! Duduk!

Seorang Ahli: Kenapa tarik balik? Beri penjelasan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita tarik balik sebab ada orang minta mahu tarik balik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak ada! Memang PAS yang tarik balik sebab tak berani teruskan!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk!

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Memang PAS takut sebab tak benar!

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: SPRM dah bagi kenyataan, SPRM dah bagi kenyataan. Tidak ada akaun masuk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Memang ada bukti!

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tak baca kah kenyataan SPRM? Tak baca kah?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuduhan. Ini terowong betul, tahu!

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Takut dengan terowong kah?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Biarkanlah SPRM siasat. Masih dalam siasatan, kenapa mesti nak bangun bincang dalam ini?

Dato' Hj Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terowong banyak, terowong banyak.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Rasah, risaukan terowong itu, Yang Berhormat Rasah. Terowong, terowong lagi besar masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, masa tinggal 44 saat sahaja lagi. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terowong lagi besar, Yang Berhormat Rasah.

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa. Sila rumuskan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya boleh rumuskan tapi rumusan ini masih panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tambah sikit lagi.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Okey, menurut PERKESO pada tahun 2018 seramai 23,525 orang telah hilang pekerjaan. Majoriti yang hilang pekerjaan berpendapatan bawah daripada RM2 ribu. Maklum balas yang saya terima di bawah sangat menekan rakyat. Buruh binaan contohnya semakin tiada pekerjaan akibat kurangnya projek pembangunan. Jika dulu seorang pekerja buruh binaan boleh mendapat kadar upah RM70 sehari, namun pada hari ini, RM50 sehari.

Saya ingin memetik kata-kata penasihat ekonomi kepada kerajaan iaitu Dr. Muhammed Abdul Khalid menghuraikan dalam buku dia, amalan dan layanan berat sebelah yang memihak kepada tenaga kerja buruh Melayu wujud secara jelas dalam sektor swasta bukan milik bumiputera ini dicerminkan oleh gaji rendah pekerja bumiputera, kenaikan gaji yang dilambatkan dan peluang latihan yang terhad. Katanya, hakikat ini mungkin menjadi punca kewujudan jurang kekayaan antara kaum dan kaum Melayu dan bukan Melayu terutama sekali bumiputera yang sukar dikenal pasti oleh pemerintah. Apa tindakan pemerintah terhadap kenyataan daripada penasihat ekonomi kerajaan. Jangan kata tipu. *You* tidak tahu apa, dia yang lebih tahu, dia pakar dalam bidang ekonomi.

Seorang Ahli: Dilantik oleh kerajaan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dilantik oleh kerajaan dan saya hendak tegaskan sering kali disebut oleh pemimpin di sebelah sana supaya kita PAS jangan, pesan Tok Guru supaya jangan berbaik dengan UMNO. Tok Guru pernah sebut waktu Julai tahun 1974, gabungan kerjasama di antara PAS dengan UMNO ini akan membawa nikmat dan untung kepada rakyat. *[Tepuk]* Ini yang membimbangkan Pakatan Harapan, yang membimbangkan mereka. Mereka sudah tahu ini adalah merupakan kerajaan

terakhir bagi mereka pada penggal ini *insya-Allah*. Pada masa akan datang, saya tidak mahu lagi, mungkin saya tidak berada lagi dalam Dewan ini di sebelah sini, *insya-Allah* kita akan berpindah ke sebelah sana. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pengkalan Chepa, saya sudah bagi masa tambahan sudah. Sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya dengan ini, walaupun dikatakan macam-macam kepada UMNO. UMNO sudah melalui proses *tasfiah*, pembersihan. *[Dewan riuh]* Ramai di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang dituduh, yang didakwa sebagaimana dikehendaki oleh pemimpin Pakatan Harapan sedang menghadapi proses mahkamah.

Seorang Ahli: Siapa bersihkan ini?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sedang menghadapi proses mahkamah, yang mengecewakan kita bila Yang Berhormat Bagan sahaja disebut tentang isu banglo, digugurkan daripada pendakwaan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terowong, terowong.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Akan tetapi pemimpin UMNO seperti Yang Berhormat Bagan Datuk, seperti Yang Berhormat Pekan, sedang menghadapi proses mahkamah. Jadi sekarang ini penyakit yang disebut-sebut dulu telah sedia berpindah dengan sepenuhnya kepada Pakatan Harapan. Oleh sebab itu kita tidak boleh bekerjasama dengan Pakatan Harapan walau apa disebut sebagai alasan tetapi yakin dan percaya rakyat di bawah tetap akan...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pakatan Harapan tidak bagi RM90 juta, memanglah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terutama DAP...

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Tidak boleh kerjasama itu masalah kamu!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak bagi RM90 juta. Itu yang boleh kerjasama.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang sekarang ini DAP menjadi liabiliti kepada Pakatan Harapan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Itu justifikasi untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau Pakatan Harapan hendak selamat, buang...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: RM90 juta punya fasal.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...Parti yang anti kepada Islam seperti DAP daripada Pakatan Harapan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan buat tuduhan. Jangan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, tarik balik. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sudah tamat masa. Minta Ahli Yang Berhormat hormati Dewan.

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Kena tarik balik itu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya teruskan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Izinkan saya membaca.

Seorang Ahli: Dia tidak minta.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Adalah menjadi kesalahan, ini *floor* saya ya. “Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan”. Ini Peraturan Mesyuarat 36(4). [Disampuk] “Menggunakan bahasa kurang sopan, biadab atau membuat kenyataan seksis”. Saya minta menggunakan peraturan mesyuarat ini untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa menarik balik kenyataan bahawa DAP itu anti Islam dan apa tadi? Boleh... [Dewan ketawa]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ha! Itulah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh mengaku, boleh mengaku. Tidak berani hendak mengaku.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tidak berani hendak mengaku anti Islam.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita dengar Yang Berhormat Batu Kawan dulu. Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bahawa parti DAP itu anti Islam. Saya minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa menarik balik kenyataan itu.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pendang, duduk Yang Berhormat Pendang. [Dewan riuh]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa menarik balik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sebab ucapan tadi pun tidak dapat kebenaran. Dia ganggu, *provoke*. Jadi keluar perkataan-perkataan yang kita tidak ada... Ini ganggu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Itu tidak ada kaitan dengan apa diucapkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa! Apa ini?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi tidak dapat kebenaran daripada orang yang bercakap untuk bercakap. Ini *floor* Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, *don't pretend like you don't know what you said*.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini *floor* Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Dia bangkit terus bangun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa bagi penjelasan sedikit. Yang Berhormat Pengkalan Chepa sahaja. Minta Ahli Yang Berhormat yang lain duduk, minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sangat budiman. Saya tidak mahu bagi penjelasan panjang. Cuma satu perkataan saya hendak tanya kepada DAP dan sebut secara jujur dalam Parlimen ini, adakah DAP bersetuju dengan agenda yang PAS bawa untuk menegakkan hukum dan syariah Islam dalam negara kita? Kalau dia tidak setuju kepada hukum Islam...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini *misleading* Tuan Yang di-Pertua.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau DAP tidak bersetuju kepada hukum Islam sehingga membawa kepada perpecahan Pakatan Rakyat sebelum ini...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, isunya adalah Yang Berhormat Pengkalan Chepa melontarkan tohmahan terhadap parti DAP, menyatakan parti DAP itu anti Islam.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak setuju dengan Islam maknanya anti kepada Islam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Itu sama sekali tidak benar!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Apa yang hendak ditarik balik? Memang betul...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Please don't – please don't confuse the House.* Ini mengelirukan Dewan! *Please don't confuse the House.* Yang Berhormat Pengkalan Chepa, *you are better than this, I know. Don't do this.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini *misleading*. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You are bigger than this, you are better than this.* Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang perlu ditarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Tolong jangan mengelirukan Dewan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Perkataan yang dikeluarkan ialah anti Islam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: DAP bukan parti yang anti Islam.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini cubaan hendak *misleading* Dewan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bukan parti *racist* seperti yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Daripada situlah bermulanya perpecahan Pakatan Harapan. *[Disampuk]* Tidak ada. Saya tidak akan tarik balik. Memang anti kepada Islam, tidak suka kepada Islam, tidak suka kepada hukum Islam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini kah ajaran agama ini Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Memang itu kerja DAP.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Untuk melontarkan fitnah dan tohmahan. Adakah ini ajaran...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tolong jawab soalan saya, kalau setuju, tidak anti kepada Islam, adakah setuju dengan hukum Islam?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Bukan itu soalnya. Soalnya sekarang adakah Yang Berhormat Pengkalan Chepa akan menarik balik tohmahan terhadap parti DAP?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak setuju! Tidak setuju dengan hukum Islam, maknanya anti kepada Islam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Menyatakan parti DAP sebuah parti yang *racist* dan anti Islam. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Islam ini bukan milik PAS saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak benarkan secara yang tidak bersopan. Saya harap...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik...

Beberapa Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: No, ia adalah satu kenyataan yang mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh rujuk *Hansard* yang kalau buat, untuk rujuk pada *Hansard* Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, ia adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Adakah Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak bersetuju dengan saya? Adakah Pengkalan Chepa akan menyatakan saya tidak keluarkan *statement* itu?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengaku dan buat kenyataan dia tidak mahu tarik balik.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mengaku, mengaku! Jangan menipu dalam Dewan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil daripada DAP sendiri boleh jawab.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tidak kata tadi DAP parti yang *racist*. Tidak kata tadi DAP parti yang anti Islam. Tidak kata. Bukan fitnah kah yang itu? Mengaku...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, itu memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat. Buat rujukan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Parit Sulong, sila bangun berucap.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa sudah mengaku bahawa beliau mengeluarkan pernyataan...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Peraturan, peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Parti DAP adalah parti yang anti Islam dan *racist*. Beliau telah mengaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Kita akan rujuk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Please ask him to retract the statement and apologize.* Tuan Yang di-Pertua, *please make a ruling.*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada peraturan, peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sudah mengaku Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(6). Yang Pengkalan Chepa telah mengeluarkan sangkaan jahat ke atas Ahli-ahli lain termasuk Ahli DAP. Saya meminta Yang Berhormat Pengkalan Chepa tarik balik perkataan tersebut.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak sebut nama Ahli mana-mana.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak sebut Ahli.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Mana ada sebut?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ahli-ahli DAP termasuk... *[Dewan riuh]*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak sebut...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Mana ada sebut?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ahli-ahli Dewan Rakyat di sini.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Mana ada sebut nama Ahli mana-mana.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak sebut pun.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ini termasuk dalam peraturan tersebut kerana...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya sebut parti.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh rujuk *Hansard* esok, kalau ada sebut nama mana-mana Ahli.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya sudah tanya, adakah anti kepada Islam, adakah terima hukum Islam? Tidak terima. Bila tidak terima itu anti Islam. Apa lagi hendak diungkapkan?

Beberapa Ahli: Betul, betul! [*Dewan riuh*]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sila duduk.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Satu fitnah yang sangat jahat oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bukan fitnah, ini realiti, kenyataan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Seorang Ahli: DAP sendiri boleh tarik, DAP sendiri boleh tarik kenyataan itu dengan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Jawab. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa kena tarik. Dia buat tohmahan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak layak sebagai wakil rakyat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak layak duduk di sini sebagai wakil rakyat dalam Dewan yang mulia. Kalau... [*Pembesar suara dimatikan*]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: Tidak mengaku ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa sudah mengakui buat tohmahan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Satu Ahli Parlimen telah mengeluarkan kenyataan yang cukup *racist* terhadap parti yang lain. Tuan Yang di-Pertua, *you must make a ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *He has admitted to it.* Beliau telah bersetuju dan mengaku telah mengeluarkan kenyataan tersebut.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa keluaran kenyataan yang memecahbelahkan rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tarik balik dan satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Batu Kawan dan... *[Disampuk]* Ya, minta penjelasan daripada apa yang telah dibangkitkan tadi. Sila buat penjelasan tentang apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: Sudah, duduklah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta yang lain senyap.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya sebut ungkapan saya tadi, minta parti, wakil rakyat mewakili DAP jawab soalan saya. Adakah mereka boleh terima agenda yang dibawa oleh PAS dan sekarang ini bersama dengan UMNO untuk memartabatkan Islam?

■1720

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua ini bukan soalan Yang Berhormat Pengkalan Chepa

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan nanti.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, betul saya...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Beliau mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini bukan soalan pokok. Kenyataan lontaran, tohmahan itu adalah pada masa kesudahan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini soalan yang berkaitan. Sila duduk, sila duduk.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pada masa kesudahan, kehabisan ucapan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Kalau semua orang boleh bangun Tuan Yang di-Pertua.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini adalah isu yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan, saya hendak minta penjelasan dulu daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. *On kan mic.*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya sudah sebutkan saya mengatakan bahawa DAP anti kepada Islam sekiranya mereka tidak boleh menyatakan bersetuju dengan agenda yang dibawa oleh PAS dan sekarang ini bersama dengan UMNO

Barisan Nasional untuk memartabatkan Islam, mempertahankan ummah Islam dan melaksanakan syariah Islam. Dia tidak berani, makna dia anti kepada Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa, baik. Saya minta Yang Berhormat Batu Kawan rujuk balik apa Yang Berhormat Batu Kawan bangkitkan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan kenyataan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tadi Yang Berhormat Pengkalan Chepa sudah mengaku bahawa beliau mengeluarkan kata-kata tersebut dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Diminta tarik balik, baik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tidak membawa isu yang baharu ini. Baru hendak bawa isu, minta pendapat dari DAP konon baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Isu sebelumnya lontaran tohmahan itu *there is no action taken on it*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *This is a precedent because we will start accusing each other on both sides of being racist. It will never end.*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, ini fitnah dan juga satu hasutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Bukit Bendera, saya minta rujuk *Hansard* dan buat rujukan kepada *Hansard*. Baik, saya ingin meneruskan lagi perbahasan dan ingin menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

5.22 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 15 minit.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ya. Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya membuat ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Tuanku baru-baru ini. Jadinya perkara pertama yang hendak saya bawa ke dalam Dewan Rakyat ini adalah mengenai ekonomi bumiputera.

Saya hendak mulakan ini dengan mengangkat semula isi kandungan Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Oktober 2018 yang lepas. Antara isi penting yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu adalah untuk meningkatkan keupayaan bumiputera dalam pekerjaan bergaji tinggi, membangunkan pembangunan kecil dan sederhana yang berdaya tahan bagi menembusi pasaran dunia.

Bila kita semak semula janji kerajaan untuk meningkatkan keupayaan bumiputera dalam sektor pekerjaan bergaji tinggi ini, pada hemat saya janji ini telah jauh daripada sasarannya. Oleh sebab pada hakikatnya selepas 10 bulan mentadbir kerajaan, Pakatan Harapan hanya dapat meningkatkan kadar pengangguran dalam kalangan bumiputera. Dalam tempoh 10 bulan yang pertama, 17,000 penjawat awam telah digugurkan, 1,000 pekerja projek ECRL telah ditamatkan perkhidmatan, 20,000 pekerja MMC-Gamuda yang terlibat dalam projek MRT telah dihentikan dan baru-baru ini mengikut satu laporan media ada melaporkan 12,000 pengawal keselamatan sekolah yang majoritinya golongan daripada golongan B40 kehilangan pekerjaan akibat daripada dasar dan polisi kementerian yang meningkatkan waktu *shift* bekerja.

Kalau kita kira di sini saja telah ada terdapat 50,000 rakyat yang terjejas. Ini belum lagi dikira dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang

ingin mengurangkan lagi sektor perjawatan awam sebanyak satu persen. Lagi satu baru-baru ini saya agak keliru apabila membaca satu kenyataan mengenai inisiatif ekonomi bumiputera. Kelirunya sebab ada dua pandangan yang berbeza yang pertamanya, dasar yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi itu sendiri dan yang keduanya, melalui kenyataan media yang dibuat oleh Yang Berhormat Port Dickson.

Yang Berhormat Menteri Ekonomi pada pasca PRK Semenyih, dia ada menyatakan mengenai kepentingan untuk Pakatan Harapan memenuhi satu agenda bumiputera sebagai salah satu daripada agenda nasional yang perlu dicapai oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Namun kenyataan ini kita tengok banyak disangkal oleh pimpinan Pakatan Harapan yang lain yang merasakan bahawa agenda bumiputera tidak termasuk dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Port Dickson semasa memberi ucapan di Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara pula ada menyatakan bahawa kerajaan akan merangka satu dasar ekonomi yang akan membantu semua tanpa mengira kaum dan membawa pendekatan polisi yang lebih liberal tanpa mengira kaum minoriti ataupun majoriti.

Jadinya saya melihat ini dua dasar yang berbeza. Jadinya kecenderungan untuk memperkasa Bumiputera ini mungkin tidak ada dalam aspirasi Pakatan Harapan. Jadinya di sini saya ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya dasar kerajaan mengenai perkara ini terutamanya adakah kerajaan akan melancarkan satu perkara mengenai agenda bumiputera dan adakah ada agenda yang baharu yang hendak diperkenalkan oleh kerajaan hasil daripada apa yang dikatakan terutamanya oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi itu sendiri baru-baru ini.

Soalannya lagi adakah satu dasar ekonomi yang hendak diperkenalkan ini sama dengan Dasar Ekonomi Baru tapi mungkin dijenamakan semula ataupun ia nanti akan ada satu lagi agenda yang dimaksudkan yang mungkin Teraju akan dijadikan pelaksana utama bagi agenda bumiputera. Jadinya saya mohon...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Penerangan dan juga jawapan dalam Dewan ini untuk mengetahui mengenai agenda bumiputera ini sama ada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ia akan dilaksanakan atau tidak, silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Agenda bumiputera. Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh pada Bajet 2018, kita berikan RM30 juta untuk satu program yang dinamakan sebagai Bumiputera *Enterprise Enhancement Programme* (BEEP) tetapi pada Bajet 2019 yang RM30 juta itu hanya tinggal RM3 juta, 10 persen daripada peruntukan sebelumnya. Adakah ini menandakan agenda bumiputera ketika rejim PH ini semakin berkurang?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, yang itu kita biarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Tetapi kalau secara kasarnya kita nampak penekanan mengenai agenda Bumiputera ini tidak ditekankan terutamanya oleh Kerajaan Pakatan Harapan baru-baru ini.

Saya hendak bercakap secara ringkas mengenai *Special Scheme Inspection* ataupun dengan singkatannya disebut SSI. Oleh sebab memandangkan pelaksanaan SSI ini melibatkan kos yang sangat tinggi dan dalam waktu yang sama ia tidak dapat dimanfaatkan oleh IKS kerana ia direka khas untuk industri besar seperti *oil and gas* serta jana kuasa.

Ianya Tuan Yang di-Pertua lebih kepada di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jadi sehubungan dengan itu saya hendak tahu dalam usaha untuk membangunkan industri IKS ini agar industri ini mampu memberi persaingan di peringkat global, saya hendak bertanya kepada Menteri Sumber Manusia, apakah langkah-langkah yang diambil oleh JKKKP supaya SSI ini dapat memberi manfaat kepada IKS.

Seterusnya mengenai satu perkara yang dekat dengan masyarakat terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong iaitu secara khusus mengenai komoditi sawit dan nasib pekebun kecil di sana. Saya di sini menyampaikan keluhan pekebun-pekebun kecil di kawasan saya. Sudah banyak kali juga kita bawa ke dalam Dewan ini tetapi semakin hari

semakin terhimpit dengan kejatuhan harga komoditi sawit yang dilihat seolah-olahnya tidak dapat dikawal oleh pihak kerajaan. Para pekebun merasakan seolah-olah kerajaan langsung tidak menghiraukan kehidupan mereka. Sudahlah kos sara hidup semakin meningkat, pendapatan mereka pula tidak bertambah, malahan semakin berkurang.

Dengan penarikan subsidi untuk pekebun kecil pada pembentangan bajet yang lalu, Kementerian Industri Utama dilihat langsung tidak membantu pekebun kecil malah menambahkan sakit mereka dengan cadangan yang tidak munasabah seperti menyarankan agar pekebun kecil ini mengusahakan tanaman buluh sebagai tanaman alternatif. Cadangan ini langsung tidak membantu pekebun kecil untuk meningkatkan pendapatan mereka bahkan cadangan seperti ini hanya dapat menambah kos mereka dalam mengusahakan tanaman baru yang masih tidak nampak lagi potensi pasarannya di Malaysia.

Segala inisiatif yang dikemukakan oleh kementerian seperti pengenalan Kelab Duta Sawit dan '*Kempen Sayangi Sawitku*' tidak mendatangkan kesan langsung pada pasaran sawit.

■1730

Jadi yang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan sepanjang 10 bulan kerajaan memerintah ini, apa sahaja usaha kementerian dilihat tidak berkesan dan tidak berjaya. Jadinya, apakah perancangan dalam meningkatkan lagi peningkatan pekebun kecil secara langsung. Jika kementerian serius untuk membantu pekebun sawit mengusahakan tanaman baru seperti buluh seperti yang diuar-uarkan, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan kepada Dewan ini apakah potensi pasaran buluh ini. Berapakah jumlah eksport buluh yang dijangka boleh dikutip berbanding dengan jumlah eksport sawit.

Sejauh mana kesediaan kementerian membantu melestarikan tanaman buluh ini, menyediakan ruang pasaran dan siapakah yang berpotensi untuk membeli hasil buluh berbanding dengan sawit. Saya tidak mahu mendengar cadangan hanya sekadar cadangan sahaja kerana ia mestilah sebuah cadangan yang berpandukan kertas kerja terperinci mengenai potensi pasaran tanaman tersebut.

Untuk makluman Dewan juga sekarang ini ramai pekebun kecil sawit mengeluh. Ini adalah kerana selain daripada harga yang rendah, mereka juga terpaksa mengeluarkan belanja untuk terlibat dalam program pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak sebenarnya belanja yang terpaksa dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil ini.

Pada 8 Mac Tuan Yang di-Pertua, besar ertinya kepada golongan wanita antarabangsa kerana ini adalah satu tarikh di mana wanita akan beramai-ramai menyambut Hari Wanita Antarabangsa. Namun saya amat terkilan kerana sambutan baru-baru ini, sambutan Hari Wanita baru-baru ini di ibu negara diselitkan dengan elemen tidak bermoral, LGBT yang secara terang-terangan bertentangan dengan syariat Islam dan nilai sosial di Malaysia.

Saya difahamkan himpunan ini himpunan haram dan saya difahamkan juga ianya tidak mendapat permit daripada pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi saya hairan mengapa seolah-olah tidak ada satu tindakan yang tegas ataupun tahanan yang dibuat oleh pihak berkuasa terhadap penganjur himpunan ini. Kalau sebelum ini penganjur Himpunan Kebangkitan Ummah dipanggil oleh pihak berkuasa kononnya kerana melanggar Akta Perhimpunan Awam.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagaimana pula dengan Himpunan Hari Wanita ini, minta maaf sebab tinggal empat minit sahaja. Kemudian *you* boleh bercakap dalam *you* punya perbincangan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Okey, boleh. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagaimana pula dalam Himpunan Hari Wanita ini jelas secara terang-terangan mencabar ajaran agama Islam sebagai Agama Persekutuan kita. Apa tindakan tegas yang dibuat dan diambil oleh pihak kerajaan terhadap penganjur sambutan ini. Adakah kerajaan pada hari ini terlalu dangkal dalam memartabatkan syariat Islam sehingga individu-individu yang bertanggungjawab membawa elemen yang tidak bermoral ini dibiarkan bebas begitu sahaja.

Saya juga ada membaca satu laporan mengenai tindakan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah meluluskan sejumlah dana terhadap pertubuhan yang dinamakan *Sisters in Islam*. Jadi, saya mohon penjelasan pada pihak kementerian adakah perkara ini benar? Kalau ianya benar, bagaimana pula *standing* dengan izin, kementerian terhadap SIS ini yang telah diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor pada Julai 2014 kerana berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang menyeleweng kepada agama Islam. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini.

Selepas itu saya juga hendak bercakap mengenai pelaksanaan i-Suri. Ada disebut di dalam Titah Tuanku mengenai pentingnya kerajaan untuk membantu golongan miskin khususnya ibu tunggal dan antara inisiatif yang dikemukakan oleh pihak kerajaan adalah dengan pelaksanaan i-Suri. Jadi, sehubungan dengan itu saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah sebenarnya inisiatif ini akan dilaksanakan memandangkan ada beberapa persoalan yang masih belum terjawab.

Contohnya, mengenai pelaksanaan potongan RM10 untuk tujuan caruman PERKESO. Walaupun soalan ini telah diutarakan di dalam MQT tetapi ianya dilihat tidak memberi penjelasan yang— kerana itulah saya memohon penjelasan lebih lanjut mengenai soalan saya ini kerana kajian, kalau sekiranya ia masih di dalam kajian, kita dapat melihat bahawa kerana di dalam Akta PERKESO itu sendiri definisi PERKESO adalah kecederaan dan kemalangan sewaktu bekerja dan bagaimanakah bila ianya bergantung kepada seorang suri rumah. Bagaimanakah takrif kepada suri rumah itu akan dikenakan. Saya juga ingin bertanya sekiranya perlukan *amendment* di dalam Akta PERKESO itu bilakah akta ataupun *amendment* itu akan dibawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa satu isu mengenai isu pencemaran alam sekitar yang berlaku di Pasir Gudang. Baru-baru ini saya sempat menziarahi mangsa kejadian dan banyak juga maklum balas yang saya terima dan saya akui bahawa menjadi semakin bertambah parah berpunca daripada kelewatan daripada Kerajaan Negeri Johor dan beberapa agensi lain untuk bertindak. Hanya setelah lima hari kejadian berlaku, kita dapati lebih ramai pelajar sekolah kita tengok ada yang *effect*-nya muntah-muntah.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya hendak mengucapkan terima kasih kerana setelah ianya telah berlaku banyak sudah agensi kerajaan dan dilihat untuk membantu. Akan tetapi persoalan yang saya hendak bangkitkan adalah mengenai SOP daripada pihak kerajaan mengenai perkara ini. Apakah perancangan dan juga SOP kementerian dalam menangani isu-isu pencemaran di negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 20 saat lagi. Sedikit lagi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Kalau sekiranya sebelum ini untuk banjir kita ada bencana banjir. Tsunami kita pernah ada tsunami ada berlaku dan kemudian dibuat SOP. Jadinya berbeza dengan negara luar, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi contoh di Sweden saya tertarik dengan satu laporan berita mengenai seorang pelajar, saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, teruskan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Mengenai seorang pelajar yang bernama Greta Thunberg. Umurnya baru 16 tahun. Kenapa saya katakan saya tertarik sebab beliau telah berjaya menarik perhatian dunia luar dengan memulakan satu tunjuk rasa ataupun protes di hadapan Parlimen Sweden mula-mula berseorangan sahaja. Kemudian dia meningkatkan kesedaran mengenai isu pemanasan global dan tindakan beliau ini seterusnya menjadi ikutan dan inspirasi pelajar di UK seperti di London dan di Bristol.

Jadinya saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, kepada kerajaan supaya mungkin kita boleh mulakan kesedaran mengenai peri penting penjagaan alam sekitar ini daripada peringkat awal usia. Bukan setelah satu-satu bencana berlaku dan kerana itulah saya ingin bertanya mengenai SOP khas untuk bencana luar jangka ini dan adakah kerajaan mempunyai apa-apa pelan proaktif untuk alam sekitar daripada sekarang.

Oleh kerana itulah juga saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian menyediakan satu pelan khas untuk bencana luar jangka seperti yang terjadi baru-baru ini, sisa-sisa kimia dan supaya ianya juga diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara

sebagai langkah persiapan untuk masa yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tanah Merah.

5.38 ptg.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih dan syukur *alhamdulillah* hujan. Agar hujan ini boleh menyejukkan dalam Dewan kita yang panas ini, terima kasih.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk sama-sama menjunjung kasih atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya cuba bahas dalam yang asalnya 20 minit sudah jadi 15 minit, saya akan cuba dalam jangka masa yang diberikan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Kita bersidang di Dewan yang mulia ini ketika dunia masih lagi berkabung.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia baru hendak mulalah ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kawan lama. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Kanda Pasir Salak bagilah *chance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Itu *your floor*.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Baru mukadimah sudah hendak kacau sudah, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada kacau.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey bagi saya habis dan Yang Berhormat Pasir Salak boleh celah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hei! Orang Borneo jangan campurlah. Ini penjelasan. Sedikit sahaja, *one second*.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, *one second*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya ini daripada Tanah Merah apa sebabnya pergi melompat ke sana itu? Terima kasih. *[Ketawa][Dewan riuh]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Tanah Merah, teruskan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Nanti saya cerita, panjang lebar tidak sempat 15 minit. Okey, Tuan Yang di-Pertua saya percaya kita masih lagi, dunia masih lagi terkejut dan berkabung tentang dengan serangan biadab dan tidak berperikemanusiaan oleh serangan pengganas kulit putih warganegara Australia, Brenton Tarrant yang membunuh lebih daripada 50 dalam serangan ke atas dua buah masjid di Christchurch, New Zealand.

■1740

Semalam pun Dewan Rakyat yang mulia ini telah mengutuk keras keganasan yang mengorbankan nyawa di Masjid Al Noor dan Masjid Linwood tersebut. Atas nama ketuanan orang kulit putih, Brenton Tarrant melakukan pembunuhan yang disiarkan secara langsung

dalam *Facebook*-nya. Segala-galanya disebabkan ketaksuban dan sikap fanatik yang diselubungi kebencian yang mendalam terhadap golongan pendatang dan umat Islam. Kebencian yang itu juga di inspirasi daripada kenyataan atau ucapan ahli-ahli politik tertentu. Tragedi yang berlaku di salah sebuah negara paling aman di dunia ini memberi peringatan kepada kita bahawa sentimen kebencian mampu mencetuskan keganasan dan ia sudah tentulah bagaikan telur di hujung tanduk bagi negara-negara yang mempunyai berbagai-bagai kaum dan agama seperti di negara kita.

Mengambil pengajaran dan iktibar daripada tragedi itu, saya dengan rendah diri ingin mengingatkan kita semua yang berada dalam Dewan ini agar memahami tanggungjawab kita sebagai ahli politik untuk melindungi negara ini daripada di semarakkan dengan sentimen kebencian dalam usaha kita meraih kuasa politik. Tidak perlu kita menjadikan sentimen perkauman atau agama sebagai modal meraih sokongan kerana ia ibarat memasang bom jangka yang akhirnya boleh meletakkan Malaysia negara yang kita cinta ini berada di kedudukan yang benang jadi arang, yang kalah jadi abu.

Nasihat dan pandangan saya ini bukan sahaja ditujukan kepada sahabat-sahabat di blok pembangkang tetapi juga rakan-rakan dalam kerajaan. Masih ada banyak lagi isu yang boleh dijadikan sandaran untuk meraih sokongan rakyat dan bukannya menggunakan isu kaum atau agama.

*Datang ke Parlimen naik kereta,
Demi perjuangan untuk rakyat jelata,
Berhati-hatilah dalam berkata-kata,
Bimbang ia membawa sengketa.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan dengan kerjasama semua pihak tanpa mengira fahaman politik akan berganding bahu untuk memerangi *Islamophobia* atau anti Islam yang kini semakin bersemarak di seluruh dunia. *Alhamdulillah*, setakat ini kita masih belum terjerumus dalam konflik tersebut yang boleh mengundang malapetaka kepada kita. Bagaimanapun, apa yang meresahkan kita sudah ada bibit-bibit yang memberi isyarat ada dalam kalangan masyarakat negara ini sudah cuba untuk mencetuskan suasana tidak harmoni apabila melakukan perbuatan yang boleh mencabar kesabaran umat Islam seperti penghinaan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Perbuatan seumpama ini sama sekali tidak boleh dibiarkan dan harus dicegah kerana ia boleh mendatangkan bahaya kepada kehidupan beragama di negara yang kita cinta ini. Sesungguhnya dalam soal penghinaan agama ini, ia bukan sahaja berkaitan agama Islam sahaja malah juga agama-agama lain. Tidak boleh ada seorang pun rakyat di negara ini boleh bertindak biadab dengan menghina agama atau kaum lain. Saya setuju dengan yang dibangkitkan Yang Berhormat Batu Gajah tadi dan juga perkara Yang Berhormat Rantau Panjang semalam. Kita harus bekalkan toleransi beragama dan perpaduan antara kaum yang selama ini menjadi kekuatan kita bersama untuk membangunkan Malaysia.

Kita tidak boleh membiarkan mana-mana individu atau anasir mengambil kesempatan memecahbelahkan kita hingga boleh mencetuskan peristiwa berdarah seperti yang berlaku di New Zealand pada Jumaat yang lalu. Pada kesempatan ini, saya memuji ketegasan dan kecekapan Polis Diraja Malaysia yang bertindak tegas menahan dan mendakwa mereka yang terlibat menghina agama lain ke muka pengadilan. Tidak kira sama ada ia menghina Islam atau agama lain. Hukuman yang berat harus dikenakan supaya mereka itu tidak menjadi virus yang boleh menyemarakkan sentimen kebencian kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara berkaitan Islam juga dalam usaha kita menjaga keharmonian negara ini, kita perlu memastikan tiada tindakan yang boleh membangkitkan kemarahan umat Islam dan antaranya ialah pengiktirafan kategori halal di restoran-restoran. Kita pernah menyaksikan bagaimana ada restoran di tanah air kita yang menggantungkan perkataan halal yang tidak diiktiraf di premis mereka telah dikecam oleh pelanggan Islam. Ia akhirnya tular dalam media sosial hingga mencetuskan kemarahan umat Islam. Justeru, saya menggesa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan-jabatan agama di seluruh negara memberi perhatian serius dalam perkara ini.

Soal memiliki sijil halal yang iktiraf oleh Kerajaan Malaysia bukan sahaja tertumpu pada restoran India Muslim sahaja, tetapi restoran-restoran ternama lain seperti PappaRich, OldTown White Coffee House serta kopitiam-kopitiam yang lain. Saya membangkitkan perkara ini kerana selain terdedah perbuatan restoran India Muslim yang menggantungkan papan tanda halal sewenang-wenangnya di restoran masing-masing, ada restoran yang tanda halal boleh diragui. Ada restoran yang dimiliki bukan Islam meletakkan ayat-ayat Al-Quran di samping mengambil pekerja-pekerja Islam dijadikan pelayan restoran mereka. Tindakan ini mengaburi pelanggan-pelanggan Islam, seolah-olah restoran tersebut dimiliki oleh Islam dan makanan yang dijual adalah halal.

Saya bangkitkan kerana pengalaman saya sendiri di sebuah kopitiam yang bernama PappaRich di Bangsar, baru-baru ini mendorong saya untuk mengetengahkan isu ini. kopitiam ini yang saya anggap cukup popular sama sekali tidak mempunyai sijil halal, tetapi pekerja-pekerja pelayannya adalah beragama Islam. Apabila saya tanya, kenapa tidak ada sijil halal? Dia menyatakan terpulung kepada pelanggan sama ada hendak makan atau tidak. Jadi, ini yang menyebabkan berlakunya kekeliruan. Ada restoran pula, dia kata *pork-free*. *Pork-free* tidak semestinya halal ya. Jadi soal memiliki sijil halal yang diiktiraf oleh JAKIM bukan perkara remeh temeh. Ia bersangkut paut dengan umat Islam. Oleh itu saya berharap, apa yang saya bangkitkan ini akan dapat perhatian serius daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun kementerian yang berkaitan.

Jadi, saya ingin mungkin saya boleh mencadangkan agar mengelakkan kekeliruan untuk umat Islam agar restoran yang tidak mempunyai sijil halal yang sah, diwajibkan menampal stiker tidak ada sijil halal. Kadang-kadang kita tidak sedar, restoran itu sebenarnya walau sebab pekerjaanya, pelayannya nampaknya beragama Islam, jadi kita anggap makanan yang dihidangkan semua adalah halal. Jadi oleh itu mungkin kita boleh *instead of* kita tampilkan restoran itu halal, kita tampilkan kalau yang tidak ada sijil halal yang sah, kita tampilkan tidak ada sijil halal.

Jadi terpulung kepada pelanggan untuk terus berkunjung di restoran tersebut atau tidak. Ini kerana, isu haram dan halal ini adalah isu yang sangat sensitif kepada umat Islam. Pada masa yang sama, saya juga menggesa satu operasi bersepadu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha-pengusaha restoran mematuhi peraturan dan undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita berada dalam era Malaysia baharu. Satu era yang memberi kebebasan bersuara dan menghimpun dengan lebih luas lagi. Akan tetapi ia bukan bermaksud kebebasan tersebut disalah guna untuk mempromosi gaya kehidupan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan norma-norma masyarakat negara ini. Seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Parit Sulong tadi, saya juga ingin menyentuh Perhimpunan Hari Wanita yang dicemari oleh golongan LGBT di negara kita baru-baru ini. Perkara-perkara ini telah membangkitkan kemarahan umat Islam kerana semua ini tidak baik kepada keharmonian rakyat. Oleh itu, saya berharap pihak berkuasa akan memantau gejala LGBT ini supaya tidak menular dan mempengaruhi masyarakat hingga ia mencetuskan perasaan tidak puas hati. Bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, tetapi juga bukan Islam. Kita tidak menyekat kebebasan bersuara dan berhimpun, tetapi ia harus ada hadnya dan bukannya kebebasan mutlak yang boleh mencetuskan suasana tidak harmoni di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Harapan baru 10 bulan mengambil alih pentadbiran negara. Sepanjang tempoh itu, banyak isu dan cabaran yang dihadapi. Sudah tentulah dugaan terbesar ialah serangan berikutan kegagalan Pakatan Harapan menunaikan apa yang sudah dijanjikan dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Keempat Belas. Saya yakin dan percaya, Pakatan Harapan pasti akan berusaha memenuhi janji yang dibuat walaupun ia akan memakan masa. Oleh itu saya berharap, rakyat tanpa mengira fahaman politik akan memberi ruang kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad bagi memperbaiki kelemahan yang ada menunaikan janji-janji yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pastilah apa yang menjadi perhatian kepada rakyat ialah berkaitan usaha mengurangkan kos sara hidup. Saya percaya perkara ini sedang diteliti dengan serius oleh kerajaan. Bagi saya sebagai Ahli Parlimen yang di kawasan luar bandar, ingin memohon dan merayu kepada kerajaan untuk memastikan golongan penoreh getah, pekebun kecil dan nelayan tidak terus dihipit dengan kekurangan pendapatan. Saya berharap kerajaan akan meneruskan bantuan-bantuan khas kepada golongan khas tersebut bagi mengurangkan beban hidup mereka.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon kepada kerajaan untuk terus gigih membantu usahawan-usahawan bumiputera di samping tidak meminggirkan kaum-kaum yang lain. Ada rakan dalam Dewan baru ini membangkitkan hal AP, kereta yang terbuka. Sesungguhnya AP kereta terbuka adalah salah satu hak keistimewaan bumiputera yang termaktub dalam Perlembagaan. Realitinya dalam perniagaan bumiputera, jika tidak dibantu oleh kerajaan mereka tidak mampu bersaing. Bukanlah maksudnya bumiputera tidak pandai berniaga, mereka hanya perlu dibantu di peringkat permulaan, bukannya dibantu sehingga akhir hayat. Hanya di peringkat permulaan sahaja dan selepas itu biarlah mereka bersaing dalam pasaran dan keadaan yang sihat.

Cadangan agar AP terbuka kereta dilantik lebih ramai juga adalah satu cadangan yang nampaknya bagus tetapi tidak realistik. Saya ambil contohnya bagaimana sebuah ejen Proton pada satu ketika masa dahulu setiap sudut jalan kerajaan menggalakkan maka dilantiknya ramai ejen-ejen Proton hingga setiap *corner*...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, *conflict of interest*. [Dewan ketawa]

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ini Proton. Saya ambil cadangan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bawah AP ini *is conflict of interest*. Tidak boleh cakap, tidak boleh cerita kepentingan diri sendiri. Ini berapa AP Yang Berhormat ada?

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh saya teruskan nanti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih. Saya hendak ambil contoh lah fasal ejen Proton, yang mana pada satu masa setiap *corner* sudut jalan ada dilantik *dealers* Proton. Akhirnya nampaknya bagus kerana hendak bagi peluang lebih ramai terlibat dalam industri kereta. Akan tetapi apa jadi? Akhirnya mereka membunuh sesama mereka. Kini ejen Proton khususnya di Lembah Klang yang bumiputera akhirnya sudah pupus, yang ada kini pun tinggal nyawa-nyawa ikan sahaja.

Jadi, saya ingin menggulunglah perbahasan ini dengan menggesa semua pihak untuk sama-sama membangunkan negara ini dengan penuh keikhlasan demi kesejahteraan rakyat. Janganlah kita menggunakan isu-isu sensitif bagi meraih sokongan terutamanya berkaitan agama dan kaum serta tidak terus salah menyalah antara satu sama lain sehingga menjejaskan tumpuan kita membela nasib rakyat. Cukup-cukuplah berpolitik, marilah kita bersama-sama berganding bahu membina negara.

Kelemahan sama-sama kita baiki, kelebihan sama-sama kita raikan, sesungguhnya ini tanah air kita, ini tanah tumpah darah kita, marilah kita bersama-sama memelihara dan melindunginya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, boleh hendak mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tanya, berapa Yang Berhormat Tanah Merah kata Kerajaan Pakatan Harapan akan mengatasi segala masalah ini? Setahun, dua tahun, tiga tahun? Kalau tidak dapat diatasi, Yang Berhormat hendak balik kepada UMNO? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tanah Merah rumuskan, ada 24 saat lagi. Sila.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, tidak mengapalah. Saya sudahkan dengan pantun dalam 19 saat.

Pakatan Harapan sudah berkuasa,

UMNO, PAS pula bekerjasama,

*Dalam politik tiada yang luar biasa,
Elakkan sengketa membawa binasa.*

Tanah Merah menyokong.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hebat Yang Berhormat Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batang Lupar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Julau. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang penting AP tambah lagi. *[Dewan ketawa]*

5.43 ptg.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih Titah Ucapan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 adalah antara perjuangan penting untuk semua kami wakil rakyat dari Sarawak dan juga Sabah. Justeru, saya berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, untuk terus menyuarakan perkara ini sehinggalah status Sarawak sebagai rakan kongsi dalam Malaysia dilaksanakan seperti termaktub di dalam Perjanjian MA63.

Walau bagaimanapun, saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang berusaha mewujudkan jawatankuasa tertinggi dan jawatankuasa teknikal bagi membincangkan secara terperinci pelaksanaan MA63. Sama-sama kita memperincikan kandungan cadangan pindaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan nanti. Pastinya, saya akan teliti bersama dengan rakan-rakan yang lain, kelebihan yang akan dinikmati oleh Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersedih dan mengutuk sekeras-kerasnya kejadian serangan keganasan yang berlaku di dua buah masjid di Christchurch, New Zealand beberapa hari yang lalu yang mengorbankan bukan sahaja orang dewasa, malah turut menjadikan kanak-kanak, wanita dan warga emas sebagai mangsa. Ini adalah dengan izin *wake-up call* kepada kita rakyat Malaysia bahawa betapa pentingnya kita menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Bayangkan sebuah negara yang aman damai dinodai oleh insiden yang sangat malang ini. Saya mengucapkan takziah kepada keluarga 50 orang mangsa yang terkorban dan saya mendoakan seramai tiga orang rakyat yang turut menjadi mangsa dalam serangan ini supaya cepat sembuh dan pulih daripada trauma yang dialami. Semoga keadilan akan dilaksanakan dan keharmonian akan kembali kepada negara New Zealand.

Saya cukup kagum dengan masyarakat yang berbilang kaum dan agama yang sama-sama turut membantu dan memulihkan keyakinan serta keharmonian penduduk di Christchurch. Namun demikian, saya berharap kejadian ini tidak ada kaitan dengan isu politik yang sedang berlaku di negara kita. Apa yang berlaku di Malaysia adalah perkara politik dan tidak boleh dikaitkan menyamai dengan peristiwa serangan itu. Perkara ini sepatutnya dijadikan iktibar kepada kita semua dan provokasi seperti menyamakan insiden ini dengan keadaan politik di Malaysia boleh mengganggu gugat keamanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak khasnya kawasan Batang Lupar merupakan sebuah kawasan yang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai hab pengeluaran makanan untuk Malaysia. Sesungguhnya kawasan saya mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan jelapang padi, pengeluaran makanan yang diproses, perikanan dan tanaman buah-buahan seperti nenas, pisang, kelapa dan durian.

Pada bulan November tahun lalu, beberapa kawasan di batang Lupar iaitu di beberapa kawasan jelapang telah pun melalui proses penanaman benih padi varieti MR 269 sebagai permulaan projek jelapang padi Batang Lupar. Kerja-kerja penanaman benih padi di kawasan

berkenaan merangkumi tanah seluas 24.22 hektar dan bakal dituai dalam masa yang terdekat. Lima lagi kawasan seluas 42.1 hektar dikatakan masih di dalam peringkat proses menanam iaitu meliputi beberapa buah kampung di dalam kawasan saya.

Penanam padi varieti moden musim pertama ini juga melibatkan 295 orang petani menggunakan 204 lot sawah seluas 66.32 hektar. Jelapang padi Batang Lupar ini bertujuan untuk memastikan bekalan padi dan juga beras negara tidak akan terjejas atau terputus sekiranya berlaku krisis beras yang pernah kita lalui beberapa tahun dahulu. Jelapang padi ini adalah untuk memastikan sekuriti makanan negara kita terjamin.

Oleh yang demikian, kita berharap Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pastikan projek jelapang padi ini diteruskan dan mendapat perhatian serta fokus oleh ketiga-tiga kementerian ini. Jangan hanya fokus kepada *food bank* yang sekarang ini menjadi keutamaan tetapi fokus kepada pengeluaran makanan, khususnya pengeluaran padi dan beras negara.

■1800

Tanaman-tanaman yang lain seperti nanas, pisang, kelapa dan beberapa lagi tanaman makanan juga sebenarnya perlu diberikan perhatian untuk dibangunkan. Tanaman nanas telah mendapat banyak penyertaan daripada petani, khususnya di Parlimen Batang Lupar, melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia telah memperkenalkan program tanam baharu dan program tanam semula dan varieti nanas yang digalakkan di kawasan Parlimen Batang Lupar khususnya di Daerah Pusa adalah jenis nanas moris N36 dan MD2.

Saya hendak mengetahui, apakah lagi perancangan untuk membantu peserta-peserta nanas ini terutama sekali di dalam urusan pemasaran dan seterusnya di dalam aktiviti pemprosesan jika pengeluaran nanas adalah berlebihan?

Justeru, saya mohon agar Kerajaan Persekutuan untuk melihat bagaimana inisiatif yang dapat diambil untuk membantu memajukan lagi industri pertanian di Sarawak khususnya untuk mengadakan banyak jalinan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Sarawak.

Di Sarawak, masih terdapat banyak tanah-tanah yang dapat diusahakan secara bersama. Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengenal pasti kawasan tanaman secara komersial iaitu kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan dan juga *food park* untuk tujuan pengeluaran makanan secara komersial dan besar-besaran serta terbuka kepada penyertaan pelabur sektor swasta.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Sarawak untuk meluaskan dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan pertaniannya supaya tidak terlalu bergantung kepada kelapa sawit. Kerajaan Negeri Sarawak juga memberi penekanan pada penanaman nanas, durian, kelapa dan pisang dalam skala yang besar yang melibatkan sektor swasta dan juga menggalakkan petani, pekebun kecil untuk menjadi penanam kontrak dan pembekal hasil pertanian.

Agensi pertanian yang berkaitan seperti Jabatan Pertanian dan agensi-agensi Persekutuan seperti MARDI dan FAMA melalui program masing-masing diperlukan untuk membantu memudahkan petani dan pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil tanaman mereka. Bagi sektor ternakan, penekanan adalah untuk meningkatkan pengeluaran lembu, kerbau dan kambing untuk memenuhi permintaan daging dalam negara dan mengurangkan pengimportan. Bagi sektor perikanan pula, penekanan adalah untuk memberikan manfaat kepada sumber perikanan laut dalam yang sedang dieksploitasi oleh nelayan asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya Kerajaan Persekutuan sentiasa mengadakan dasar dan tindakan untuk mengurangkan bebanan rakyat khasnya mengambil perhatian ke atas harga komoditi yang jatuh sehingga menjejaskan pendapatan rakyat terutamanya golongan petani dan pekebun kecil yang memang ramai di kawasan saya.

Dasar-dasar dan tindakan juga perlulah lebih ke arah membantu golongan miskin dan golongan yang berpendapatan rendah termasuk juga kumpulan siswa-siswi yang hanya makan sekali sehari.

Keperluan, keluhan dan permasalahan rakyat adalah agenda penting yang perlu diutamakan dan diberikan perhatian sewajarnya. Kerana rakyat, sebuah kerajaan itu teguh.

Oleh sebab itu, kerajaan sentiasa mesti mendengar keluh kesah rakyat dan memastikan rakyat diutamakan. Kurangkan retorik politik dan ambil tindakan segera untuk memakmurkan dan mensejahterakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah perbincangan saya. Saya menjunjung kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lular. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Julau.

6.05 ptg.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Saya menjunjung kasih ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, 11 Mac yang lalu.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan rasa terharu dan terkesan ke atas Titah Seri Paduka Baginda yang memberi penekanan terhadap kemajuan negara, kesejahteraan rakyat baik di bandar mahupun di kawasan luar bandar, pengukuhan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Ahli-ahli Dewan yang dihormati, dalam kita membicarakan tentang kesejahteraan rakyat, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada sebuah isu yang masih lagi menjadi kekusaran kepada rakyat jelata iaitu isu peluang pekerjaan yang bermutu tinggi di dalam negara Malaysia ini.

Pada 7 Mac yang lepas, akhbar The Star telah meletakkan artikel yang bertajuk, dengan izin, "*Con jobs abroad common*" pada muka hadapan. Artikel tersebut melaporkan bahawa ramai rakyat Malaysia yang tertarik dengan gaji lumayan yang ditawarkan oleh sindiket pekerjaan luar negara tetapi apabila sampai di negara-negara terbabit, mereka dapati bahawa mereka ditipu. Lebih menakutkan lagi, ada antara kes-kes yang mana rakyat kita ditahan oleh kerajaan negara-negara yang terlibat akibat disyaki terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah seperti judi haram. Tidak kurang juga yang terpaksa menjadi keldai dadah sehingga dijatuhkan hukuman di luar negara.

Pada 11 Disember 2018, seramai 47 warga Malaysia termasuk 40 dari Sarawak menjadi mangsa penipuan sindiket perjudian sehingga terperangkap di negara Kemboja selama dua bulan. Berikutan dengan itu, pada 13 Februari 2019, saya selaku Ahli Parlimen dari Sarawak bersama dengan ahli keluarga mangsa dan beberapa wakil media dalam negeri pergi ke Kemboja dengan pengesahan pihak Wisma Putra. Ini bertujuan untuk memberi perhatian serius terhadap penahanan 47 warga Malaysia tersebut dan berusaha untuk membebaskan mereka.

Kesemua 47 warga Malaysia yang ditahan tersebut dibebaskan pada 15 Februari 2019. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Luar Negeri yang telah mengambil tindakan pantas untuk berunding dengan Kerajaan Kemboja sehingga rakyat kita dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon isu penahanan 47 warga Malaysia ini tidak dipolitikkan kerana ia telah diselesaikan secara baik dengan Kerajaan Kemboja.

Baru-baru ini, kita dikejutkan lagi dengan kes penahanan lapan warga Malaysia dari Sarawak di Liberia yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan. Mereka berjaya diselamatkan oleh kakitangan Sime Darby dan dirujuk ke Kementerian Luar Negeri untuk dibawa pulang ke tanah air.

Apa yang ingin saya bangkitkan di sini, setelah meneliti kes warga Malaysia yang ditahan di Kemboja dan di Liberia, timbul satu persoalan, mengapakah mereka ini bukan sahaja keluar dari Sarawak tetapi keluar dari Malaysia untuk mencari pekerjaan?

Adakah ini disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan berkualiti di Sarawak hinggalah jumlah rakyat Sarawak yang mencari rezeki di luar negara mencecah sehingga ribuan orang? Saya bangkitkan persoalan ini sebagai pernyataan kebimbangan saya mengenai masalah kemiskinan rakyat di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan itu saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai statistik terkini yang saya fahami dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Sehingga 28 Februari 2019, negeri Sarawak mempunyai 59,905 rakyat miskin, jumlah yang tertinggi di negara ini. Daripada jumlah itu, 18,385 berada di dalam kategori miskin tegar.

Pakan, yang berada di dalam kawasan Parlimen saya merupakan daerah-daerah termiskin di negara ini. Lebih membimbangkan, tujuh daripada 10 daerah termiskin di negara ini merupakan daerah di Sarawak. Pada 1 Februari 2019, akhbar *Borneo Post* melaporkan tujuh daerah termiskin tersebut adalah Pakan, Lubok Antu, Song, Kanowit, Selangau, Simunjan dan Daro. Saya mohon Menteri Pembangunan Luar Bandar mengesahkan kebenaran laporan tersebut. Sehubungan dengan itu...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat, boleh minta laluan.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Maaf ya, saya tidak ada masa, tidak cukup masa.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ini penting, isu kemiskinan menyentuh kawasan Yang Berhormat dengan kawasan saya.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Saya ada perkara yang disebut.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Akan tetapi Yang Berhormat...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Saya faham. Sila duduk. Nanti ada masa...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...saya hendak memperbetulkan supaya kita sama-sama menggunakan ruang ini untuk menggunakan agensi kerajaan tersebut menjelaskan formulanya. Oleh sebab saya telah memanggil *statistic officer*, Yang Berhormat.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Maaf, maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *It's your floor.*

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 27 Januari lalu bahawa 28 daerah miskin di negara ini akan diberi tumpuan yang khusus bagi pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi. Ini bagi membolehkan penduduk di kawasan tersebut keluar dari senarai daerah miskin.

Saya mengalu-alukan usaha yang baik ini. Berikutan dengan itu, saya memohon kepada Menteri untuk membutirkan projek-projek tersebut serta jumlah peruntukan yang akan disalurkan. Saya menggesa kementerian-kementerian Kerajaan Persekutuan memberi perhatian serius di atas kekurangan infrastruktur dan perkhidmatan dalam kawasan Parlimen Julau, khasnya keperluan membina pejabat pos di Daerah Pakan dan pembinaan balai bomba di dalam kawasan Parlimen Julau.

Saya juga memohon pihak kementerian tertentu supaya memudahkan pembinaan stesen-stesen minyak dan penubuhan cawangan-cawangan bank di dalam kawasan Parlimen Julau. Saya juga menggesa Kerajaan Persekutuan memberi perhatian serius terhadap masalah kemiskinan, terutamanya sekali di tujuh daerah termiskin di Malaysia yang berada di Sarawak seperti saya sebutkan tadi. Kerajaan Persekutuan sudah berubah daripada dipimpin oleh Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan tanpa perubahan di peringkat negeri Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak bukan daripada Pakatan Harapan. Oleh yang demikian, saya mohon komitmen yang bersungguh daripada Kerajaan Persekutuan menyalurkan bantuan ke Sarawak dan memastikan pemantauan yang rapi jika ia disalurkan kepada kerajaan negeri agar tidak berlaku penyelewengan dan ketirisan dalam pelaksanaan. Saya

juga menggesa pihak kerajaan supaya memantau pelaksanaan program-program ini supaya ia berkesan dan mencapai matlamat yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan Dewan yang mulia ini mengenai Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang kali ini. Titah Baginda menyentuh mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Seperti yang kita sedia maklum dan rasai, negara sedang mengalami gelombang haba. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia sehingga 17 Mac yang lalu, 21 daerah di Semenanjung Malaysia berada di tahap satu. Dikatakan 21 daerah ini mencatatkan suhu maksimum harian 35 darjah celsius hingga 37 darjah celsius selama tiga hari berturut-turut. Manakala, daerah Pendang pula berada di tahap dua setelah mencatatkan suhu 37 darjah celsius hingga 40 darjah celsius selama tiga hari berturut-turut.

Cuaca ekstrem yang dialami ini diakibatkan perubahan iklim. Para saintis kajian iklim memberi amaran terakhir bahawa bumi kita cuma ada masa sekitar 12 tahun sahaja lagi untuk mengekalkan pemanasan global pada tahap kenaikan suhu maksimum sebanyak 1.5 darjah celsius berbanding sebelum zaman perindustrian. Amaran ini terkandung di dalam Laporan Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Iklim, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang diterbitkan pada 8 Oktober 2018.

Laporan tersebut juga memberi peringatan bahawa kenaikan suhu lebih daripada 1.5 darjah celsius ataupun lebih 0.5 darjah celsius sahaja lagi akan memburukkan risiko bencana alam seperti kemarau, banjir dan gelombang haba. Kita juga berdepan risiko serius kekurangan makanan dan kemiskinan kepada ratusan juta manusia di seluruh dunia, terutamanya di kawasan rendah, pesisir pantai dan pulau-pulau.

Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam kerangka memenuhi komitmen Malaysia mencapai, dengan izin, *national determined contributions* di bawah Perjanjian Paris? Di mana menjelang 2030, intensiti pelepasan karbon dikurangkan sebanyak 45 peratus berbanding tahap pelepasan karbon pada tahun 2005. Saya juga ingin tahu, apakah status terkini pelaksanaan langkah-langkah tersebut?

Berapakah pula jumlah bantuan kewangan dan bentuk bantuan pertukaran teknologi yang diterima Malaysia daripada negara-negara maju dalam kerangka membantu mengurangkan pelepasan karbon dan memenuhi komitmen negara di bawah Perjanjian Paris? Tuan Yang di-Pertua, sewaktu menyampaikan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini, Seri Paduka Baginda menyentuh mengenai tahap kesihatan rakyat yang berkait rapat dengan kemajuan dan kesejahteraan negara.

Pada tahun 2017, Kementerian Kesihatan mendedahkan bahawa risiko penyakit tidak berjangkit seperti kanser, sakit jantung, kencing manis dan darah tinggi menyumbang sehingga 73 peratus punca kematian rakyat Malaysia sejak tahun 2016. Apa yang lebih membimbangkan, pakar-pakar jantung negara telah mendapati bahawa rakyat Malaysia menghidap penyakit jantung pada usia yang jauh lebih muda berbanding dengan rakyat serantau atau dari negara maju. Menurut pakar jantung dari Institut Jantung Negara, Datuk Dr. Ahmad Khairuddin Bin Mohamed Yusof, pada tahun 2017 rakyat Malaysia didapati menghidap penyakit jantung pada usia 58 tahun, berbanding Thailand 65 tahun, China 63 tahun dan negara-negara Barat 66 tahun.

Kadar kematian akibat penyakit jantung di Malaysia juga tinggi berbanding dengan negara-negara sedunia. Kadar kematian pesakit jantung di Malaysia adalah pada 36 peratus, berbanding dengan purata sedunia iaitu 31 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat, ada 35 saat lagi.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Okey, terima kasih. Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015, didapati bahawa 47.7 peratus daripada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas mempunyai masalah kolesterol yang tinggi dalam darah.

■1820

Ini merupakan peningkatan yang mendadak berbanding paras 32.6 peratus pada tahun 2011. Pakar-pakar perubatan sepakat menyatakan bahawa keadaan ini disebabkan oleh gaya hidup yang tidak sihat seperti merokok, kehidupan yang tidak aktif dan pemakanan

yang tidak sihat menjadi punca penyakit ini. Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor pemakanan yang dikatakan menjadi punca penyakit jantung semakin berleluasa ialah lemak *trans* buatan atau dengan izin, *artificial trans fat*. Tidak seperti lemak *trans* semula jadi yang didapati dalam produk seperti susu, lemak *trans* buatan dibuat dengan menghidrogenkan minyak sayuran.

Pada 14 Mei 2018, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Dr. Tedros menyeru agar lemak *trans* yang dihasilkan oleh industri dihapuskan daripada bekalan makanan. Menghapuskan lemak *trans* merupakan kunci untuk melindungi kesihatan dan menyelamatkan nyawa. WHO menganggarkan bahawa setiap tahun pengambilan lemak *trans* menyebabkan lebih daripada 500,000 kematian disebabkan penyakit kardiovaskular. Bermula 9 Januari 2019, Thailand telah menjadi negara ASEAN pertama mengharamkan pembuatan, pengimportan dan penjualan sebarang makanan yang mengandungi lemak *trans* buatan.

Sehubungan dengan itu, saya merasakan inisiatif ini perlu diikuti oleh Malaysia melihatkan kadar penyakit jantung yang amat membimbangkan pada masa ini. Tambahan pula, Malaysia merupakan negara Asian yang paling obes iaitu dengan kadar kira-kira 13 peratus daripada warganya obes manakala kira-kira 38 peratus berlebihan berat badan. Dilaporkan juga kos penyakit-penyakit yang disebabkan oleh obesiti ini juga mencecah antara 4.26 bilion ke 8.53 bilion pada tahun 2016. Ini merupakan sebuah kos yang amat tinggi untuk merawat sebuah penyakit yang boleh dicegah dengan pemakanan yang seimbang dan gaya hidup yang aktif. Justeru itu... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa telah tamat Yang Berhormat.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sekejap. Sekejap, 20 saat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Justeru itu, amat wajar sekali kita mengorak langkah untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat dengan mengharamkan lemak *trans* buatan ini dari terus meracuni rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang menyertai perbahasan usul menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya dengan ini mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Julau. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Marudu.

6.23 ptg.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi saya untuk turut serta membahar Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong minggu yang lalu. Mengenangkan masa yang singkat saya terus ke tiga perkara yang saya ingin bangkitkan. Titah Diraja telah pun menekankan antara perkara-perkara yang begitu diutarakan perihal kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Khususnya bagi masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak, masyarakat Orang Asli dan seterusnya juga sememangnya perihal kemiskinan di peringkat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu tahun lebih lagi kita akan masuk ke tarikh tahun penamatan Wawasan 2020 yang begitu rapat dengan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini. Saya masih ingat waktu itu masih bertugas di ISIS dan antara ramai yang terlibat yang memberi input kepada idea-idea seharusnya status negara maju itu boleh dicapai. Harus dicapai pada tahun hadapan. Masalahnya, *are we ready to declare* bahawa kita gagal mencapai status negara maju? Ini kerana sekarang satu tahun dan satu daripada indeks yang digunakan untuk mengukur negara maju itu memang banyak perkara. Satu daripadanya pendapatan USD15 ke USD18,000 satu tahun. *So, it's about 60,000 average* per satu *household*. Kalau kita melihat negeri Sabah dan Sarawak ataupun di kalangan masyarakat Orang Asli ataupun masyarakat di luar bandar Kelantan pun banyak yang tidak akan tercium ataupun boleh masuk dalam golongan tersebut. *So, the task* memang besar. Saya ingin bertanya kepada kerajaan banyak, ada dua tiga Menteri di sini. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengenai dengan infrastruktur, Yang Berhormat Menteri Pembangunan

Luar Bandar. Yang Berhormat Menteri *Economic Planning*. *What are we going to do about this?* Adakah kita akan *declare to the world* that kita telah gagal mencapai Wawasan 2020 iaitu masuk dalam taraf negara maju seperti mana yang diukur.

Kita sedia maklum beberapa negeri di Semenanjung telah *declare* Selangor, Johor, Melaka, akan tetapi Johor pun tengok Pasir Gudang pun tidak boleh jaga kebersihan sungai dan *sustainability* dan seterusnya. Maka, tugas memang banyak. Hendak keluar daripada golongan *depressed* ataupun kurang maju, pembangunan infrastruktur asas begitu penting sekali. Pembangunan jalan raya, pembangunan sektor air, sektor elektrik, infrastruktur kesihatan, pendidikan maka *it's a whole gamut* yang begitu penting. Apakah tindakan pihak kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pembangunan sektor-sektor luar bandar untuk memastikan supaya kita tidak di-*ridicule*, *so to say*, dengan izin oleh pihak dunia yang telah melihat Malaysia sebagai satu contoh. Bukan sahaja sebuah negara yang *moderate* dari segi kepimpinan, *moderate* dari segi toleransi agama dan seterusnya tetapi juga boleh melihat kepada dunia dalam sektor ekonomi bahawa dasar-dasar kerajaan itu dengan pelaksanaannya boleh mencapai sasaran yang digariskan.

Tuan Yang di-Pertua, isu di luar bandar Yang Berhormat Menteri JKR ada di sini, beberapa bulan dahulu saya ada masuk kawasan Ba'kelalan, jalan raya daripada Lawas ke situ dalam keadaan yang begitu teruk. Itu sebagai contoh sahaja. Di kawasan saya, di kawasan di Sabah banyak peruntukan yang kena KIV *and it is just roads are just left*. Yang Berhormat Lanang tadi berucap dan Yang Berhormat Papar berucap mengenai dengan jalan Sandakan ke Ranau misalnya. *When is it going to?* Dengan izin, *start the development process* untuk melaksanakan tugas dan mencapai kemakmuran yang lebih jauh daripada kerajaan sebelum ini? Saya minta penjelasan-penjelasan, apa pendekatan-pendekatan baharu bagi kementerian-kementerian yang bertanggungjawab kepada perihal pembangunan luar bandar supaya saya katakan tadi kita tidak kena *ridiculed by the world* sebagai *having a model of development but has no capacity* dan tidak ada sesuatu yang dipuji dari segi pencapaian sasaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya ingin sentuh. Tempat saya Parti Bersatu Sabah terus memang mengatakan syukur kepada Kerajaan Pusat kerana telah pun meneruskan usaha sebelum ini untuk memperbetulkan status negeri Sabah dan Sarawak seperti mana termaktub di dalam Perlembagaan kepada cadangan yang diharapkan akan dibentangkan dalam persidangan Parlimen kali ini. Ini sebenarnya bukan perkara baharu. Banyak kita parti-parti dari Sabah dan Sarawak telah menyentuh bahawa apa yang tertulis dalam Perlembagaan Malaysia itu tidak mencerminkan isi kandungan sebenarnya di dalam Perjanjian Malaysia, khususnya perubahan kepada Perlembagaan di bawah Perkara 12 yang memberi definisi apa itu *Federation of Malaysia*.

■1830

Sebelum itu, ia mencerminkan sedikit sebanyak apa yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia tetapi itu pun sebenarnya telah lari daripada yang asal. Banyak perkara dengan mengatakan bahawa apabila Singapura keluar daripada Persekutuan Malaysia maka itu sebenarnya telah difail, *the original composition of Malaysia* seperti mana terkandung di dalam Perjanjian Malaysia.

Namun memang itu ada perubahan yang dibawa kepada Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak pada zaman itu turut mengambil bahagian untuk memperbaiki keadaan apabila negara Singapura telah keluar daripada Malaysia. Akan tetapi selepas itu perkara-perkara pokok terkandung di dalam Perjanjian Malaysia sebenarnya begitu diabaikan sahaja. Mudah-mudahan dengan pembentangan, *correction* ini atau pembaikan ini, ia betul-betul akan mencerminkan apa yang terkandung di dalam Perjanjian Malaysia. Kalau tidak itu *just be* dengan izin *an eyewash*. Kalau sekadar membuat pindaan kepada Perlembagaan, mencerminkan *equal status* tanpa ada subsidiari *legislation* untuk mengatakan apakah ertinya dari segi *resource sharing* dan *financial sharing* dan pentadbiran hak-hak yang telah diberi kepada Sabah dan Sarawak, itu juga tidak akan mencapai matlamatnya.

Itulah kami mencadangkan dari segi parti kita, Parti Bersatu Sabah supaya draf artikel tersebut hendaklah, *bill*, rang undang-undang dikeluarkan lebih awal supaya ada perbincangan yang mendalam khasnya antara Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak. *So, we can really* melihat bahawa ini penambahbaikan dan bahawa ia ada juga sokongan undang-undang yang akan melaksanakan peraturan-peraturan ataupun seperti

mana yang terkandung di situ. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, ia sekadar satu sorakan tetapi barangkali tidak semestinya lebih baik daripada yang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang oh! Satu lagi dalam perkara ini. Kami bercadang supaya *bill* ataupun rang undang-undang tersebut dirujuk kepada Dewan Undangan Negeri di Sabah dan Sarawak. So, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri boleh membahaskan perkara ini. Oleh sebab ini perubahan Tuan Yang di-Pertua sangat penting. Ia mengubah Perlembagaan kita untuk *supposed to restore the actual position of equal status* di antara Malaya ataupun sebenarnya Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini bukan main-main punya. Kalau sekadar itu perubahan untuk *lips service* dengan izin, maka *it means nothing* untuk Sabah dan Sarawak dan keutuhan negara kita.

Perkara yang ketiga dan terakhir saya hendak sentuh adalah perkara mengenai pendatang tanpa izin di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun orang lama juga di Dewan Undangan Negeri, saya orang lama di sini, saya *six terms*. Setiap pada titah ucapan kami selalu bahas ini perkara PTI di Sabah dan Sarawak. Memang kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua bosan juga untuk mendengar tetapi kami tidak bosan dari Sabah. Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli Parlimen semua untuk membangkitkan ini. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, tiada perubahan dari segi permulaan masalah ini tahun 70-an sampailah ke sekarang ini.

Kerajaan yang lalu telah pun menubuhkan satu *Royal Commission Inquiry* (RCI), Suruhanjaya Siasatan. Ada cadangan-cadangan yang terkandung di situ. Ada Jawatankuasa juga pelaksana di peringkat negeri. Mantan Presiden Parti saya, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan banyak cadangan yang dikemukakan tetapi dari segi pelaksanaan, aduh sayang seribu sayang. Masalah masih berterusan, tebusan masih dicari di Sabah, penangkapan dan ini memberi gambaran yang buruk kepada satu rakyat kita bahawa keselamatan Sabah tidak terjamin. Juga untuk pelancong-pelancong, apa lagi pembangunan ekonomi keseluruhan. *Basic question*, perkara soalan asas rakyat Sabah, *when is it going to end?* Bila ini akan dapat diselesaikan? Memang kami di dalam barisan dahulu pun berhabis-habis juga tetapi dari segi pelaksanaan, aduh jauh sekali.

We pray, we hope this Kerajaan Pakatan Harapan ini jangan cakap sahaja walaupun sekarang banyak cakap tetapi tidak tunai. *At least* tunai satulah, selesaikan ini masalah pendatang tanpa izin di Sabah. Ini kerana kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, *we are going to lose Sabah. I give a warning*. Ada grup sudah di Sabah ini SSKM misalnya, 'Sabah Sarawak Keluar Malaysia' dan mereka katakan kalau begini punya kerajaan tiada perubahan, tiada tindakan yang khusus, bagus biarkan sahaja begitu. Jadi negeri yang dijajah oleh negara lain. Kita tidak mahu anak-anak muda begitu kehilangan keyakinan kepada sistem keselamatan kita. Kalau kita pergi ke Filipina, ke Singapura, kalau kita *overstayed*, berapa? *One month* kah, itu *ASEAN countries*, kita kena tangkap. *Immigration will* tangkap kita di *airport* ataupun di mana-mana dan *deal* dengan kita sebagai *illegal immigrants*.

Kalau di Sabah dan Sarawak sendiri, Jabatan Pendaftaran Negara mengatakan *at least one third. That means* 1.2 juta tahu yang dikatakan *foreigners and only 30 percent of them have documents. When is it going to end? Are you going to give up?* Saya nasionalis Tuan Yang di-Pertua, *I am from Malaysia* tetapi jaga ini budak-budak semua ini, sekarang ini. Dia kata kalau Perjanjian Malaysia tidak dihormati dan kalau keselamatan Sabah tidak terjamin, "*bah sendiri sendirilah kita*". Kita tidak mahu itu terjadi. *This is a serious matter*. Saya minta pihak Kabinet baru ini yang di Pakatan Harapan ini, ambil tindakan yang cergas, yang betul-betul boleh menyelamatkan negara kita. Saya rasa kami tidak bosan untuk menekankan ini Tuan Yang di-Pertua kerana *we want Malaysia to be permanent. My late brother who was a participant in the discussion* untuk selepas tahun 1969, dia antara yang *the late James Ongkili*, dia di antara yang draf Rukun Negara. *His advice with* – pada masa saya mulai berkecimpung dalam politik 1994...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: ...sebagai ADUN di Lakun Sabah. Dia kata, "*Max, satu perkara I tell you, make sure we must be for Malaysia*". Kalau kita tidak dalam Malaysia dengan Malaya dan Sarawak, dia kata, "*...other countries are looking for us you know. Where do we go from there?*" So, he said, *Malaysia should be a permanent marriage. Our job is to enhance the marriage*, bukan mahu pecah. *And that became many of my philosophies* dari segi memajukan Malaysia. Akan tetapi *please take care of Sabah. Please don't leave them like that*. Mereka akan lari daripada Malaysia.

The young people benar tidak senang hati. Kalau begini ia punya keadaan dia kata, baguslah kita sendirian. Nah, kita tidak mahu macam itu.

Biarlah pihak keselamatan semua. Terakhir saya sentuh di sini, saya ada peluang juga berbincang dengan pihak-pihak pegawai tertinggi keselamatan di Sabah. Mereka katakan tidak cukup peruntukan untuk hendak jaga. Banyak yang dijanji tetapi peralatan aset *are not even provided*. Waktu tiga bulan yang lalu satu lagi serangan dekat Sandakan, di situ pihak pegawai polis tertinggi mengatakan, "*How to catch them? By the time we reach there* mereka sudah lari pakai pam bot yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah". Bot-bot ESSCOM hanya boleh masuk di dalam air yang dalam. Dia masuk, semua penculik sudah lari. Kalau begitu punya tindakan *substandard, how do we expect protection...?*

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasihlah *brother* tetapi masa sudah berlari. Nanti *you* sambunglah apa yang saya telah katakan. Lagipun *you* sudah duduk di kerajaan. So, ini peluanglah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang. Banyak lagi yang ingin kita katakan. Saya tahu yang *brother* ini baru masuk Pakatan Harapan sana, gunakan peluang itu selesaikan. Ini isu keselamatan '*pogun*' Sabah. Kalau tidak *I think our future, our children...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Sikit sahaja, sikit sahaja yang saya hendak tanya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju bila kerajaan negeri baru sahaja ditubuhkan bahawa pam bot itu dibenarkan untuk digunakan oleh rakyat?

Ya, betul itu. Sudah kena *banned* tiga, empat tahun oleh kerajaan sebelum ini di Sabah. Baru dalam dua minggu atau satu minggu memerintah Sabah dia bagi relaks balik, boleh pakai pam bot. Semua penculik ini dia pakai pam bot sebab yang itu pun senang sahaja boleh pakai dan juga mereka yang mencuri ikan dan membom ikan pakai ini. Jadi, tidak logiklah Tuan Yang di-Pertua, *please* nasihatkan Ketua Menteri Sabah, kasi pusing balik itu dan kekalkan yang nasihat kita punya pegawai-pegawai keselamatan. Dengan kata demikian, saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Murudu. Saya telah mengambil lebih masa 10 minit, yang dibenarkan maksimum 15 minit Peraturan Mesyuarat 12(3). Dengan itu Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 20 Mac 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.41 petang]